


Jilid I
Bil. 48



Hari Rabu
16hb Julai, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5497]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5550]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 5551]

UCAPAN TANGGUHAN:

Perkhidmatan Talipon di Kuala Lumpur [Ruangan 5608]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 16hb Julai, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.J., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.N., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

Yang Berhormat TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K., (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri
Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J.,
P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja
(Nilam Puri).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN
ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN
RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK
HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P.
(Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI
BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K.
(Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO
UNG HUN (Lumut).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

Yang Berhormat TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).

- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KILANG BAJA UREA DI BINTULU

1. Tuan Thomas Salang Siden minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan kepada Rancangan Buku Hijau yang bertujuan menambahkan pengeluaran bahan makanan, samada terdapat apa-apa rancangan untuk mendirikan kilang baja urea di Sarawak bagi menampung keperluan yang kian bertambah.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan Negeri sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan loji urea di Bintulu, Sarawak. Satu kajian penyesuaian tentang projek baja ini sedang diselenggarakan.

RANCANGAN BUKU HIJAU

2. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan tertentu yang telah diperolehi dalam hal membuka tanah untuk petani-petani yang tidak bertanah untuk bercucuk tanam di bawah Rancangan Buku Hijau.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Buku Hijau adalah untuk semua rakyat, ianya bukan sahaja untuk orang-orang yang mempunyai tanah tetapi juga untuk mereka yang tidak mempunyai tanah. Berhubung dengan ini, sebanyak lebih kurang 48,226 ekar tanah telah diusahakan di bawah Rancangan Buku Hijau sehingga akhir Jun 1975. Anggaran jumlah ini tidak termasuk mereka yang menanam di sekeliling rumah mereka. Bagi mereka yang tidak mempunyai tanah, langkah-langkah yang sesuai telah diambil bagi membolehkan mereka mengusahakan tanah-tanah yang terbiar dan tidak diusahakan oleh tuan-tuan punya tanah yang berkenaan.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta

Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan dalam melaksanakan Rancangan Buku Hijau ini samada Kerajaan akan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menjamin bahawa tanah hanya diberikan kepada orang atau rakyat yang tidak mempunyai tanah?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini soalan lain.

MENCARIGALI MINYAK DI MALAYSIA

3. Tuan Farn Seong Than minta Perdana Menteri menyatakan bilangan dan nama syarikat-syarikat asing yang telah memohon kepada PETRONAS untuk menyedidiki minyak di Malaysia dan bilangan permohonan yang telah diluluskan sejak dikuatkuasakan Akta Kemajuan Petroliaam, 1974.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 33 buah syarikat telah memohon kebenaran mencarigali minyak di Malaysia. Saya tidak dapat mengumumkan nama syarikat-syarikat tersebut demi menjaga kepentingan perusahaan minyak negara.

Setakat ini, sebanyak 8 buah syarikat telah mendapat kebenaran sementara untuk menjalankan usaha mencarigali di beberapa kawasan di dasar laut Malaysia. Nama syarikat-syarikat berkenaan telah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maklumkan kepada Dewan semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Jasir pada 7hb Julai yang lalu.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya—tadi Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri telah menerangkan bahawa beberapa syarikat daripada luar negeri telah datang dan meminta untuk mencarigali minyak dalam negara kita, adakah Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa selepas Dewan ini meluluskan Petroleum Act, berita-berita dalam akhbar-akhbar luar negeri ada menyiarkan, yang memberi gambaran yang tidak berapa sihat seolah-olah keadaan negara kita ini hendak memiliknegarakan segala usaha-usaha minyak dan apakah tindakan daripada Kerajaan kita?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Berita dalam akhbar mengikut Peraturan Mesyuarat 23 tidak boleh dipersoalkan di sini.

PETRONAS/SYARIKAT MENCARI-GALI MINYAK—MELATIH RAKYAT

4. Tuan Farn Seong Than minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang untuk mewajibkan setiap syarikat penyelidikan minyak asing melatih rakyat Malaysia di dalam bidang penyelidikan minyak apabila mereka memohon kepada PETRONAS untuk menyelidik minyak di Malaysia.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa PETRONAS akan menentukan supaya perjanjian yang akan ditandatangani di antara PETRONAS dan syarikat-syarikat asing bagi menjalankan usaha mencarigali minyak dan mengeluarkan minyak di negara kita ini akan mengandungi peruntukan bahawa syarikat-syarikat itu mestilah melatih rakyat Malaysia di dalam segala urusan yang berkaitan dengan perusahaan pengeluaran minyak.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada Kerajaan berniat untuk menubuhkan sebuah Instituti Petroliaam untuk melatih rakyat Malaysia supaya menjadi pakar dalam bidang minyak?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu lain sedikit daripada soalan asal.

MEJISTRET DI MAHKAMAH-MAHKAMAH

5. Tuan Ngan Siong Hing minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kepada kekurangan mejistret-mejistret di Mahkamah-mahkamah Rendah di negara ini pada masa sekarang, samada beliau akan menimbang melonggarkan kadar bagi pengambilan mejistret supaya lebih ramai orang-orang yang berkelayakan ikhtisas dapat berkhidmat dan bukan mengambil pegawai-pegawai kanan mahkamah yang sudah bersara bagi menjalankan tugas tersebut sebagaimana yang diamalkan sekarang.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada 3 kekosongan sahaja dari jumlah 56 jawatan Mejistret berbanding dengan 10 kekosongan pada akhir tahun 1974. Seramai 17 orang pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir Am yang mempunyai Ijazah Am (B.A.) telah menamatkan suatu kursus latihan selama lebih kurang 11 minggu baru-baru ini dan mulai bertugas sebagai Mejistret pada awal bulan ini. Adalah diharapkan bahawa masaalah kekosongan dalam jawatan Mejistret ini akan dapat diatasi sepenuhnya dalam tahun 1976 apabila kita mendapat kumpulan pertama siswazah-siswazah daripada Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya dan universiti-universiti di seberang laut. Sekarang ini ada seramai 13 pesara-pesara yang bertugas sebagai Mejistret Sementara dan mereka akan diganti dengan pegawai-pegawai bertauliah yang sesuai dalam masa beberapa tahun yang akan datang. Oleh itu tidaklah perlu dilonggarkan kadar pengambilan Mejistret sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

MAJLIS TINDAKAN DAERAH

6. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa projek-projek pembangunan yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Daerah melalui Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat untuk kajian EPU pada tiap-tiap tahun biasanya lambat mendapat kelulusan, sehingga kadang-kadang kelulusan itu hanya didapati dalam pertengahan kedua tahun perlaksanaannya dan ini menyebabkan banyak projek-projek yang terpaksa dijalankan secara tergopoh-gapah dalam musim banjir, jika kelambatan ini benar berlaku, nyatakan tindakan yang akan diambil bagi mengatasi masaalah tersebut.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, daripada pertanyaan yang dikemukakan itu dapat diperhatikan bahawa perkara yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai rancangan kecil projek-projek pembangunan luar bandar dan pemberian-pemberian peruntukan kepada negeri-negeri untuk pembinaan jalan di luar bandar. Peruntukan untuk projek-projek tersebut biasanya dibuat secara "block provision" dalam anggaran-anggaran pembangunan. Tiap-tiap tahun peruntukan kepada negeri-negeri tersebut biasanya telah

dibuat di atas perakuan Bahagian Penyelesaian, Pelaksanaan dan Kemajuan Pertadbiran, Jabatan Perdana Menteri untuk pihak-pihak negeri melaksanakan projek-projek berkenaan. Dalam membuat peruntukan-peruntukan adalah mustahak ditentukan keupayaan pelaksanaan yang ada di dalam sesebuah negeri itu memandangkan bahawa di daerah-daerah lain ada juga membuat permintaan-permintaan yang sama. Peruntukan kewangan kepada negeri-negeri adalah dibuat setelah Dewan ini meluluskan belanjawan pembangunan bagi tahun yang berkenaan. Pada pengetahuan saya, tidak ada kelewatan-kelewatan yang berlaku dalam meluluskan projek-projek seperti yang saya sebutkan tadi.

PROJEK CECAIR GAS ASLI (LNG)

7. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah projek cecair gas asli (LNG) di Bintulu terbengkalai tahun ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, projek cecair gas asli (LNG) di Bintulu dijangka akan memerlukan perbelanjaan lebih kurang \$3,500 juta dan saya percaya Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa penanaman modal yang sebegitu besar di atas satu projek tidaklah boleh dilakukan dengan terburu-buru. Sebelum projek itu dilaksanakan, kajian mengenai beberapa perkara terpaksa dijalankan dengan teliti. Kajian itu meliputi pasaran, kewangan, reserve gas yang ada sekarang serta plan dan "specification" jentera-jentera yang akan digunakan bagi projek tersebut. Tetapi ini bukanlah bermakna Kerajaan tidak akan menjalankan projek itu malah Kerajaan bersetuju supaya projek ini dijalankan. Beberapa jawatankuasa telah dibentuk untuk merancang dan melaksanakan bukan sahaja projek itu bahkan juga untuk merancang dan menyediakan "infra-structure" bagi projek tersebut.

LEMBAGA KEMAJUAN TRENGGANU TENGAH

8. Tuan Azahari bin Md. Taib (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan setakat ini dalam usaha memajukan negeri Trengganu di bawah Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah,

dan apakah projek yang dijalankan lebih segera di situ sesuai dengan hasrat rakyat umum.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ditubuhkan, lebih kurang 98,500 ekar tanah telahpun diluluskan untuk 15 projek-projek pertanian yang kebanyakannya adalah untuk menemui kepentingan rakyat. Projek-projek pertanian ini kebanyakannya telahpun dimulakan perlaksanaannya sejak tahun 1974 lagi. Di antara projek-projek yang telah dimulakan itu yang akan memberi faedah dengan serta-merta kepada rakyat ialah:

- (i) Rancangan FELDA di Rasau Kerteh seluas 20,000 ekar untuk tanaman kelapa sawit. Seluas lebih daripada 6,000 ekar telahpun dibersihkan dan 4,000 ekar telahpun ditanam. Mulai tahun 1977 peserta-peserta akan mula diambil untuk menyertai projek ini. Seramai lebih kurang 1,500 keluarga-keluarga nelayan akan diberi peluang untuk menyertai projek ini.
- (ii) RISDA telah diberi seluas 25,000 ekar juga bagi tanaman kelapa sawit untuk kepentingan pekebun-pekebun kecil. Seluas 6,000 ekar telahpun dibersihkan sehingga masa ini.
- (iii) Seluas 5,000 ekar tanah telah juga diluluskan untuk FELCRA menjalankan projek kelapa sawit untuk kaum belia. Seluas 1,000 ekar akan dibersihkan tahun ini.
- (iv) Persatuan Peladang telahpun diluluskan seluas 5,000 ekar tanah untuk projek tanaman kelapa sawit yang akan menguntungkan peladang-peladang negeri itu.
- (v) Satu projek Ladang Koperatif rakyat seluas 18,000 ekar untuk tanaman kelapa sawit akan dimulakan untuk memberi peluang kepada rakyat Negeri Trengganu untuk mempunyai saham-saham dalam projek pertanian kelapa sawit secara besar-besaran.

Selain daripada projek-projek yang tersebut di atas agensi-agensi separa Kerajaan yang lain seperti Tabong Haji, MARA juga telah diberi peruntukan-peruntukan tanah untuk mengadakan projek-projek pertanian. Perbadanan Ladang-ladang Tabong Haji telahpun diluluskan sebanyak 5,000 ekar

tanah untuk tanaman kelapa sawit dan Yayasan MARA telah diberi kelulusan sebanyak 5,000 ekar tanah untuk mengadakan satu projek tanaman Jarak. Projek-projek ini jika dilaksanakan dengan jayanya akan menguntungkan sebilangan besar rakyat Negeri Trengganu khasnya dan negara amnya.

Selain daripada projek-projek pertanian itu rancangan untuk mengadakan satu lebuh raya yang baru sejauh 106 batu di antara Jerangau dan Jabor yang akan memakan perbelanjaan lebih daripada \$90 juta akan juga memberi peluang-peluang pekerjaan dengan serta-merta kepada rakyat Negeri Trengganu. Pembinaan projek ini akan dimulakan pada awal tahun 1976 dan akan disiapkan dalam masa 30 bulan. Bandar-bandar baru yang telahpun ditentukan untuk dimajukan juga akan menguntungkan rakyat negeri dengan cara mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang baik untuk penduduk di kawasan Trengganu Tengah kelak. Penubuhan bandar-bandar baru ini juga akan menggalakkan kemasukan perusahaan-perusahaan perkilangan dan perusahaan di kawasan Trengganu Tengah yang akan membuka peluang-peluang pekerjaan yang baru untuk penduduk-penduduk Negeri Trengganu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa FELDA memerlukan lebih lagi daripada yang diperuntukan sebanyak 20,000 ekar sedangkan peruntukan 20,000 ekar daripada apa yang saya tahu setelah dibuat penyiasatan yang benar, hanya 18,000 ekar sahaja yang disediakan. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menimbangkan agar peruntukan kepada FELDA dibesarkan lagi memandangkan kepada kehendak rakyat untuk menjadi peserta di dalam rancangan yang tersebut.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, saya sendiri tidak sedar, tetapi saya rasa perkara seperti itu bolehlah dipertimbangkan.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk siapakah pembukaan bandar-bandar baru di dalam kawasan Trengganu Tengah itu diadakan, samada untuk orang-orang

yang sekarang berada di bandar-bandar besar berpindah ke sana atau pun untuk penduduk-penduduk luar bandar menduduki bandar-bandar baru itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab, semuanya untuk faedah rakyat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi keterangan sedikit tentang syarikat-syarikat bumiputra yang boleh melibatkan diri dalam rancangan di Trengganu Tengah itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini terkeluar daripada soalan asal.

RANCANGAN PERTUKARAN PENUNTUT

9. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan inisiatif-inisiatif yang diambil untuk menggalakkan lebih banyak kunjungan-kunjungan dan perhubungan sosial antara rakyat Malaysia di Semenanjung dan mereka di Sabah dan Sarawak dan sebaliknya, supaya memupuk semangat bersatu di kalangan rakyat serta menentukan bahawa jurang ilmu alam dapat dititikan dengan cukupnya.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai aktiviti adalah dijalankan seperti rancangan pertukaran penuntut-penuntut, lawatan-lawatan rombongan kebudayaan, persatuan dan pertubuhan dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan juga sebaliknya. Acara-acara sukan yang disertai oleh peserta-peserta dari semua negeri di Malaysia sentiasa diadakan dan digalakkan.

Penubuhan cawangan-cawangan Yayasan Pelajaran Tinggi seperti Kampus Universiti Kebangsaan di Sabah dan Kampus Universiti Pertanian di Sarawak serta cawangan-cawangan Instituti Teknologi MARA adalah bertujuan di antara lain untuk menunjukkan bahawa Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah dalam satu negara dan telahpun dapat memupuk semangat persatuan dan perpaduan.

Kerajaan sedar dan sentiasa menggalakkan segala aktiviti yang bertujuan untuk merapatkan lagi seluruh rakyat di negara ini bagi mencapai matlamat sebuah negara yang bersatu-padu, kuat, teguh dan makmur.

KERJA LIMA HARI SEMINGGU

10. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang menimbang mengadakan waktu kerja lima hari seminggu di Malaysia dan menetapkan gaji minima untuk pekerja-pekerja; jika tidak mengapa.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai waktu kerja lima hari di Malaysia, perkara ini telahpun dibangkitkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini di masa yang lalu. Kedudukannya masih tidak berubah iaitu Kerajaan masih berpendapat bahawa pada peringkat pembangunan negara yang dicapai sekarang, belum sah wajar lagi bagi negara kita mengamalkannya.

Tentang gaji minima pula, jawapannya adalah sama seperti jawapan yang telah diberi kepada soalan yang telah dibangkitkan oleh wakil dari Batu Pahat dalam Dewan ini pada 14hb Julai 1975 yang lalu.

JENTERA KERAJAAN— KELAMBATAN

11. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar akan kelambatan jentera Kerajaan di setengah bahagian yang penting seperti bahagian-bahagian kewarganegaraan dan kad pengenalan, Jabatan Pendaftaran dan bahagian permit kerja di Kementerian Buruh dan bahawa orang ramai kelam-kabut dengan tindak-tanduk pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan tersebut yang bertindak sesuka hati mereka kerana sesuatu tujuan mereka yang tertentu. Jika sedar, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil berkaitan dengan hal ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang adanya sebarang kelambatan yang disengajakan dalam jentera Kerajaan dalam mengendalikan permohonan-permohonan untuk kewarganegaraan, Kad Pengenalan dan permit kerja. Sekiranya ada sesuatu kes yang tertentu di mana pegawai-pegawai Kerajaan telah mengambil kesempatan sengaja melambatkan per-

mohonan-permohonan bagi kepentingan mereka sendiri, maka Ahli Yang Berhormat bolehlah melaporkan perkara ini kepada saya atau kepada Biro Siasatan Negara supaya tindakan dapat diambil ke atas mereka yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar memang ada berlaku kelambatan yang tidak disengajakan di setengah-setengah Jabatan Kerajaan dan kelambatan ini berlaku, kerana beberapa sebab seperti beban-kerja yang ditanggung oleh jabatan-jabatan berkenaan serta peraturan-peraturan yang mengambil masa yang tertentu, umpamanya, urusan memproses permohonan kewarganegaraan (citizenship) terpaksa mengambil masa, kerana setiap permohonan itu mestilah diproses dengan teliti dan mendalam. Dalam proses ini rujukan terpaksa dibuat kepada beberapa jabatan-jabatan yang lain dan ini semestinya mengambil masa yang panjang. Manakala kelambatan dalam urusan perkara Kad Pengenalan, saya diberitahu kebanyakannya adalah disebabkan oleh orang ramai sendiri, kerana kerap kali mereka tidak menjawab pertanyaan-pertanyaan oleh jabatan-jabatan tersebut atau telah tidak memberikan butir-butir yang lengkap atau alamat yang lengkap untuk menyenangkan perhubungan.

Bersabit dengan dakwaan mengenai kelambatan dalam bahagian permit kerja, saya diberitahu sehingga ini Biro Pengaduan Awam belum lagi menerima apa-apa pengaduan berkenaan dengannya. Saya tidak nampak bagaimana orang ramai dikatakan telah kelam-kabut dengan tindak-tanduk pegawai-pegawai jabatan berkenaan.

Urusan sesuatu perkara, khususnya perkara-perkara berkaitan dengan kewarganegaraan (citizenship), Kad Pengenalan dan permit kerja adalah tertakluk kepada perbezaan undang-undang yang memerlukan pegawai-pegawai berkenaan menyelenggarakan dengan cermat dan teliti. Di samping itu pegawai-pegawai Kerajaan adalah tertakluk kepada Arahan Perkhidmatan yang memandu dan mengawasi tugas-tugas rasmi mereka termasuklah kelakuan dan tata-tertib mereka. Sebarang penyelewengan daripada peraturan-peraturan ini akan mengakibatkan pegawai yang berkenaan diambil tindakan tata-tertib yang sewajarnya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat harus maklum Biro Pengaduan Awam telah ditubuhkan dalam tahun 1971 (4 tahun dahulu)

dengan tujuan untuk menerima dan jika boleh, menyelesaikan aduan-aduan orang ramai. Bagi menyenangkan orang ramai menulis kepada Kerajaan dan layanan-layanan yang segera supaya dapat diberi. Kerajaan telah melantik beberapa orang wakil Biro di seluruh negara. Di antara wakil-wakil itu mereka yang dilantik ialah Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negeri. Saya percaya jika ada terdapat di mana tindakan pegawai-pegawai Kerajaan terhadap orang awam yang tidak memuaskan, maka Ahli-ahli Parlimen yang mengetahui perkara ini bolehlah membawa ke pengetahuan Biro Pengaduan Awam bagi tindakan sewajarnya.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini memang ada berlaku. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak sedar, saya akan sedia memberikan lapuran yang penuh, tetapi di dalam Dewan ini saya tidak mahu menyebutkan di mana negeri yang berlaku kerana terdapat seorang wanita yang menjadikan kalam-kabut berkehendakkan kewarganegaraannya, manakala pergi ke Pejabat Negeri mengatakan segala keterangan-keterangan yang telah dihantar begitu lewat masa telah dihantarkan ke Ibukota, bererti di Kuala Lumpur wanita yang berkehendakkan warganegara itu terpaksa pula berlari ke Kuala Lumpur berjumpa dengan kakitangan pejabat yang berkenaan. Apakala disiasat surat-surat itu tidak ada sampai Ibukota. Ini dikatakan kalam-kabut. Mereka telah membuang duit

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apakah pertanyaannya?

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Soalannya ialah kalau benda itu memang terjadi, kalau pihak Kementerian tidak sedar, saya akan menghantarkan lapuran kejadian yang berlaku, ini yang saya hendak terangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi soalan tambahannya tidak ada, penerangan sahaja, begitu?

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Ya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menjelaskan tentang kelewatan atau kelambatan memproses kerakyatan. Adakah beliau sedar beratus-ratus atau beribu-ribu pemohon-pemohon kerakyatan selepas mereka lulus ujian bahasa terpaksa menunggu bukan satu atau 2 tahun, bahkan 3-4 tahun dan apabila mereka suruh saya bertanya, jawapan yang diberi oleh Pejabat Pendaftaran ialah perkara ini di dalam proses, katanya, tetapi satu tahun, 2 tahun, 3 tahun, 4 tahun masih di dalam proses lagi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan mengapa begitu lewat atau begitu lambat diproses permohonan itu sehingga begitu lama?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa yang disengajakan tidak ada, yang tak sengaja itu ada kerana beban-kerja bertambah. Kes ini teruk sangat, jadi tak payah dijawab sebab sudah diterangkan tadi.

Dr Tan Chee Khoon: Bukan, Tuan Yang di-Pertua, beliau tidak jawab. Saya sekarang menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa sipemohon ada yang menunggu sehingga 4 tahun. Bolehkah beliau menjelaskan samada 4 tahun ialah suatu masa yang terlampau panjang untuk sipemohon menunggu jawapan daripada Pejabat Pendaftaran?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab boleh juga.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti Tuan Yang di-Pertua katakan tadi, saya sebenarnya telahpun menjawab. Kerana kes-kes terlampau banyak, maka proses untuk menyelesaikannya terpaksa memakan masa yang banyak, kes-kes dirojokkan kepada jabatan-jabatan lain. Kadang-kadang pemohon-pemohon sendiri tidak memberi keterangan-keterangan yang penuh. Tetapi kalaulah seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kepong itu, bahawa beribu-ribu, saya rasa itu a bit of an exaggeration on his part, kerana mengikut maklumat yang ada sekarang, umpamanya, bagi tahun 1972 Biro Pengaduan Awam telah menerima 252 aduan berkenaan dengan

kelewatan citizenship. Kata Ahli Yang Berhormat itu tadi beribu-ribu. Daripada jumlah aduan itu sebanyak 188 aduan telah dapat diselesaikan sebelum akhir tahun itu. Bagi tahun 1973 Biro Pengaduan Awam telah menerima 165 aduan. Daripada bilangan itu sebanyak 101 telah diselesaikan sebelum akhir tahun itu. Saya rasa kalau ada kelewatan-kelewatan bolehlah, selain daripada menggunakan jasa baik Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kepong yang berkenaan juga menggunakan Biro Pengaduan Awam.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya tidak berhubung dengan Biro Pengaduan Awam, saya menulis terus kepada Pejabat Pendaftaran dan saya sentiasa mendapati jawapan: perkara ini di dalam proses. Dan enam bulan kemudian saya menulis lagi, perkara itu masih di dalam proses. Itulah saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan itu apa tindakan Pejabat Pendaftaran akan ambil supaya kajian proses bagi mempercepatkan, bukan selama empat tahun pun belum selesai.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ada banyak pejabat yang berkaitan dan tidak sampai empat tahun. Beliau sudah terangkan dengan jelas, jadi apa yang hendak diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menjawab, dijawab itu jugalah. Maknanya tidak ada, kalau ada tolong tulis terus kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

KERETAPI—KEGELINCIRAN

12. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa perjalanan perkhidmatan keretapi yang tidak tentu dalam negeri adalah menyusahkan orang ramai, misalnya apabila rel keretapi di antara Kluang dan Johor Bahru rosak baru-baru ini penguasa stesyen bersikap indah tak indah dengan alasan bahawa hari itu ialah hari kelepasan am. Jika sedar, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menerima tuduhan am yang perjalanan

keretapi diaturkan dengan tidak tentu masa. Jika ada apa-apa kelewatan mestilah ada dengan satu-satu sebab. Kejadian yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai terin-terin barang pada 1-6-75 di antara Kluang dan Mengkibol di dalam mana dua roda gerabaknya telah terkeluar dari landasan. Akibat kegelinciran ini beberapa terin lain mengalami kelewatan. Pekerja-pekerja dan Terin Kerja Aral telah dihantar dari Gemas dan Kluang dan gerabak tersebut telah dapat dinaikkan pada jam 18.05 dan jalan bebas seperti sedia kala pada jam 18.35.

Tentang sikap Ketua Stesyen pada ketika itu haruslah difahamkan kerana tanggungjawab beliau amatlah berat jika berlakunya perkara seperti itu. Kerana kesibukan tugas-tugas yang mana kadangkala menyebabkan beliau tidak dapat melayani pertanyaan-pertanyaan orang ramai dengan memuaskan. Sesungguhnya tiap-tiap pegawai dan kakitangan telah dan akan mengambil segala daya-usaha untuk membebaskan halangan-halangan seperti itu dengan seberapa segera. Pertadbiran Keretapi cuba dengan sedaya-upaya untuk memberi dan melayani orang-orang awam disaat berlakunya sesuatu kejadian yang tidak diingini terhadap sistem keretapi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Barangkali baru Yang Berhormat Setiausaha Parlimen seorang sahaja di negara kita tidak tahu ada kelewatan berlaku selalu dalam perkhidmatan keretapi. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memastikan keretapi di tanahair kita boleh mengikut masa dan tidak selalu lewat menyebabkan kesusahan kepada orang-orang yang menggunakan perkhidmatan keretapi.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tetapi Ahli Yang Berhormat itu mestilah faham atas kehendak orang ramai, bukan kesalahan dalam pentadbiran keretapi sahaja, orang ramai ada membawa barang-barang keperluan mereka itu. Kadang-kadang keretapi berhenti di situ kita tetapkan lima minit atau sepuluh minit. Tetapi kalau kita tentukan keretapi itu tetap masanya berhenti, barang-

barang orang itu kadang-kadang jadi kemalangan dan sebagainya. Jadi, terpaksa signal keretapi itu menjaga dan ini satu kita mesti sedar dan kita pun selalu membuat lawatan melihat di stesyen di sebelah utara dan juga di sebelah selatan. Walau bagaimanapun, keadaan sekarang ini Kementerian saya sedang membaiki keadaan dan kehendak-kehendak Ahli Yang Berhormat itu supaya perjalanan keretapi itu dapat disusun begitu rupa dan dapat memuaskan khasnya kepada Ahli Yang Berhormat dan kepada orang ramai di dalam negara kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak tahu kalau ada banyak barang-barang untuk keperluan orang ramai sudah adakah rancangan dalam Kementerian.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Sudah ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang di dalam keretapi ini mengadakan jurucakap, sebagaimana yang diadakan di kapalterbang apakala kapalterbang lambat sampai dia menerangkan kepada kita sebab-sebab kelambatan kapalterbang itu. Tetapi dalam keretapi selalu kerosakan berlaku, penumpang-penumpang hanya termangung-mangung dan tercengang-cengang tidak tahu apa sebab-sebabnya. Kadang-kadang orang yang menumpang dalam keretapi itu mustahak hendak menghadiri mesyuarat, kalau sekiranya didapati kerosakan di dalam satu-satu stesyen, tempat yang boleh kita turun untuk menaiki teksi atau kereta pergi menuju tempat, umpamanya, di Seremban kita boleh lari ke Kuala Lumpur kalau diterangkan sebab-sebab kerosakan, ataupun kalau kerosakan di Simpang Renggam kita boleh naik kereta pergi ke Johor. Jadi kalau ada jurucakap menerangkan bahawa sanya keretapi itu rosak, kita akan lambat sampai, menunggu pertolongankah atau menunggu bantuan? Jadi, setahu saya tidak tahu, kadang-kadang kita dalam keretapi ingat keretapi itu berhenti kerana mengangkat barang sampai satu-dua jam, bila kita keluar bertanya-tanya mulut ke mulut, kita dapati bahawa sanya keretapi itu rosak, keretapi ini

putus sekerat, sekerat kepala sudah tiba ke Johor dan sekerat lagi tinggal di Simpang Renggam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang sangat soalan tambahannya. (*Ketawa*)

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Adakah Kementerian bercadang hendak mengadakan jurucakap, kalau keretapi itu rosak diberitahu kepada penumpang-penumpang keretapi itu rosak dan lambat sampai ke Johor umpamanya pukul 9.00 baharu sampai atau ke Kuala Lumpur pada pukul 10.00 baharu sampai, sebab rosak, jadi orang yang naik keretapi itu tahu. Sekarang ini penumpang-penumpang ini tidak tahu keretapi itu rosak, duduk sahaja tunggu keretapi itu berhenti di situ. Adakah rancangan dibuat untuk menerangkan kepada penumpang-penumpang keretapi itu?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, rancangan itu adalah satu rancangan yang baik dan Kementerian saya akan timbang dan sekiranya dikehendaki dengan begitu serious, kita akan timbangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini serious. (*Ketawa*)

HUKUMAN MATI DALAM ROMPAKAN BERSENJATA

13. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan bilakah hukuman mati akan dikuatkuasakan di negara ini bagi mereka yang terlibat di dalam rompakan bersenjata.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Akta Senjata (Penalti Lebih Berat) yang telah dipinda itu telahpun berjalan kuatkuasanya mulai 1hb Oktober, 1971. Oleh itu sesiapa juga yang didapati bersalah di bawah Seksyen 3 atau Seksyen 3A akan dihukum dengan hukuman mati. Tetapi samada seseorang itu boleh dituduh di bawah Seksyen tersebut akan bergantung kepada keterangan-keterangan yang dapat diperolehi untuk membuktikan kesalahan di bawah seksyen-seksyen itu sahaja. Bila sahaja berlaku rompakan bersenjata polisi akan dijalankan

dengan seberapa daya-upaya supaya dapat orang-orang yang bertanggungjawab dalam rompak dengan menggunakan senjata itu dituduh di bawah Seksyen 3 atau Seksyen 3A undang-undang tersebut. Sekiranya keterangan-keterangan yang diperolehi itu tidak dapat membuktikan salah satu daripada kesalahan-kesalahan itu, misalnya pihak polis tidak dapat memastikan samada betul atau tidak senjata itu ada digunakan maka sudah tentulah pihak yang bersalah itu tidak boleh dituduh melakukan kesalahan itu di bawah seksyen-seksyen yang membolehkan hukuman mati dikenakan. Hingga ini seorang sahaja telah dijatuhkan hukuman gantung kerana kesalahan menggunakan senjata dengan menembak masa melaku rompak sungguhpun yang kena tembak itu tidak mati.

SETAPAK GARDEN— BAYARAN CUKAI

14. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak tempat seperti Setapak Gardens yang menjadi sebahagian daripada Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari, 1974 tetapi telah diperintahkan membayar cukai pintu bukan sahaja mulai dari tarikh 1hb Februari, 1974 tetapi kebelakangan sehingga tahun 1968 dan jika ya, mengapa.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, walaupun luas kawasan di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya sekarang ini telah diperluaskan dengan terbentuknya Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari, 1974 tetapi tidak ada cukai pintu (assessment rates) yang dipungut ke atas kawasan-kawasan tersebut sehingga 30hb Jun, 1975. Hanya sebahagian dari Seksyen 16 Petaling Jaya (yang mana sekarang adalah dalam Wilayah Persekutuan) telah membayar cukai kepada Dewan Bandaraya mulai dari 1hb Julai, 1975.

Kawasan-kawasan lain dan kawasan-kawasan perumahan seperti Setapak Garden tidak membayar cukai kepada Dewan Bandaraya. Setakat yang diketahui setengah-setengah kawasan seperti Setapak Garden telah membayar cukai kepada Lembaga Bandaran Kuala Lumpur, yang mana adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya mungkin akan memungut cukai pintu daripada kawasan-kawasan perumahan (housing estates) yang terletak dalam Wilayah Persekutuan mulai daripada 1hb Januari, 1976.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa Dewan Bandaraya pada dua tiga tahun yang lalu telah memberi notis kepada penduduk-penduduk di Taman Setapak menyuruh mereka membayar cukai pintu mulai daripada tahun 1963 walaupun pada masa itu Taman Setapak bukan terlibat dalam Wilayah Persekutuan. Kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berkata Dewan Bandaraya tiada membuat arahan atau notis ini, bolehkah Dewan Bandaraya menerangkan perkara ini kepada penduduk-penduduk, bukan sahaja di Taman Setapak, tetapi juga di rancangan-rancangan perumahan yang sekarang ada di Wilayah Persekutuan, tetapi masa dahulu bukan dalam Wilayah Persekutuan supaya mereka jangan khuatir dan takut mereka terpaksa membayar banyak cukai pintu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dua tiga tahun yang lalu Kuala Lumpur ini belum jadi Wilayah Persekutuan lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Ya. Tetapi Dewan Bandaraya pada masa sekarang memberi notis kepada penduduk-penduduk rancangan perumahan yang dahulunya tidak terlibat dalam Wilayah Persekutuan, mereka terpaksa membayar cukai pintu kepada Dewan Bandaraya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi, soalan tambahan Yang Berhormat minta Yang Berhormat Menteri memberi penerangan kepada penduduk-penduduk di situ. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri penjelasan?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ada sedikit kebimbangan itu kerana penduduk-penduduk itu seperti telah saya katakan tadi bukan Dewan Bandaraya yang telah mengeluarkan notis, tetapi Lembaga Bandaran Kuala Lumpur di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor yang telah mengeluarkan notis bukan Dewan Bandaraya, barangkali penduduk-penduduk itu tidak jelas mana satu badan yang telah mengeluarkan notis itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Lembaga Bandaran di bawah Negeri Selangor, di bawah Kerajaan Negeri Selangor-lah.

**PENEROKA-PENEROKA IBAN—
KEKURANGAN MAKANAN
DAN TANAH**

15. Tuan Luhut Wan (*dibawah S. O. 24(2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan sedar tentang kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh peneroka-peneroka Iban di kawasan penempatan semula di Sarawak terhadap kekurangan makanan dan tanah untuk pembangunan dan gantirugi harta-benda yang mereka tinggalkan di tempat asal kediaman mereka; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan kehidupan dan masa depan bagi mereka yang terlibat ini; dan
- (b) samada Kerajaan telah membuat kajian yang mendalam mengenai kesulitan-kesulitan mereka dan, jika ya, apakah rancangan-rancangan yang sedang direka untuk membantu mereka mengatasi kesulitan-kesulitan tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, soal ini sepatutnya ditujukan kepada Kerajaan Negeri, tetapi insya Allah saya cuba menjawabnya. Pada keseluruhannya tidak ada kesulitan yang dialami oleh peneroka-peneroka di kawasan penempatan semula di Sarawak. Daripada angka-angka pendapatan purata (average income) daripada 6 kawasan peneroka-peneroka penempatan semula sebanyak sejak lima bulan yang lampau adalah didapati pendapatan mereka itu ialah di antara \$122 sebulan kepada \$450 sebulan. Kawasan-kawasan penempatan semula yang saya maksudkan itu ialah Triboh, Melugu, Skrang, Meradong, Sibintek dan Lambir. Mungkin Yang Berhormat maksudkan kawasan-kawasan penempatan semula sementara di dalam Rejang Area Security Command (RASCOM) yang telah ditubuhkan untuk mengelakkan penduduk pendalaman dari ancaman pengganas komunis. Kerajaan sedar akan masalah ekonomi dan tanah untuk bercucuk-tanam yang dihadapi oleh mereka itu dan langkah-langkah telahpun

diambil untuk memberi bantuan seperti beras, garam, gula serta susu kepada kanak-kanak pada masa-masa kesempitan.

Selain daripada itu, Kerajaan telah juga menyewa tanah-tanah penduduk-penduduk tempatan untuk diusahakan oleh peserta yang tidak ada tanah, kerana di sana tidak ada tanah Kerajaan.

Mengenai gantirugi, Tuan Yang di-Pertua, bagi harta-benda yang mereka tinggalkan di tempat asal kediaman mereka itu, perkara ini tidak berbangkit oleh kerana Kerajaan tidak mengambil semula (acquisition) tanah-tanah itu dan tanah-tanah tersebut, masih kepunyaan mereka itu sendiri. Pada masa ini beberapa rancangan jangka panjang bagi penduduk-penduduk tersebut sedang dirancang dan disediakan, di antaranya ialah sebuah rancangan tanah sedang diselenggarakan bagi peneroka Nanga Sekuau di Bahagian Ketiga. Lain-lain kawasan penempatan semula yang masih dalam rancangan ialah di Nanga Jagau, Naga Mangun dan Nanga Tada di dalam daerah Kanowit.

Mengenai soalan (b) Kerajaan membuat kajian mengenai masalah sosio-ekonomi jangka panjang penduduk-penduduk di dalam rancangan-rancangan ini.

**HOSPITAL BESAR MELAKA—
DONALD STA MARIA**

16. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar:

- (a) seorang jurugagas di Hospital Besar Melaka, Donald Sta Maria, telah beku tanggagajinya pada tanggagaji \$112.75 selama 14 tahun dari tahun 1956 hingga 1970; telah dilalui oleh dua penyemakan gaji, sekali pada tahun 1960 dan lagi sekali pada 1963, seolah-olah beliau tidak ujud, dan selama tujuh tahun dari 1963 hingga 1970 beliau dibayar tanggagaji yang tidak ujud;
- (b) bahawa beliau (Donald Sta Maria) hampir-hampir hilang haknya untuk memilih Sekim Gaji Suffian pada tahun 1970 kerana tidak ada peruntukan untuk penukaran kerana beliau berada pada tanggagaji yang tidak ujud dan bahawa hanya pada saat-saat akhir setelah membuat permohonan-permohonan dalam bulan Oktober 1970 Donald Sta Maria diletakkan dalam

Butiran 383 (ii) pada gaji tetap \$166 untuk maksud penukaran kepada Sekim Gaji Suffian;

- (c) bahawa Jabatan Kerajaan yang berkenaan enggan membayar balik kepadanya kekurangan-kekurangan gaji dari 1960 hingga 1970, terutamanya daripada 1963 hingga 1970 setelah dia diletakkan pada tanggagaji yang tidak ujud; dan
- (d) apa tindakan beliau telah ambil untuk membayar tunggakan gaji kepada Donald Sta Maria sungguhpun beliau telah bersara pada bulan Disember 1974 untuk memastikan beliau mendapat pampasan yang cukup dan adil berjumlah lebih kurang \$5,000 supaya ketidak-adilan yang disebabkan oleh ketidak-betulan pentadbiran boleh di-rentikan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Encik Donald Sta Maria ialah seorang Jurugegas dalam Bahagian IV (sebelum Suffian), di Hospital Besar, Melaka. Beliau tidak dibekukan di dalam tanggagajinya akan tetapi beliau telah mencapai gaji maxima di dalam tanggagajinya. Gaji beliau telah dipindahkan daripada \$109.75 kepada \$122.75 (maxima) mulai 1hb Mac, 1956 di atas tanggagaji $\$94 \times 6 - 106 \times 6.75 - 112.75$, sesuai dengan F.E.O. Circular No. 5/1957.

Penyemakan gaji pada tahun 1960 di bawah Pekeliling Perkhidmatan (Service Circular) 6/1960 adalah untuk kakitangan yang bergaji hari bukannya untuk Bahagian IV. Dengan itu penyemakan gaji ini tidaklah melibatkan Encik Donald Sta Maria yang di dalam Bahagian IV secara manapun. Tidak ada penyemakan gaji yang telah dibuat pada tahun 1963 akan tetapi di bawah Pekeliling Perkhidmatan 5/1963 semua kakitangan yang bergaji hari telah dipindahkan kepada gaji bulan dengan mengira gaji hari kepada 27 kali (bukan 26 kali) dan dibayar gaji bulan. Pegawai-pegawai di dalam Bahagian IV tidaklah terlibat, begitu jugalah Encik Donald Sta Maria.

- (b) Encik Donald Sta Maria tidak hilang apa-apa hak option di bawah Gaji

Suffian mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6/1970. Malahan beliau telah diberi pemindahan gaji kepada \$250—Gaji Suffian, mulai 1hb Mac, 1969.

- (c) Encik Donald Sta Maria tidak kurang dibayar daripada tahun-tahun 1960 hingga 1970. Walaupun tanggagaji $\$94 \times 6 - 106 \times 6.75 - 112.75$ tidak wujud di dalam peruntukan bagi tahun 1964 hingga 1970, Encik Donald Sta Maria telah dibayar gaji Jurugegas Tingkatan Biasa sebagaimana yang di atas sejajar dengan tanggagaji No. 69, F.E.O. Circular No. 5/1957 hingga 30hb April, 1969.
- (d) Soalan bayaran balik dan tunggakan gaji tidaklah timbul langsung oleh kerana Encik Donald telah dibayar gaji dengan betul. Encik Donald telah bersara pada 8hb Disember, 1974 dan ganjaran sebanyak \$3,714.88 telahpun dibayar kepadanya pada 18hb Februari, 1975 tertakluk kepada potongan E.P.F. bahagian Kerajaan dan juga pencen bulanan \$74.30 serta elaun bantuan khas sebanyak \$30.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Sungguhpun kes ini nampaknya suatu hal yang kecil, tetapi kepada orang yang berpendapatan rendah itu adalah satu hal yang besar dan menguji keikhlasan dan kejujuran Kerajaan kepada orang-orang yang bergaji rendah. Ini satu kes di mana orang yang berkenaan telah bertahun-tahun membuat rayuan dan saya ada beberapa soalan tambahan yang berbangkit daripada jawapan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa dalam tahun 1956, Encik Donald Sta Maria telah ditempatkan pada gaji maksima di mana code itu ialah di bawah tangga gaji \$94.00 sampai maksima \$112.75 sen. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa dalam tahun 1963 di mana ada satu revision gaji, salary scale ini telah dihapuskan dan tidak lagi timbul dan tidak ada di dalam Establishment List Kerajaan. Dan sekiranya Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa di dalam tahun 1963 dalam penyemakan (revision of salary scales) tanggagaji ini telah dihapuskan, kenapa Encik Donald Sta Maria tidak ditempatkan di satu tanggagaji yang wujud?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tadi telah menjawab. Pada masa itu beliau belum sampai ke tanggagaji maksima. Tetapi apabila ada tanggagaji Suffian, maka pada 1hb Mac, 1969 sudah diberi gaji maksima \$112.75 sen Menteri sudah jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tidak silap, beliau sudah sampai gaji maksima oleh kerana pada tahun 1956 lagi beliau telah ditempatkan di dalam tanggagaji itu dan pada tahun 1963 dia telah mencapai gaji maksima. Apabila ada satu revision dalam tahun 1963 tentang scale ini, scale ini telah dihapuskan. Walaupun scale itu dihapuskan dia masih lagi menerima gaji \$112.75 sen sampai tahun 1970, sungguhpun dalam masa tempoh 7 tahun, tanggagaji (salary scale) itu tidak wujud lagi dalam perkhidmatan Kerajaan dan sebab itu saya bertanya, kenapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan untuk memberi keadilan kepada jurugegas ini dan membayar gaji yang patut dan ditempatkan di tanggagaji yang ada?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya boleh minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan, tetapi tidaklah sampai hingga tahun 1970. Mengikut penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi mulai 1hb Mac, 1969 dia telah dibayar gaji \$250. Tetapi cubalah Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan untuk memuaskan hati Ahli Yang Berhormat itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun mengadakan peraturan mengenai tanggagaji mengikut arahan-arahan (circulars) yang dijalankan oleh Kerajaan. Jikalau pegawai yang disebutkan (Encik Donald Sta Maria) ini dibayar gaji yang tidak betul misalnya, tidak ada halangan kalau beliau sendiri membuat appeal ataupun menghantar surat kepada pegawai yang berkenaan untuk dibetulkan. Ini adalah hak bagi tiap-tiap pegawai atau tiap-tiap seorang yang bekerja di Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, apakah sebabnya perkara pegawai ini ditimbulkan di dalam Parlimen ini? Jikalau ada apa-apa kesilapan adalah menjadi hak kepada pegawai itu membuat appeal kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Perkara itu boleh diselesaikan dan jawapan yang saya telah terangkan tadi ada-

lah satu cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan tak usahlah kita argue dengan soalan ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Saya tidak mahu jadikan masaalah service satu issue persendirian di antara Yang Berhormat Menteri Kesihatan dengan saya, sungguhpun saya terperanjat mengenai sikapnya oleh kerana itu adalah satu masaalah yang sangat besar bagi seseorang yang berpendapatan rendah dan saya timbulkan hal ini oleh kerana sungguhpun ada banyak surat-menyurat yang dibuat oleh Encik Donald Sta Maria, dihantar kepada jabatan yang berkenaan dan kepada Yang Berhormat Menteri sendiri pada 20hb Mei, 1974, tetapi tidak mendatangkan apa-apa hasil. Dengan sebab itu terpaksa perkara itu ditimbulkan di dalam Dewan ini. Saya sudah katakan yang saya tidak mahu jadikan perkara itu satu issue persendirian oleh kerana saya mahu hal itu diselesaikan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, nanti dulu! Soalan Yang Berhormat itu sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi, sekarang apa soalan tambahannya?

Tuan Lim Kit Siang: Soalan saya adalah sangat mudah, iaitu adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa pada tahun 1963 Jurugegas ini ditempatkan pada satu tanggagaji yang tidak ada lagi sampai tahun 1970 di mana apabila exercise option kepada Tanggagaji Suffian dijalankan, Jabatannya tidak memberi borang-borang kepada Jurugegas ini oleh kerana mereka tidak tahu bagaimana hendak menentukannya kerana dalam Conversion Table tidak ada tanggagaji ini. Dengan sebab itu, sekali lagi seruan dibuat oleh Encik Donald Sta Maria kepada pihak-pihak yang berkenaan barulah ia ditempatkan pada satu lagi tanggagaji tetapi itu . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk. Soalan ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri bahawa Encik Donald Sta Maria tidak ada kehilangan apa-apa daripada Tanggagaji Suffian dan mengikut Circular No. 6 tahun 1970,

kalau tidak salah saya di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, dia sudah dibayar gaji itu dan tidak ada kehilangan apa-apa. Jadi, saya cadangkan supaya Ahli Yang Berhormat pergi berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri, selepas daripada Dewan ini dan Yang Berhormat Menteri boleh tengok fail dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak akan buat begitu, tetapi saya minta satu penjelasan, saya tidak kata bahawa dia ada kehilangan apa-apa. Soalan saya ialah dia hampir-hampir kehilangan hak Tanggagaji Suffian, tetapi 7 tahun dia

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri dan saya harap perkara ini dapat diselesaikan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (c) tidak boleh mendatangkan sesuatu pertanyaan untuk masaalah hujjah (debate).

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan debate.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini argue, saya tidak benarkan.

TANAMAN PADI LIMA KALI

17. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada terdapat apa-apa rancangan untuk menjalankan percubaan menanam padi lima kali dalam dua tahun di Sarawak supaya boleh menolong negeri itu mencapai kecukupan-sendiri dalam beras.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, tanaman padi lima kali dalam dua tahun adalah salah satu daripada langkah-langkah yang boleh meninggikan keluaran padi bagi mencapai kecukupan bekalan padi dalam negara. Tetapi beberapa langkah perlu diambil untuk memperbaiki keadaan dan cara penanaman yang ada sekarang ini. Usaha-usaha untuk mengadakan bekalan air yang cukup, sistem parit dan taliair yang baik, urusan dan sistem tanaman yang tersusun sedang di-

jalankan dalam beberapa peringkat pelaksanaan sekarang di seluruh negara, termasuklah di negeri Sarawak.

FAMA—MENUBUHKAN PUSAT-PUSAT DI SARAWAK

18. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada FAMA mempunyai rancangan hendak menubuhkan pusat-pusat di Sarawak untuk membeli kelapa kering dari pekebun-pekebun kecil, jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, ada. Pusat memproses kelapa kering yang pertama akan didirikan di Sebgan dan pembinaannya dijangka siap pada akhir tahun ini. Pusat ini yang berharga lebih kurang \$250,000 akan dapat mengeluarkan 1,500 tan kelapa kering yang bermutu tinggi setahun.

BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH- SEKOLAH DI SARAWAK

19. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau berpuas hati dengan perkembangan penggunaan Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah di Sarawak, dan jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempercepatkannya.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya belum begitu berpuas hati dengan perkembangan penggunaan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah di Sarawak. Walau bagaimanapun, segala usaha telah dijalankan untuk memesatkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia itu, terutamanya di dalam mengatasi kekurangan guru-guru yang boleh mengajar dalam Bahasa Malaysia.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil:

- (1) Pada tahun 1974, Sarawak telah mengambil 90 orang guru Bahasa Malaysia dari Semenanjung Malaysia untuk berkhidmat di sekolah-sekolah di Sarawak. Pada tahun 1975 seramai 72 orang lagi telah memasuki Perkhidmatan Pelajaran Sarawak. Lebih ramai lagi akan diambil dari masa ke semasa.

- (2) Langkah untuk memperluaskan pembelajaran Bahasa di tiga buah Maktab Perguruan di Sarawak telah juga dipesatkan. Sekarang semua Maktab ini memberi kursus Bahasa Malaysia kepada semua pelatih. Semenjak 1974 usaha telah dijalankan untuk menubuhkan kelas bagi pelatih-pelatih yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar tunggal. Pada tahun 1975, 6 buah kelas seperti itu (bagi 173 pelatih) telah diadakan. Pada tahun 1976, 7 buah lagi unit Bahasa akan ditambah kepada Maktab-maktab Latihan Guru di Kuching, Binatang dan Sibu.
- (3) Selain daripada ini, kursus-kursus Dalam Perkhidmatan (Kursus Intensif Bahasa Malaysia dalam Perkhidmatan) telah juga diadakan di Sarawak. Pada penghujung tahun 1973, Kursus Intensif yang dibiayai oleh UNICEF telah mengeluarkan 26 orang "guru". Kursus ini kemudiannya telah diteruskan hingga 1974 dan pada tahun itu juga Maktab Perguruan Batu Lintang (Kuching) dan Maktab Perguruan Sarawak (Sibu) yang telah mengadakan Kursus Bahasa Malaysia telah mengeluarkan 218 "guru". Pada tahun 1975 satu kumpulan seramai 93 orang lagi telah mengikuti latihan intensif seperti itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 54 adalah diberi di bawah ini).

HOSPITAL MARUDI

20. Tuan Luhut Wan minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan membina sebuah hospital bersalin di Marudi dan jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan untuk projek ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Adalah dijangka bahawa tender untuk memperbaiki Hospital Marudi akan selesai dalam sedikit masa lagi. Pembaharuan ke atas Hospital tersebut termasuk:

- (1) 5 buah katil di wad bersalin
- (2) Penambahan 52 buah katil di wad am

- (3) Meluaskan dan memperbaiki jabatan pesakit luar dengan menambahkan Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak dan sebuah bilik untuk Pegawai Perubatan dan Kesihatan.

Jumlah harga projek ini adalah dijangka sebanyak lebih kurang \$570,000.

FELDA—PEKERJA KILANG KELAPA SAWIT

21. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada Menteri sedar akan perasaan tidak puas hati di kalangan sebilangan besar pekerja-pekerja kilang kelapa sawit di Air Tawar 2 di Johor dan bahawa pertengkaran sering berlaku di antara mereka dengan pihak pengutusan disebabkan tiada masa rehat diberi untuk makan tengahari, gaji mereka diturunkan dengan sesuka hati pihak pengurusan dan mengenai masa bekerja selama 12 jam hinggakan kadangkala unsur-unsur politik dan perkauman dibangkitkan dalam pertengkaran itu; jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Pada masa ini FELDA mempunyai 11 buah kilang kelapa sawit yang sedang berjalan dan salah satu kilang-kilang ini ialah Kilang Air Tawar 2 yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu. Semua kilang-kilang FELDA mengikut peraturan kerja dan membuat bayaran kepada pekerja-pekerjanya mengikut kadar yang sama. Tiap-tiap pekerja di semua kilang kelapa sawit FELDA diberi masa rehat $\frac{1}{2}$ jam untuk makan bagi tiap-tiap shift kerja termasuk Kilang Air Tawar 2. Dengan itu adalah tidak benar bahawa pihak pengurusan Kilang Air Tawar 2 tidak memberi masa rehat untuk makan tengahari. Begitu juga tentang perbuatan menurunkan gaji pekerja-pekerja mengikut sesuka hati seperti yang didakwa itu, ini juga adalah tidak benar kerana semua pekerja-pekerja di kilang-kilang FELDA dibayar mengikut tanggagaji yang ditetapkan.

Pekerja-pekerja kilang dikehendaki bekerja mengikut shift selama 8 jam tetapi pada masa-masa yang sibuk mereka diminta untuk bekerja $1\frac{1}{2}$ shift dengan diberi overtime atas kerja lebih masa itu. Ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Ordinan Buruh.

Kilang Kelapa Sawit Air Tawar 2 mempunyai 56 orang pekerja semua sekali dan pada masa-masa yang sibuk, biasanya pada musim buah memuncak tentulah terdapat perselisihan faham di antara pekerja-pekerja dengan pengurusan kilang ataupun di kalangan pekerja-pekerja sendiri. Setakat ini semua perselisihan faham yang ada kalanya berlaku itu telah dapat diselesaikan oleh FELDA yang sentiasa mencuba dengan sedaya upaya menjalinkan persahabatan yang baik di kalangan pekerja-pekerjanya.

SEKOLAH VOKESYENAL— LATIHAN BELIA

22. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menubuhkan sekolah-sekolah vokesyenal di beberapa daerah untuk menampung keperluan belia dan beliawanis yang menganggur, jika ya, nyatakan perbelanjaannya.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Sekolah-sekolah Vokesyenal adalah ditubuhkan di bawah Kementerian Pelajaran, MARA dan setengah-setengah Kementerian lain yang berkenaan dengan sesuatu bidang latihan itu. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menjalankan Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pusat Latihan Pertak. Latihan di sini dijalankan secara formal. Namun demikian Kementerian ini menjalankan juga latihan-latihan jangka pendek dan tidak formal ataupun membantu pertubuhan-pertubuhan belia mengadakan latihan-latihan yang sedemikian itu. Kementerian ini juga menguruskan belia-belia menjalani latihan di bawah sekim Belajar Sambil Bekerja yang ditempatkan pada syarikat-syarikat, kedai-kedai, kilang-kilang dan sebagainya.

PENDAFTARAN PERNIAGAAN BAGI PENJAJA-PENJAJA DIKECUALIKAN

23. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang meminda Ordinan Pendaftaran Perniagaan untuk mengecualikan penjaja-penjaja di jalanraya dari pendaftaran perniagaan; jika tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu

Samah): Mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan No. 47 tahun 1956, penjaja-penjaja adalah dikecualikan dari pendaftaran perniagaan.

KERAKYATAN BAGI KETURUNAN INDONESIA DI SARAWAK

24. Tuan Racha Umong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar iaitu ada ramai orang keturunan Indonesia yang telah tinggal lama di Sarawak di daerah Lawas, Bahagian Kelima dan sudah berkampung halaman dengan orang tempatan di sana tetapi mereka itu belum diberi sijil kerakyatan, dan jika sedar, apa tindakan akan dijalankan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Sekiranya benar apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka bolehlah mereka berkenaan membuat permohonan mengikut peruntukan di dalam Perlembagaan dan Kementerian ini akan menimbangkan permohonan mereka itu.

FILEM KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA

25. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa filem berkenaan dengan kempen keselamatan jalanraya yang ditayangkan oleh Talivisyen Malaysia sangat menjulok mata dan menjatuhkan maruah negeri ini, jika ya, bolehkah Kementerian beliau menukarkannya dengan gambar yang lebih sesuai.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Filem mengenai kempen keselamatan jalanraya telahpun dibincangkan dan diluluskan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya sebelum ditayangkan kepada orang ramai.

Bagaimanapun, filem seperti ini dibuat dari semasa ke semasa dan kadang-kadang digunakan gimik-gimik tertentu untuk menarik perhatian orang ramai.

Filem ini mengandungi bukan sahaja unsur-unsur keselamatan jalanraya tetapi mengandungi unsur-unsur civic; iaitu apabila menaiki bas ataupun menanti bas ataupun

memandu kereta ataupun memandu scooter. Misalnya, gambar itu menunjukkan seorang yang menghisap rokok dalam bas yang tidak teratur dan mengganggu orang lain. Begitu juga membawa minyak tidak cermat dalam bas dan tumpah ke bahu orang lain, dan memandu tidak cermat yang menyebabkan passenger-passenger tunggang langgang apabila driver brake mengejut.

Filem-filem seperti ini tidaklah boleh kita buat secara serious dan kenalah didramatisasikan dan adakan "sense of humour" untuk menarik kegemaran orang ramai. Dengan filem ini mungkin ada yang tersinggung, tapi itu terpujalah seperti kata pepatah "siapa makan cili dialah terasa pedas".

PENUBUHAN PARTI-PARTI PERKAUMAN

26. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah Kerajaan menganggap masanya belum tiba lagi untuk mengharamkan penubuhan parti-parti perkauman di negara ini pada masa sekarang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Penubuhan parti-parti adalah membayangkan keadaan hakiki masyarakat yang ujud dan tidak ada sebab pada masa ini Kerajaan mesti mengharamkan apa-apa parti sekiranya parti itu tidak bercanggah dengan Rukunegara atau memudaratkan keselamatan, ketenteraman awam atau akhlak.

ANGKATAN TENTERA—BANTUAN KEPADA BALU

27. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah bantuan yang diberi kepada balu-balu anggota Angkatan Bersenjata daripada (a) Tabung Perwira Negara dan (b) Persatuan Bekas Perajurit, sehingga hari ini serta nama-nama mereka yang menerima bantuan-bantuan ini.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak): Bantuan yang diberi kepada balu-balu anggota Angkatan Tentera daripada Tabung Perwira Negara sehingga hari ini adalah berjumlah \$13,651.80 setahun. Kebanyakan dari jumlah ini adalah merupakan bantuan persekolahan bagi anak-anak mereka.

Bantuan daripada Tabung Perwira Negara ini sebenarnya adalah satu bayaran tambahan kepada bayaran-bayaran lain yang diberi oleh Kerajaan kepada balu-balu anggota tentera. Bayaran-bayaran lain ialah bayaran saguhati sebanyak \$10,000 kepada balu yang suaminya meninggal dunia semasa menjalankan tugas-tugas operasi, bayaran pencen, elaun bantuan khas dan elaun pelajaran mengikut yang ditetapkan oleh Peraturan Pencen dan Ganjaran Angkatan Tentera. Bantuan daripada Tabung Perwira Negara ini hanya akan diberi apabila bayaran-bayaran lain itu didapati tidak mencukupi untuk menampung keperluan-keperluan balu yang berkenaan.

Berkenaan soalan (b) adalah disyorkan Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki kerana Persatuan itu bukanlah satu jabatan di bawah Kementerian saya. Persatuan itu adalah satu badan yang mempunyai perlembagaannya sendiri.

Berkenaan dengan nama-nama balu anggota tentera yang menerima bantuan dari Tabung Perwira Negara, kalau Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan saya, saya akan berikan senarai itu kepada beliau.

DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN—JAWATANKUASA KABINET

28. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan memorandum yang telah diterima oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan;
- (b) sebab-sebabnya penerimaan memorandum yang dikemukakan oleh Parti D.A.P. tidak diakui oleh Jawatankuasa tersebut;
- (c) jumlah bilangan mesyuarat yang telah diadakan oleh Jawatankuasa tersebut; dan
- (d) kemajuan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa tersebut.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Sebanyak 302 memorandum telah diterima.
- (b) Mengikut rekod pengakuan penerimaan memorandum yang ada di Urusetia Jawatankuasa ini, surat pengakuan

penerimaan memoranda tersebut telah dihantarkan pada 21hb Januari, 1975.

- (c) Setakat ini Jawatankuasa tersebut telah mengadakan mesyuarat sebanyak 9 kali. Sementara itu Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil dan Kumpulan-kerja-kumpulankerja yang telah dibentuk telah bermesyuarat sebanyak 66 kali.
- (d) Syor-syor memo yang telah diterima adalah dikaji secara mendalam oleh Kumpulankerja-kumpulankerja di bawah Jawatankuasa Kecil Tenaga Rakyat dan Perpaduan Negara untuk digunakan dalam membincangkan bidang tugas mereka masing-masing. Pada ketika ini Kumpulankerja-kumpulankerja ini sedang menyediakan laporan untuk ditapis oleh Jawatankuasa Kecil yang berkenaan sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa kabinet.

ANGGOTA POLIS— TUGAS PERKHIDMATAN

29. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh ahli-ahli Pasukan Polis yang berumur lebih daripada 45 tahun apabila diperintahkan bertukar jauh dari negeri asal mereka misalnya dari Johor ditukarkan ke Kedah atau Pulau Pinang dll. kerana umur mereka yang telah lanjut itu dan mereka telahpun membuat persiapan-persiapan untuk bersara di negeri asal mereka. Jika sedar, adakah beliau bersetuju dengan cadangan bahawa mereka yang berkenaan akan ditukarkan hanya ke kawasan-kawasan yang berdekatan dan dalam negeri di mana mereka sedang ditempatkan bagi mengelakkan kesulitan-kesulitan tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ya, saya sedar, tetapi cadangan Yang Berhormat itu tidak dapat dipersetujui memandangkan kepentingan tugas dan perkhidmatan serta umur 45 tahun itu adalah terlalu awal kerana masih mempunyai perkhidmatan 10 tahun lagi. Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan sentiasa memandang berat akan hal-hal kebajikan anggota-anggota Polis. Memang telah menjadi amalan Kementerian ini, seseorang anggota Polis itu akan ditempatkan ke tempat asal mereka atau

yang berhampiran dalam masa 2 atau 3 tahun sebelum mereka bersara bagi memberi peluang kepada mereka itu untuk membuat persediaan-persediaan yang sepatutnya.

BAKAT GURU UGAMA—MEMILIH

30. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan sebab-sebabnya Kementerian beliau menumpukan usaha kepada Rancangan memilih bakat di kalangan penyanyi, atau penari dan sebagainya, dan tidak kepada lapangan-lapangan lain seperti memilih Bakat Guru Ugama yang mengajar secara sukarela di seluruh negara, dan sila nyatakan mana satu yang benar-benar menarik dan berjasa kepada masyarakat.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Seperti yang diketahui, masaalah Ugama dan Pentadbirannya adalah di bawah Kerajaan Negeri masing-masing dan masaalah Ugama ini adalah sensitif.

Dengan itu menggunakan TV sebagai unsor untuk memilih Bakat Guru Ugama, seperti dibuat dengan pilihan bakat penyanyi, adalah didapati tidak sesuai dan tidak kena pada tempatnya.

Saya tidak dapat memberikan yang mana satu yang lebih menarik dan berjasa kepada masyarakat akan tetapi mengikut tafsiran RTM kedua-duanya mempunyai tugas-tugas yang tertentu dalam bidang masing-masing.

SEKOLAH MENENGAH BARU DI SUBIS

31. Tuan Yang Siew Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan membina sebuah sekolah menengah di Bekenu, dalam Daerah Subis kerana hanya terdapat sebuah sekolah menengah di Batu Niah sekarang ini yang jauhnya 40 batu dari Bekenu dan tiada tempat bagi murid-murid baru kerana pada masa ini ada 24 buah sekolah rendah di Bekenu dan ada lebih kurang 300 murid-murid darjah rendah enam yang akan masuk ke sekolah menengah dalam tahun pengajian 1976.

Dr Mahathir bin Mohamad: Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, sebuah sekolah menengah baru telah dicadangkan bagi

kawasan Pembangunan Lambir/Subis. Sebuah sekolah lagi telah juga dicadangkan bagi kawasan Bekenu. Apabila siap kelak, sekolah-sekolah ini akan juga menampung murid-murid yang tamat sekolah rendah daripada daerah-kecil Bekenu. Tapak-tapak yang sebenarnya belum lagi ditetapkan kerana telah dicadangkan untuk menyatukan rancangan ini dengan lain-lain projek pembangunan Kerajaan di kawasan itu.

HOSPITAL BESAR PULAU PINANG— PESAKIT

32. Tuan R. Rajasingam minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar yang pesakit-pesakit Kelas Tiga di Hospital Besar, Pulau Pinang tidak diberi kain-kain cadar, sarong-sarong bantal dan lain-lain kemudahan asas yang diperlukan bagi seseorang pesakit di dalam wad dengan cukup.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tidak. Kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh pesakit-pesakit Kelas Tiga di Hospital Besar, Pulau Pinang adalah sentiasa mencukupi. Kain-kain cadar, sarong-sarong bantal dan pakaian-pakaian pesakit ada diberi dengan cukup.

MINYAK TANAH—PENGEDARAN

33. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan akan membuat peraturan dalam pengedaran minyak tanah untuk mengawal bekalan biasa minyak tanah di Sarawak terutama bagi penduduk-penduduk luar bandar.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya telahpun membuat satu Peraturan Perlesenan untuk mengawal penyimpanan, pengedaran dan penjualan minyak tanah. Peraturan-peraturan Perlesenan ini adalah dinamakan Peraturan Kawalan Bekalan, 1974 dan mula berkuatkuasa bagi seluruh Malaysia mulai 22/3/74. Dukacita dimaklumkan di sini bahawa bagi Negeri Sarawak, Kerajaan negeri Sarawak tidak bersetuju perlesenan penjualan minyak tanah dan juga barang-barang lain dikuatkuasakan di negeri Sarawak. Sungguhpun demikian Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini telah juga mengawal pengedaran minyak tanah di peringkat-peringkat penjualan borong dengan mengeluarkan lesen-lesen borong berkenaan. Bahagian ini telah

juga mengambil tindakan sekiranya didapati mana-mana tempat ada berkurangan bekalan minyak tanah dengan mengarahkan pengedar-pengedar minyak tanah menghantarkan bekalan ke tempat-tempat yang terlibat.

MINYAK TANAH—KEKURANGAN

34. Tuan Wee Ho Soon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada:

- (a) beliau sedar bahawa terlampau kurang minyak tanah dan bekalan yang sentiasa tergendala di Daerah Sibul telah menyebabkan bukan sahaja kesulitan tetapi juga kesusahan kepada penduduk-penduduk di daerah itu; dan
- (b) beliau akan menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan yang wajar untuk menentukan bekalan yang cukup dan sentiasa boleh diperolehi.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:

- (a) Kementerian saya memang sedar bahawa kekurangan minyak tanah memang berlaku di setengah-setengah tempat di Sarawak terutama sekali di kawasan pedalaman. Ini ialah disebabkan oleh kesulitan pengangkutan minyak di kawasan-kawasan tersebut.
- (b) Mengenai tindakan Kementerian saya, maka Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini telah mengambil beberapa langkah iaitu mengarahkan syarikat-syarikat minyak berkenaan supaya membekalkan minyak tanah itu dengan serta-merta ke tempat-tempat yang terlibat dan pegawai-pegawai Penguatkuasa juga menjalankan pemeriksaan yang rapi ke atas penjual-penjual minyak tanah itu untuk mencari samada perbuatan menyorok dilakukan atau tidak. Selain daripada itu pengedar-pengedar minyak akan ditambahkan lagi di kawasan yang difikirkan perlu.

PENERBANGAN DARI ALOR STAR KE KUALA LUMPUR

35. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perhubungan menyatakan samada:

- (a) beliau sedar bahawa masa bertolak bagi penerbangan dari Kepala Batas, Alor Star ke Kuala Lumpur tidak

sesuai mengikut waktu pejabat, jika ya, bolehkah waktu ini diubah kepada pukul 6.00 atau 7.00 pagi; dan

- (b) Kerajaan bercadang hendak mengadakan penerbangan tambang murah dari Pulau Pinang di waktu pagi seperti yang diadakan di Kuala Lumpur.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Sungguhpun masa bertolak bagi penerbangan dari Alor Star ke Kuala Lumpur pada pukul 12.45 tengahari tidak sesuai mengikut waktu pejabat tetapi masa ini adalah masih sesuai untuk urusan-urusan perniagaan. Adalah tidak mungkin untuk mengadakan penerbangan-penerbangan pada waktu pagi dari Alor Star, misalnya untuk bertolak dari pukul 6 atau 7 pagi, sebab kapalterbang F27 tiba dari Kuala Lumpur pada sebelah pagi, oleh itu MAS tidak dapat mengadakan perkhidmatan disebelah pagi yang sama. Sekiranya MAS bercadang untuk mengadakan perkhidmatan di waktu pagi dari Alor Star ke Kuala Lumpur, sebuah kapalterbang di kehendak bermalam di Alor Star, tetapi perkara ini sukar dilakukan oleh kerana tidak ada kelengkapan-kelengkapan yang perlu (necessary engineering support) di Alor Star untuk tujuan ini.

- (b) Pada masa ini MAS mengadakan perkhidmatan penerbangan yang murah dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang pada waktu pagi dan dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur pada waktu malam. Perkhidmatan ini diadakan oleh kerana adanya penempatan kapalterbang-kapalterbang untuk tujuan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Untuk mengadakan perkhidmatan murah dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur pada waktu pagi, pihak MAS harus menempatkan satu kapalterbang tambahan yang patut bermalam di Pulau Pinang, dan amalan ini bukan sahaja menelan belanja yang banyak tetapi juga mengadakan satu lagi perkhidmatan penerbangan yang murah dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang pada waktu malam sedangkan perkhidmatan yang ada sekarang sudahpun mencukupi. Walau bagaimanapun

sekiranya perlu, misalnya pada musim-musim perayaan, MAS sentiasa menambahkan perkhidmatan-perkhidmatan demikian untuk menampung kehendak-kehendak orang ramai.

BUKU MERAH KATA-KATA MAO TSE-TUNG

36. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang dalam masa akan datang untuk membenarkan penjualan Buku Merah yang mengandungi kata-kata Mao Tse-tung yang terkenal di seluruh dunia atas alasan bahawa:

- (a) buku tersebut penuh dengan kandungan kebudayaan, ekonomi dan filsafah;
- (b) beribu-ribu naskah buku tersebut boleh didapati dengan mudahnya di negara-negara bebas (free world countries); dan
- (c) memandangkan hakikat iaitu Negeri China telahpun menubuhkan perhubungan diplomatik persahabatan dengan kebanyakan negara-negara ASEAN termasuk Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak. Keputusan Kerajaan membenarkan pengimpotan, pengedaran dan penjualan sesebuah penerbitan itu bukanlah bergantung kepada isi kandungan penerbitan tersebut semata-mata atau kepada apa yang berlaku di negara-negara lain atau kepada perhubungan diplomatik negara ini dengan negara-negara luar. Kebenaran hanya diberi sekiranya sesebuah penerbitan itu tidak mudarat kepada akhlak, ketenteraman awam atau keselamatan negara ini. Buku Merah itu tidak dibenarkan pengimpotan, pengedarannya dan penjualannya kerana ia masih lagi dianggap sebagai tersangat "prejudicial" kepada keselamatan negara ini.

SARAHIDUP DI UNITED KINGDOM BAGI PELAJAR

37. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan Kerajaan untuk memenuhi hasrat dan

rayuan-rayuan para-pelajar di United Kingdom berkenaan dengan masaalah sarahidup yang semakin tinggi, kemudahan-kemudahan dan yuran-yuran dll. yang mereka hadapi supaya ketenteraman fikiran mereka tidak akan terjejas dan mengganggu pelajaran mereka.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan memang sedar bahawa masaalah sarahidup di United Kingdom, terutamanya di London dan beberapa daerah lain telah melambung tinggi dalam beberapa bulan ini, dan juga mulai tahun hadapan yuran pengajian (tuition fees) akan dinaikkan oleh semua institusi pelajaran di negara itu. Semua pelajar-pelajar dari luar negeri akan dikenakan bayaran tambahan sebanyak dari £80 hingga £100 setahun (misalnya yuran kursus ijazah akan dinaikkan dari £250 sekarang ke £350 dalam tahun hadapan).

Kerajaan juga sedar bahawa kenaikan sarahidup dan yuran pengajian ini akan menyusahkan pelajar-pelajar kita di sana, terutamanya pelajar-pelajar persendirian. Maka untuk mengatasi masaalah ini untuk pelajar-pelajar yang menerima biasiswa Kerajaan Persekutuan, kadar biasiswa yang wujud sekarang untuk pengajian di United Kingdom dan juga di negara-negara lain telah dikaji semula oleh Kerajaan dan adalah diharapkan kadar baru itu akan diluluskan tidak lama lagi. Apabila diluluskan saya berharap pihak-pihak berkuasa penghadih biasiswa yang lain, iaitu Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan badan-badan lain akan menaikkan kadar biasiswa mereka, supaya selaras dengan kadar Biasiswa Persekutuan yang baru ini, demi kepentingan dan kesenangan pelajar-pelajar mereka.

Berkenaan dengan kenaikan yuran pengajian di United Kingdom, saya ingin memaklumkan bahawa dalam lawatan saya ke negara itu dalam bulan Mei yang lalu ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Persatuan Pelajar-Pelajar Malaysia di United Kingdom dan Ireland telah membangkitkan masaalah ini dalam suatu perjumpaan dengan saya. Mereka memberitahu saya bahawa kenaikan yuran pengajian ini akan menyusahkan kebanyakan daripada pelajar-pelajar persendirian di sana. Saya ber-simpati dengan nasib pelajar-pelajar ini tetapi kita semua sedar bahawa institusi-institusi pelajaran berhak menaikkan yuran-

nya jika difikirkan perlu oleh mereka. Walau bagaimanapun saya akan berikhtiar setakat mana yang boleh untuk meringankan kesusahan pelajar-pelajar kita, umpamanya dengan cara berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan.

KEWARGANEGARAAN— PERMOHONAN

38. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) jumlah orang-orang yang telah permohonan bagi mendapatkan kewarganegaraan Malaysia tetapi masih lagi menunggu bagi permohonan-permohonan untuk diselesaikan sejak 5 tahun yang lalu; dan
- (ii) berikan sebab-sebab bagi kelambatan ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (i) Jumlah permohonan kewarganegaraan yang belum dibereskan sehingga 25-6-75 adalah sebanyak 19,389.
- (ii) Saya suka memberitahu bahawa pihak Kementerian ini adalah sentiasa bertungkus-lumus mengendalikan kerja memproses semua permohonan kewarganegaraan dan boleh dikatakan tiap-tiap hari banyak permohonan yang diberi keputusan. Sekiranya berlaku kelambatan adalah disebabkan permohonan-pemohon tidak menjawab kueri-kueri dengan lengkapnya.

TEMBAKAU DIEKSPOT KE LUAR NEGERI

39. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan pernah mengkaji kemungkinan dan mengadakan rundingan perdagangan dengan U.S.S.R. bagi membolehkan Malaysia mengeksport tembakau ke negara tersebut.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Malaysia pada masa ini tidak dapat mengeksport tembakau ke luar negeri. Pengeluaran tembakau tempatan hanya cukup untuk memenuhi 50% daripada keperluan tempatan sementara yang selebihnya ditambah dengan tembakau yang diimport dari luar. Memandangkan kepada perkara ini Kementerian

saya berpendapat bahawa perbincangan dengan U.S.S.R. tidaklah perlu diadakan.

PUSAT SEMBELIH SEREMBAN

40. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar:

- (i) tindakan memusatkan tempat-tempat sembelih telah membawa kesusahan dan menambahkan perbelanjaan kepada penternak-penternak dan penjual daging; dan
- (ii) kemudahan-kemudahan di Pusat Sembelih di Seremban tidak mencukupi langsung, menyebabkan kesusahan kepada penternak-penternak babi di Lukut dan Kawasan Chuah di Negri Sembilan, kerana mereka telah dipaksa menggunakan Pusat ini.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (i) Saya sedar bahawa rancangan pemusatan tempat-tempat sembelih ini mungkin mendatangkan kesusahan sedikit kepada setengah pihak tetapi faedah yang dinikmati oleh keseluruhan rakyat adalah lebih banyak. Pemusatan rumah-rumah sembelih ini adalah langkah awalan yang diambil bagi membolehkan MAJUTERNAK menjalankan tugas-tugas yang telah diluluskan oleh Dewan ini.

Antara faedah-faedah yang diperolehi ialah:

- (a) Pasaran bagi ternakan hidup dan daging akan lebih teratur;
 - (b) Kesihatan awam lebih terjamin;
 - (c) Daging yang dikeluarkan dari Pusat ini terjamin tentang kebersihannya dan sesuai untuk dimakan; dan
 - (d) Rejer-rejer daging dari Pusat ini boleh dijadikan baja dan makanan ternakan.
- (ii) Saya sedar rumah sembelih di Seremban itu tidak mencukupi tetapi langkah-langkah sedang diambil supaya Pusat Pengumpulan Daging di Senawang dijadikan rumah sembelih di Wilayah Negri Sembilan.

KEMATIAN LIM SENG CHING/ SIOH KON FATT

41. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau telah mengarahkan satu penyiasatan atas kematian dua orang pemuda iaitu Lin Seng Ching dan Thong Sim *alias* Siow Kon Fatt yang ditembak di balai polis Simpang Pertang, Negri Sembilan pada 9-1-1974, di mana koronor telah diadakan untuk menyiasat sebab-sebab kematian itu dan ternyata bahawa kematian itu bukan sebab membunuh diri dan tidak ada seorang pegawai polis pun yang mengaku bertanggungjawab dalam kejadian penembakan ini;
- (b) adakah beliau sedar siasatan Jelebu nombor 4 dan 5 tahun 1974 ke atas kematian-kematian tersebut menunjukkan adanya kejadian jenayah yang telah dilakukan oleh orang-orang dari anggota Polis sendiri;
- (c) bolehkah beliau memberi jaminan kepada Dewan ini satu siasatan penuh yang akan diketuai oleh Pegawai Polis Kanan yang datang dari luar Negri Sembilan akan diadakan untuk menentukan sebab-sebab kematian kedua-dua pemuda dan membawa orang-orang yang bertanggungjawab ke atas hal ini ke muka pengadilan;
- (d) bolehkah beliau memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa satu laporan dari siasatan itu akan dikemukakan dalam Majlis ini; dan
- (e) bolehkah beliau memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa kematian-kematian seperti ini tidak akan berulang lagi di mana-mana balai Polis di negara ini masa akan datang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah sama dengan ucapan penangguhannya pada 8hb Julai yang lalu. Saya telahpun memberi jawapan yang penuh terhadap masaalah-masaalah yang dibangkitkannya di dalam ucapan tersebut. Oleh yang demikian saya tidak bercadang untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu.

PEMANDU TEKSI KEHILANGAN PENCARIAN

42. Datuk Albert Mah minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa pemandu-pemandu teksi di dalam kawasan Batu Ferringhi telah kehilangan mata pencarian mereka kerana hotel-hotel besar di sepanjang Jalan Batu Ferringhi telah tidak benarkan mereka mengambil penumpang-penumpang dari hotel-hotel itu, sebaliknya teksi-teksi yang biasanya bergerak di bandar telah di-benarkan berjalan di antara hotel-hotel Batu Ferringhi dengan bandar; dan
- (b) apakah dasar Kerajaan berkenaan dengan pengeluaran lesen-lesen teksi untuk perbandaran dan kawasan-kawasan luar bandar.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):

- (a) Tidak. Sepanjang yang diketahui tidak ada pun sebarang syarikat-syarikat teksi yang berpangkalan di hotel-hotel yang besar di kawasan Batu Ferringhi. Kebiasaannya pelancang-pelancang luar negeri datang dan tinggal di hotel-hotel ini secara berkumpulan (package tour) dan untuk kemudahan perjalanan, semua urusan-urusan mereka adalah dikelolakan oleh pihak Ajensi Pelancang Tempatan atau wakil pelancang.

Pelancang-pelancang tempatan lazimnya mempunyai kenderaan masing-masing. Sekiranya ada, masaalah-masaalah teksi luar bandar tidak mendapat penumpang-penumpang, adalah kecil. Adalah tidak diketahui apakah peraturan-peraturan yang dibuat di antara pihak-pihak hotel dengan syarikat-syarikat teksi.

- (b) Pengeluaran lesen-lesen teksi yang baru samada di bandar-bandar mahupun di kawasan-kawasan luar bandar adalah didasarkan kepada kekosongan-kekosongan yang terdapat di pengkalan-

pengkalan teksi di sesuatu tempat Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dari masa ke semasa adalah menerima syor-syor mengenai keperluan-keperluan teksi di sesuatu tempat daripada Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Lembaga Penasihat. Angka-angka matlamat kereta-kereta sewa dan teksi yang ditubuhkan di tiap-tiap negeri yang mana peranannya ialah mengkaji keperluan-keperluan pengangkutan awam di setiap negeri baik di bandar-bandar mahupun di kawasan-kawasan luar bandar.

BEKALAN AIR DI LUAR BANDAR SARAWAK

43. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang membantu penduduk-penduduk di kawasan pantai Daerah Bintulu, Sarawak dengan mengadakan bekalan air kecil-kecilan di bawah projek kesihatan luar bandar memandangkan wabak cirit muntah sekarang ini di kawasan pantai disebabkan oleh kekurangan bekalan air yang sempurna.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian Kesihatan telahpun memberi keutamaan untuk meninggikan lagi taraf kesihatan dan kebersihan rakyat di luar bandar di Sarawak dengan memberi mereka bekalan-bekalan air di bawah Sekim Memperbaiki Kesihatan Luar Bandar.

Kejayaan setakat ini di bawah sekim tersebut adalah seperti berikut:

<i>Bilangan bekalan (sistem) air yang telah dibina</i>	<i>Bilangan kampung- kampung yang di- lengkapi</i>
718	632

Sebanyak 29 sistem air telahpun siap setakat ini dan 4 buah kampung telahpun dilengkapi dengan tanki air di Daerah Bintulu. Sebanyak 19 projek termasuk pembahagian tanki air ke kampung-kampung tepi laut dan rumah-rumah panjang telahpun dirancang untuk dilaksanakan pada tahun ini.

KECICIRAN MURID-MURID—LAPURAN

44. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang sudah dijalankan setakat ini mengikut syor-syor yang dikemukakan oleh lapuran keciciran murid-murid pada awal tahun 1973;

- (b) sejauh manakah kejayaan telah dicapai setakat ini khususnya terhadap penghapusan keciciran murid-murid miskin di luar bandar; dan
- (c) samada kajian semula ke atas lapuran itu perlu dijalankan segera atau tidak.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran setakat ini mengikut syor-syor Lapuran Keciciran adalah seperti berikut:

Syor I

Peralihan pelaburan Kerajaan terhadap pelajaran dari peringkat tinggi ke peringkat rendah.

Kementerian Pelajaran bersetuju bahawa pelaburan pelajaran di peringkat rendah ditambahkan tetapi tidak dengan mengurangkan pelaburan pelajaran di peringkat tinggi. Dalam usaha untuk memperbaiki keadaan di peringkat rendah beberapa tindakan telahpun dijalankan seperti melancarkan sekim pinjaman buku-teks, menambatkan peruntukan bantuan perpustakaan, membaiki peruntukan OCAR dan OCSE dan menghantar lebih ramai guru-guru yang berpengalaman dan berkelayakan keluar bandar mengikut rancangan pertukaran guru-guru secara bergilir.

Syor II

Belanjawan tahun seorang murid di luar bandar hendaklah ditambahkan supaya sama dengan apa yang diterima oleh murid-murid bandar.

Kementerian Pelajaran telahpun memberi peruntukan perbelanjaan kewangan yang lebih kepada sekolah-sekolah dari kawasan luar bandar yang kebanyakannya sekolah-sekolah kecil. Peruntukan yang lebih untuk seorang murid bagi peruntukan OCAR, OCSE, perpustakaan, sains dan hisab, dan lukisan diberikan kepada sekolah-sekolah yang kecil bilangan murid-muridnya. Misalnya, dalam peruntukan OCAR dan OCSE bagi sekolah-sekolah yang kurang daripada 100 orang murid, peruntukannya ialah \$8.00 bagi tiap-tiap seorang murid, bagi 100 hingga 250 orang murid peruntukannya ialah \$6.00 bagi tiap-tiap seorang murid, bagi 251-500 orang murid peruntukannya ialah \$5.00 bagi tiap-tiap seorang murid dan bagi sekolah-sekolah yang mengandungi lebih daripada 500 orang murid, peruntukannya ialah \$4.00 bagi tiap-tiap seorang murid.

Syor III

Perkhidmatan pelajaran imbuhan hendaklah diadakan bagi membetulkan kemunduran pelajaran yang berlaku pada pendidikan murid-murid.

Pada masa ini suatu projek pelajaran imbuhan sedang dijalankan di Pusat Perkembangan Kurikulum untuk mengetahui masaalah-masaalah dalam pembelajaran di peringkat pra-sekolah dan di sekolah rendah bagi kanak-kanak yang datang daripada golongan masyarakat yang tidak berada. Projek ini juga bertujuan untuk mengadakan alat-alat mengesan kelemahan (diagnostik) kanak-kanak dan untuk membuat rancangan pemulihan bagi kanak-kanak yang mengalami masaalah tersebut.

Syor IV

Peperiksaan di Darjah 3 dan Darjah 5 hendaklah mengukur perkara-perkara yang asas—menulis, membaca dan mengira.

Bagi peperiksaan diagnostik Darjah 3 dan Penilaian Darjah 5, unsur-unsur penulisan, pembacaan dan pengiraan dimasukkan ke dalam ujian-ujian itu. Penekanan terhadap tulisan dan bacaan memang dilakukan oleh guru-guru dalam pelajaran murid-murid di bilik-bilik darjah.

Syor V

Komplek pelajaran yang besar patut diadakan untuk memberi kemudahan pelajaran kepada bandar-bandar kecil dan kawasan-kawasan luar bandar yang berhampiran dengannya.

Kementerian Pelajaran telahpun menjalankan usaha-usaha untuk mencantumkan sekolah-sekolah yang kecil yang kebanyakannya terdapat di kawasan luar bandar dan di bandar-bandar kecil.

- (b) Sejak langkah-langkah diambil untuk mengatasi masalah keciciran dijalankan didapati bahawa kadar peratus keciciran di sekolah rendah bagi semua bahasa pengantar telahpun berkurangan seperti berikut:

Tahun	Enrolment Darjah 1	Tahun	Enrolment Darjah 6	Bilangan Murid-murid Yang Cicir	Peratus Keciciran
1967	248,244	1972	214,279	33,965	13.6
1968	260,990	1973	235,220	25,770	9.8
1969	259,377	1974	234,359	25,018	9.6
1970	261,152	1975	244,069	17,083	6.5

- (c) Kabinet telahpun melantik suatu Jawatankuasa Pegawai-pegawai untuk mengkaji dan mengemukakan pandangan-pandangan mereka mengenai syor-syor Kajian Keciciran pada tahun 1973 dan Jawatankuasa itu telahpun mengemukakan laporannya kepada Kerajaan. Oleh itu tidaklah perlu diadakan suatu kajian semula ke atas laporan keciciran itu.

KEWARGANEGARAAN KETURUNAN CHINA

45. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada semua orang-orang yang tidak mempunyai kewarganegaraan tetapi mempunyai kelayakan-kelayakan menurut undang-undang akan diberi kewarganegaraan dengan serta-merta sebagaimana yang berlaku di negeri Filipina di mana orang-orang keturunan China yang tidak mempunyai kewarganegaraan sedang diberi taraf kewarganegaraan bagi memperingati penubuhan perhubungan diplomatik dengan Negeri China.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Adalah amalan Kerajaan negara ini memberi taraf kewarganegaraan kepada mereka yang didapati layak mendapatkannya dan amalan ini telahpun dilaksanakan semenjak kita mencapai Kemerdekaan. Oleh itu, adalah jelas bahawa pemberian kewarganegaraan di negara ini tidak tertakluk kepada sesuatu peristiwa atau sesuatu perjanjian yang tertentu, tetapi adalah tertakluk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan yang mana kita sama-sama telah bersetuju mengadakannya semasa mencapai Kemerdekaan dahulu.

Elok juga Ahli Yang Berhormat sedar bahawa semenjak negara ini mencapai Kemerdekaan sejumlah 2,883,404 sijil kewarganegaraan telah diberikan kepada mereka yang layak.

PENGANGKUTAN JALANRAYA— SARAWAK

46. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga termasuk memperbaiki sistem pengangkutan di Negeri Sarawak.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Saya kurang jelas maksud sebenar "sistem pengangkutan" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jika yang dimaksudkan ialah kaedah pengangkutan ataupun mode of transportation saya diberitahu bahawa di Negeri Sarawak hal ehwal ini adalah dikendalikan oleh sektor persendirian. Kerajaan hanyalah menyediakan infrastruktur secara am sahaja.

Walau bagaimanapun jika yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sistem pengangkutan jalanraya, saya diberitahu bahawa Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Perhubungan dan Kerja Raya Negeri telah memasukkan ke dalam cadangan-cadangan projek untuk diluluskan dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, cadangan-cadangan untuk membina jalan-jalan sambungan (feeder roads) di semua Bahagian-bahagian di negeri itu, penyambungan jalanraya utama (trunk roads) dan Ulu Mukah ke Bintulu, dari Bintulu ke Belaga, penyambungan jalanraya

Beluru/Long Lama yang akan menghubungkan Limbang dan juga meneruskan kerja-kerja mengasfal dengan bitumen berbagai-bagai jalanraya yang utama. Cadangan-cadangan juga telah dimasukkan untuk memperbaiki sistem jalan-jalan bandar di bandar-bandar besar di negeri itu.

DADAH KEPADA PENAGIH-PENAGIH

47. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan berapa ramai-ka penagih-penagih dadah yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa dan berapa ramai telah tampil ke pihak berkuasa untuk diberi rawatan-rawatan pemulihan dalam bulan pertama 1975. Berikan bilangan mereka mengikut bangsa dan kumpulan umur.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tidak menjadi kesalahannya jika seseorang menjadi penagih tetapi adalah menjadi kesalahannya jika seseorang itu memiliki dadah. Dalam bulan Januari, 1975 seramai 214 orang telah ditangkap oleh pihak-pihak yang berkuasa kerana memiliki dadah. Siasatan menunjukkan ramai dari mereka menagih dadah. Pemeriksaan doktor tidak dapat dijalankan kerana undang-undang memerlukan pemeriksaan doktor hanya dikuatkuasakan pada 29-4-75.

Di negara ini masih tidak ada sesuatu Pusat Pemulihan yang diakui Kerajaan. Mereka-mereka yang datang secara sukarela akan dirawat di Hospital-hospital Besar, Hospital Bahagia dan di sebuah pusat pemulihan persendirian di Ipoh. Perangkaan penagih-penagih yang secara sukarela datang untuk rawatan dalam bulan Januari, 1975 masih belum diperolehi.

HAKMILIK TANAH BAGI KAMPUNG BARU

48. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan bilangan Kampung-kampung Baru yang mana hakmilik tanah telah dikeluarkan kepada penduduk dan bila urusan ini dijangka siap.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Setakat ini sejumlah 52,156 hakmilik

tanah telah dikeluarkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam 446 buah kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun penyerahan hakmilik tanah ini sedang diperluaskan kepada semua 465 Kampung-kampung Baru di dalam negara ini.

Oleh kerana penyerahan hakmilik tanah ini bergantung dengan sepenuhnya di atas tiap-tiap Kerajaan Negeri yang berkenaan, maka jangka masa yang tetap bagi menyiapkan proses-proses itu tidak dapat ditentukan.

PERKHIDMATAN BAS

49. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada menjadi dasar Kementerian beliau:

- (a) membenarkan mana-mana syarikat swasta atau orang perseorangan menjalankan perkhidmatan bas di Negeri-negeri Semenanjung Malaysia bagi mengatasi kekurangan kenderaan awam sekarang; dan
- (b) mengeluarkan dua jenis permit kereta sewa/kereta teksi atau kenderaan bermotor kepada orang-orang awam di Semenanjung Malaysia; iaitu:
 - (i) permit kepada pemohon-pemohon yang berdasarkan iklan; dan
 - (ii) permit kepada pemohon-pemohon "istimewa" yang tidak berdasarkan iklan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

- (a) Adalah menjadi dasar Kementerian saya iaitu tidak menggalakkan permohonan perseorangan untuk menjalankan perkhidmatan bas biasa (kecuali Bas Sekolah, Bas Pesiaran dan Bas Kilang). Biasanya Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan akan menggalakkan permohonan-permohonan daripada MARA, syarikat-syarikat perkongsian, syarikat swasta dan syarikat-syarikat Kerjasama yang mempunyai pendirian teguh dalam bidang kewangan, pengalaman dan lain-lain kelayakan yang Lembaga Pelesenan perlukan.

Di dalam perkara ini permohonan lesen bas bagi satu-satu batang jalan yang baru keutamaan adalah diberi

kepada pihak MARA atau syarikat Bumiputra sahaja. Sekiranya batang jalan itu adalah lanjutan kepada jalan yang telah dibenarkan perkhidmatan bas maka keutamaan adalah diberi kepada syarikat yang menjalankan perkhidmatan bas tersebut. Jika syarikat bas itu bukannya syarikat Bumiputra, maka syarikat itu dikehendaki mengambil penyertaan Bumiputra sebanyak 30%.

- (b) Tidak. Adalah menjadi dasar Kementerian saya membenarkan lesen teksi dan kereta sewa kepada pemohon-pemohon yang paling layak bagi pengkalan-pengkalan yang telah diistiharkan kekosongan-kekosongan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

SYARIKAT BAS BUMIPUTRA— MEMBELI SAHAM

50. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan memandangkan bahawa kesemua syarikat-syarikat bas di negara ini dimestikan oleh Kerajaan menjualkan 30% daripada saham mereka kepada syarikat-syarikat Bumiputra, dan bahawa kebanyakan syarikat-syarikat Bumiputra adalah “syarikat-syarikat sendirian berhad” sahaja yang mampu membelinya, nyatakan samada Kementerian ini akan membenarkan syarikat-syarikat bas Bumiputra menjalankan perkhidmatan mereka sendiri berdasarkan atas 30% peruntukan saham dengan menggunakan jalan-jalan dan jadual waktu-jadual waktu sama seperti yang digunakan oleh syarikat-syarikat bas kepunyaan orang-orang bukan Bumiputra.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Soalan ini payah hendak difahami, kerana seperti mana mengikut soalan ini bahawasanya syarikat-syarikat Bumiputra tidak mampu membeli saham-saham yang kini ditawarkan oleh syarikat-syarikat bukan Bumiputra dan kemudian pula menyatakan syarikat Bumiputra itu mampu menjalankan perkhidmatan bas mereka sendiri. Walau bagaimanapun, adalah dasar Kementerian ini tidak membenarkan lebih dari satu syarikat bas untuk menjalankan sesuatu jalan yang sama, yang mana telah dibenarkan kepada syarikat bas yang tersedia ada demi untuk mengelakkan persaingan yang tidak menguntungkan (uneconomic competition).

MINYAK DIESEL BERKURANGAN

51. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada benar bekalan minyak disel itu berkurangan sehingga di stesyen minyak selalu didapati tidak ada minyak disel, dan apabila ditanya pihak stesyen mengatakan peruntukan minyak disel yang dibekalkan kepadanya adalah terhad, tetapi apabila dicuba membeli di tempat lain didapati minyak disel itu ada,
- (b) apakah permainan ini, dan apakah langkah untuk mengatasi perkara tersebut.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:

- (a) Mengikut penyiasatan yang dibuat oleh Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah didapati kekurangan yang berlaku baru-baru ini ialah disebabkan oleh adanya perbezaan harga di antara harga untuk kegunaan industri dan harga untuk kegunaan orang ramai yang dijual di petrol pump yang ditetapkan oleh Kerajaan dan bekalan minyak yang tidak regular oleh syarikat-syarikat minyak, dan tektik atau perbuatan station-station yang mempamirkan tanda “SOLD OUT”. Faktor-faktor ini telah menimbulkan kesulitan bekalan di beberapa kawasan tetapi di atas tindakan yang cepat diambil oleh Kementerian ini dengan mendakwa station-station yang membuat perbuatan yang tidak sihat itu dan mengadakan mesyuarat-mesyuarat dengan syarikat-syarikat minyak dan wakil-wakil penjual minyak berkenaan maka soal kekurangan minyak disel itu telah dapat diatasi.
- (b) Kementerian saya juga telah mengambil tindakan untuk melesenkan semua penjual-penjual, pengedar-pengedar dan pengilang-pengilang minyak disel dan petrol bagi seluruh Malaysia. Tindakan ini akan mengawal lebih rapi lagi penyimpanan, pengedaran dan penjualan bahan-bahan tersebut dan mengenakan syarat-syarat yang tertentu bagi penjualan bahan-bahan itu.

SETOK PENIMBAL GETAH

52. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) setakat manakah keyakinan kita di atas kejayaan rancangan setok penimbal getah yang dijalankan oleh Malaysia;
- (b) samada terdapat sambutan yang benar-benar ikhlas daripada negara-negara yang searena dengan kita;
- (c) bilakah rancangan ini akan berhasil; dan
- (d) samada rancangan ini dapat mengatasi masalah harga getah yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Soalan ini telah saya jawab apabila menjawab beberapa soalan minggu lalu.

RISDA—PENYELEWENGAN TERHADAP PEKEBUN KECIL

53. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) samada masalah penyelewengan yang berlaku disetengah-setengah tempat dalam memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil telah dapat di atasi; dan
- (b) apakah cara mengatasinya yang lebih berkesan setakat ini.

Datuk Musa Hitam: Kedua-dua soalan (a) dan (b) ini telahpun saya jawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 8hb Julai lalu.

JURUTERA—KEKOSONGAN JAWATAN

54. Dr Tan Chee Khoo minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai jurutera-jurutera lepasan Universiti Malaya dan Universiti-universiti luar negeri tiada mendapat pekerjaan dengan J.K.R. atau sektor persendirian selepas enam bulan tamat pengajiannya, jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian supaya jurutera-jurutera kita boleh mendapat pekerjaan.

Perdana Menteri: Setakat ini, mengikut perangkaan yang diterima dari Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Kementerian Buruh, seramai 42 orang Jurutera dalam semua jurusan yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan telah mendaftarkan diri mereka dan seramai 14 orang telah melapurkan balik yang mereka telah mendapat pekerjaan. Memandangkan Negara sedang membangun dengan pesatnya dan beberapa industri telah dan sedang didirikan saya yakin mereka yang lain itu telah mendapat pekerjaan tetapi tidak melapurkan demikian kepada Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan.

Pada waktu ini bilangan kekosongan bagi jawatan-jawatan Jurutera di Jabatan Kerja Raya ialah 63. Mengikut perangkaan, pemegang-pemegang biasiswa Persekutuan yang mengikuti kursus kejuruteraan dan yang dijual menamatkan kursus pada tahun ini ialah 77 orang. Oleh kerana mereka ini disyaratkan untuk berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya bagi tempoh 10 tahun, maka sewajarnya kekosongan-kekosongan yang ada di Jabatan Kerja Raya itu dikhaskan untuk mereka ini. Perlantikan mereka ini walau bagaimanapun adalah tertakluk kepada pemilihan yang akan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Pemegang-pemegang biasiswa yang tidak berjaya mendapat kerja dengan Kerajaan boleh dilepaskan untuk berkhidmat dengan Badan-badan Berkanun seperti Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara, Lembaga Pelabuan Pasir Gudang dan Lembaga Pelabuan Kuantan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Galian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG SEWA BELI (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Sewa Beli; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Rang Undang-undang Syarikat; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEADILAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Rang Undang-undang Mahkamah Keadilan, 1964; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PEPERIKSAAN

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya diberitahu bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak mengemukakan Rang Undang-undang Kawalan Peperiksaan sebagaimana yang tertera dalam aturan Nombor 5 di dalam senarai ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.42 *ptg.*

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) dibaca bagi kali yang kedua.

Adapun tujuan Rang Undang-undang pindaan ini ialah untuk membolehkan sesuatu tuduhan di bawah Ordinan Dadah

Berbahaya, 1952 itu disebut dan diterangkan oleh Mahkamah kepada pesalah-pesalah tanpa memperoleh kebenaran Pendakwa Raya terlebih dahulu tetapi mengecualikan pesalah-pesalah itu membuat apa-apa pengakuan ke atas tuduhan itu. Dengan mengadakan pindaan itu, seseorang majistret boleh menahan orang yang dituduh dalam jagaan lebih lama lagi. Oleh yang demikian, ia juga memberi masa yang cukup kepada pihak Polis untuk menyelesaikan siasatan dan untuk mengemukakan kertas siasatan supaya dapat Pendakwa Raya memberi keterangan dan membuat keputusan samada kebenaran itu patut diberi atau tidak.

Selain dari itu, Rang Undang-undang pindaan ini juga memberi kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen kuasa yang telah diberi oleh Yang di-Pertuan Agong bidang-kuasa-kuasa khas di bawah Akta Mahkamah Rendah, 1948 untuk mengenakan penalti atau hukuman penuh lain daripada hukuman mati yang diperuntukkan oleh Ordinan itu atau oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini, kuasa untuk membicarakan kes-kes jenayah yang membawa hukuman penjara seumur hidup adalah terletak pada Hakim Mahkamah Tinggi. Oleh yang demikian, tanggungjawab dan beban yang dipikul oleh Mahkamah Tinggi dalam bidangkuasanya adalah sangat berat. Keadaan yang sedemikian telah melambatkan perbicaraan kes-kes jenayah di bawah Ordinan Dadah Berbahaya, 1952.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa kes-kes jenayah kerana menjual, membawa dan menggunakan dadah adalah kes-kes yang amat lazim dilakukan oleh penjahat-penjahat dan juga belia-belia dalam masyarakat kita pada masa ini. Dengan cara memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen untuk menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup itu adalah diharapkan tindakan dapatlah diambil untuk mencegah perbuatan jenayah di bawah Ordinan Dadah Berbahaya itu dan juga melicinkan pentadbiran pembicaraan kes-kes yang membawa hukuman penjara seumur hidup oleh Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.45 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2).

Pada masa sekarang kita semua telah sedar dan mengakui yang negara kita sedang diancam oleh sejenis penyakit yang amat berbahaya iaitu penyalahgunaan dadah yang boleh merosakkan perpaduan keluarga, kaum dan juga yang boleh meruntuhkan kebudayaan serta keharmonian dengan keadaan negara kita. Rang Undang-undang ini adalah salah satu daripada tujuan untuk mencari jalan bagi membasmikan penyalahgunaan dadah.

Saya terangkan di sini bahawa banyak cara-cara lain selain daripada mengenakan Rang Undang-undang untuk menolong mengurangkan penyakit negara yang saya sebutkan iaitu penyalahgunaan dadah dan di sini kita berkehendakkan kesedaran, tanggungjawab bersama daripada semua golongan rakyat dalam negara ini. Pada pendapat saya, untuk melaksanakan pembasmian penyalahgunaan dadah ini adalah terbahagi kepada beberapa peringkat. Yang pertama, tindakan rancangan jangka pendek dengan serta-merta yang mana berkehendakkan rawatan kepada penagih-penagih dadah. Di sini saya perhatikan peranan Kementerian Kesihatan. Pada hari ini tidak boleh dinafikan bahawa Kementerian Kesihatan melalui hospital-hospital besar terutamanya di dalam kota-kota dan khasnya dalam Bandaraya ada menyediakan satu bahagian untuk merawat penagih-penagih dadah. Tetapi telah berlaku suatu perkara yang besar untuk hendak mendapatkan sambutan daripada pihak-pihak hospital tersebut adalah berkurangan.

Ada suatu ketika saya sendiri telah menalipon doktor yang berkenaan. Beliau menerangkan iaitu persediaannya tidak cukup dan penagih-penagih dadah ini ada di

antara mereka apabila telah insaf dan sedar, mereka sanggup kembali ke pangkal jalan, tetapi mereka malu dan mereka tidak mahu pergi ke hospital. Sebab apabila pergi ke hospital nama mereka akan dicatat, ada rekod dan sebagainya. Ini yang mereka takut. Jadi, mereka hendak berubat dengan syarat, kalau dapat pihak hospital memberi satu tempat yang khas. Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Kesihatan mengadakan satu mobile unit supaya dapat memberi bantuan dengan sesungguhnya kepada pihak-pihak yang bersangkutan.

Selain daripada layanan daripada hospital, saya rasa, peranan, kelinik-klinik doktor persendirian adalah lebih mustahak juga, kerana kalau penagih-penagih ini pergi ke kelinik persendirian, mereka kena membayar dengan harga yang mahal. Di sini ada contohnya, Tuan Yang di-Pertua. Ini berlaku di kawasan saya yang akan saya terangkan dengan lebih lanjut lagi. Seseorang itu kena membayar sampai \$14, \$15, \$20 sekali berjumpa dan sebagainya. Di sini berkehendakkan juga perasaan tanggungjawab daripada doktor-doktor yang menjalankan kelinik persendirian. Mereka hendaklah memberi keistimewaan ataupun layanan yang istimewa terhadap penagih-penagih yang telah cuba meminta pertolongan untuk mengubatnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tanggungjawab ini juga adalah perlu terutama tekanan ataupun perasaan daripada orang ramai. Kalau mengharapkan dari Biro Narkotik Negara dan pihak Kerajaan sahaja, perkara hendak membasmikan ataupun hendak mengurangkan penyalahgunaan dadah ini tidak akan berkesan selagi orang ramai sendiri tidak sedar dan mengambil bahagian yang penting.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Ini ada buktinya, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana satu kawasan di Kampung Datuk Keramat bahawa kesedaran yang didapati daripada masyarakat itu sendiri, pada hari ini menubuhkan jawatankuasanya bersendirian tanpa arahan daripada pihak-pihak yang berkenaan telah dapat menyelamatkan lebih daripada 100 orang pemuda-pemudi kita dengan perbelanjaannya sendiri dan berjumpa dengan doktor-doktor. Mereka telah dapat merampas beberapa banyak dadah-dadah. Tuan Yang di-Pertua, saya

minta kebenaran supaya dadah-dadah yang dirampas itu boleh juga dibawa dalam Dewan ini dan boleh ditunjukkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ditunjukkan sekali sudahlah.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Inilah dadah-dadah yang diisi dan juga bagaimana mereka berusaha bahawa penjual-penjual dadah itu mengajar di kalangan anak-anak muda di sini menjual dadah dengan

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana dadah-dadah ada di tangan Yang Berhormat? Ini salah.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Ini kosong sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat ada isinya.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Cara-cara ini yang dapat dirampas, tiub-tiub yang kosong yang patut apabila dia telah diisi dengan dadah yang hendak dijual kepada orang ramai dan kanak-kanak. Ini sebagai satu bukti, Tuan Yang di-Pertua, iaitu dengan adanya kesedaran daripada pihak orang ramai di satu-satu kawasan itu boleh mengurangkan tekanan penyalahgunaan dadah. Ingin saya terangkan juga selain daripada masyarakat ramai dalam keadaan jangka pendek ini peranan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui badan-badan ataupun Polis yang menjalankan kuasanya ini hendaklah jangan menakut-nakutkan kepada pihak-pihak yang telah menghisap dadah tadi dan janganlah menggunakan sebarang tekanan ataupun kekasaran terhadap mereka.

Langkah yang kedua, ialah tindakan jangka panjang. Selalunya kita dapati kawasan-kawasan yang senang dihindangi oleh penyakit penyalahgunaan dadah ini ialah kawasan-kawasan rumah pangsa, rumah setinggan dan kawasan-kawasan perumahan yang baru. Di sini berkehendakan perhatian daripada Kementerian dan swasta serta badan-badan perumahan janganlah apabila hendak membuat rumah memikirkan masaalah perumahan mengisi orang ramai tanpa memikir-

kan soal social amenities, kemudahan-kemudahan sosial seperti rumah pangsa yang dibina di beberapa kawasan dalam Bandaraya ini tidak mempunyai kemudahan kepada pemuda-pemudi untuk berihat, berjumpa dan sebagainya. Juga pihak Kementerian Pelajaran, saya rasa bahaya dadah ini mestilah diberi gambaran kepada kanak-kanak sekolah dan juga kepada alim ulamak, Jabatan Ugama selain daripada memberikan syarahan-syarahan hendaklah juga guru-guru ugama itu bercampur gaul dengan pemuda-pemudi kita, jangan menjauhkan diri daripada mereka juga susunan masyarakat. Ini selalunya berlaku di kawasan-kawasan penyalahgunaan dadah ini ialah kerana kurangnya pimpinan. Melalui Dewan ini, inginlah saya menyeru pihak-pihak intelek, pihak-pihak yang berada janganlah mengasingkan diri jauh sangat daripada masyarakat-masyarakat yang berpendapatan rendah. Kadang-kadang sesuatu kawasan itu di penuhi cuma semata-mata dengan orang-orang yang berpendapatan rendah, orang yang berada sedikit semuanya lari tidak mahu duduk berdekatan dengan mereka. Dengan ini mereka tidak dapat menukar fikiran, mereka tidak ada pimpinan. Jadi apabila telah berlaku sesuatu hal susahlah kita hendak kuasai.

Peringkat yang ketiga dalam rancangan yang berterusan. Di sini berkehendakan peranan Kementerian Penerangan dan Penyiaran bagi mengadakan kempen-kempen yang berkesan bukanlah semata-mata seperti yang kita lihat dalam TV penyalahgunaan dadah itu ditunjukkan gambar tiub dengan jarum injeks. Saya rasa ini tidak berapa tepat kerana kalau diperhati oleh penduduk-penduduk luar bandar terutama apabila dilihatnya jarum injeks disangkanya satu perkara yang baik kalau dipandang dari segi mata kasar, kerana orang-orang zaman sekarang telah mula mengenali dan telah bersetuju supaya menerima injeks. Jadi mereka ingatkan apabila nampak jarum dalam TV maka dianggapnya itu adalah satu perkara ubat. Ini tidaklah berapa tepat dan diminta Kementerian yang berkenaan mengubah cara-cara ini. Juga berkehendakan peranan mass-media, surat-suratkhabar, penulis-penulis dan sebagainya hendaklah sentiasa mengingatkan masyarakat melalui berita-berita dan sebagainya bahawa ini adalah undang-undang yang sedang dijalankan oleh pihak Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah tahu melalui sejarah bagaimana peranan rakyat jelata menghapuskan sebarang musuh negara dengan adanya kerjasama dengan pihak Kerajaan. Apa yang saya lihat selama ini sesuatu perkara yang berlaku yang boleh merosakkan negara pihak Kerajaan sahaja yang mengambil berat dan kemudian peranan itu barulah dikenakan kepada orang ramai. Saya rasa perkara ini tidaklah seimbang di dalam keadaan negara kita yang telah merdeka yang mana tanggungjawab untuk membaiki dan menyelamatkan negara adalah tanggungjawab bersama.

Begitu juga masalah sikap Kerajaan kita menjalankan cara-cara membasmi dadah. Apa yang kita lihat pada hari ini seolah-olah Kerajaan kita ini bertindak setelah sesuatu perkara itu berlaku, tetapi tidak menjalankan dasar menyediakan payung sebelum hujan. Jadi soalnya sekarang, adakah pihak Kerajaan menganggap dadah ini sebagai sungguh-sungguh musuh negara yang mesti dihapuskan, ataupun pihak Kerajaan cuma memerhati dan bertindak dan mengambil sedikit tindakan apabila perkara itu telah berlaku. Saya percaya masalah sikap ini amatlah penting untuk memberi kesan sebarang tindakan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

3.58 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sepatah dua tentang Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersejua tentang apa yang disebutkan oleh wakil dari Setapak, cuma saya hendak memberi amaran, mengubati seseorang yang berpenyakit dadah bukan begitu senang. Tadi wakil dari Setapak berkata layanan yang diberi oleh pihak Hospital Besar dan pegawai-pegawai Hospital Besar tidak begitu sesuai dan beliau berkehendakan satu tempat khas katanya dan beliau berkehendakan satu mobil yunit pergi ke kampung-kampung, ke rumah pangsa dan ke rancangan perumahan untuk mengubati penyakit dadah.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, to cure a person with the drug habit is not as simple as the Honourable Member for Setapak would have it. We medical people are very worried about this because to cure a person of a drug habit involves a very long and tedious process. You just don't go to the kampung and say, "Hendak ambil ubat ini, biji ini". You just don't dish out like cough mixtures and tablets. That is no use, because he takes it and throws it into the drain. The first thing to establish is whether the person has the right motivation and I submit that for a doctor or a social worker or anybody else to find out whether the drug addict has the right motivation to get himself cured, it takes hours, not just five minutes talk. I must confess that the general practitioners just don't have the time, in as much as the Government doctors just don't have the time to properly talk and find out what is it that caused the person to get into such a dreadful company and whether he is really wanting to be cured. Very often he is under pressure either by his headmaster or by his parents or his brothers and he is pressurised to see a doctor and then, he just as much as laughs at the doctor inside; he says, "What a fool you are! You think these tablets will help me? They are not going to help me at all. You know, my father wants me to see you, so I come and see you." Now, I have had experience of this. I have treated a chap who ran away from Penang, from his friends, and whom we kept as an in-patient for more than two months. It cost quite a tiny bit to be isolated from his friends and to be treated and when he was released, when we judged that he was fit enough to be back into circulation, very soon after that, lo and behold, we were told and we found out that he was back into bad company because, as you know, when you go back to your old haunts they say, "Don't be a bodoh, man! Come have another smoke." Then he tries another smoke and then he goes back to square one again. And lest the Honourable Member for Setapak does not know, very often hospitals do not want to keep such people as in-patients as well, because when these chaps are denied drugs they become what the Malays call "gian"—their hunger for drugs is such that we had one chap who jumped out of the window; fortunately it was the first floor and he landed on the roof of a car, otherwise we would have been in a soup if he had broken his legs, with the result

that we dare not take in drug addicts as in-patients. Then you know, they sing and they yell and the nurses just cannot control them. So the treatment of drug addiction is not as simple as the Honourable Member for Setapak would have it, despite the pad of receipts that he has with him. It is a very complicated process. I agree with him that it demands the co-operation of all sectors of society—the Police, the Narcotics Bureau, the parents, the teachers and whoever is connected with drug addiction.

Mr Speaker, Sir, I would like to concentrate on something more positive, i.e. how to prevent drug addiction. Here I would like the Minister and the Narcotics Bureau to start with the big timers, because if you can control the import and export of big quantities of heroin, ganja and the like, then you naturally will control drug addiction to a large extent. I would hope that the Narcotics Bureau and the Ministry concerned will try to infiltrate. We know now that there was a French Connection, there was an American Connection and now there is a Malaysian Connection, and these chaps are so *bodoh* as to fly to Brussels and fly to Vienna and after the long journey they got themselves arrested. Of course, the rewards are very great for the chaps who are behind the scenes. These chaps are expendable; they are promised \$3,000 to carry a small bag and they foolishly take this along hoping that they will get past the Customs. But more important than these chaps going abroad or bringing in drugs, the Minister concerned should try to infiltrate these big timers and as for these big timers, I think the Government knows to a certain extent who they are. The Government does not have the proof and very often I admit it is very difficult to get the proof. But if the F.B.I. can infiltrate the Mafia and can put microphones in their meeting places and taperecord all their conversations and thereby produce proof, I submit that it is not too difficult with more sophisticated measures to get proof or evidence to enable us to convict such persons. In any case, the Minister knows that there are adequate laws and if the Government suspects very strongly that Mr “X”—and I am told that very often they are Datuks and very respectable people with Mercedes Benz 280 and the like—is a big-timer but there is no proof, then I think he should be isolated. After all, you

buang daerah lots of people under the P.C.O., so why should not all these chaps be also *buang daerah* for a change, notwithstanding their status and affluence.

Now, the other thing, of course, is the campaign which, although this has been carried out, is not adequate. I submit that, now that there are lots of school children listening to us, Tuan Yang di-Pertua, the Minister of Education is alarmed that the drug habit has reached the primary school children, although I believe these are all secondary school students listening to us, which means that a very serious situation has arisen in this country and the Ministry of Education should make more serious attempts, through the P.T.A. (Parents/Teachers Association), through the schools, to have talks, have film shows and warn the students to “lay off” anyone who tries to make them even smoke a cigarette, let alone smoke a cigarette that is mixed with heroin or ganja.

Mr Speaker, Sir, in this Bill I notice there is a provision for a magistrate to prolong the detention of a person being held on remand. I have occasion to visit the Pudu Jail as a member of the Board of Visitors and I have often come across people on remand remaining there for five or six months or even longer. Now I hope the Minister will not make use of this provision to keep the prisoners on remand more than is necessary. I agree with the Minister that in such cases it is very necessary that the investigation officers should have adequate time to investigate these cases thoroughly, particularly if they merit a death penalty or a life imprisonment, and that they should be thoroughly investigated before being brought to court. But, nevertheless, if justice is delayed, it is justice denied; more so, if after a long period of remand and an equally expensive trial a person is set free by the court; then he will wonder what sort of a society it is that keeps him there right from the beginning when he is innocent.

Mr Speaker, Sir, I also wish to bring to the attention of the Minister that cases of those with drug habit who are brought to court, particularly where the penalty is going to be very serious—for example, the death penalty or life imprisonment—should be prosecuted by experienced prosecutors. Very often these cases are prosecuted by, I will

not say inexperienced, not so good prosecutors, with the result that all the good work of the investigating officers are wasted because a very clever defence lawyer very soon makes big gaps in the prosecution case, and therefore his clients are let off.

Finally, Mr Speaker, Sir, I do wish to bring to the attention of the Minister, not that he does not know, that this drug addiction has created a vast social problem in this country. Very often you have youths going in twos or threes or fives and tens into dark corners for smoking. Now if they confine themselves to smoking, that is all right, but very often they gravitate from perhaps one tube per day—I think it is about \$6 per tube—to six tubes per day and I have known of a patient who came to see me saying that he spent between \$70 and \$80 a day. Now, how many executives can afford to spend between \$70 and \$80 on smokes and he is a young chap; very often he is out of work. When you ask him, “Mana awak dapat wang”, he will reply you, “Oh, Tuan, boleh dapat!”. It means, Mr Speaker, Sir, that first he goes about relieving people of their watches, purses and the like; then he gravitates to the knife and he goes for bigger fish. Then he goes about with a pistol or a revolver—a small arm—and very soon, he becomes a bigtimer where he does not care for people’s watches; he goes to banks where perhaps there are a quarter of a million dollars or so to be taken. This is a very serious state of affairs. The increase of crimes in this country of late, from my point of view, is solely due to the increase of drug addiction in this country and is a natural consequence. It is a natural consequence because they have to spend, let us say, perhaps not \$70 a day, but \$10 or \$20. My experience from those people who come to see me is that they spent at least \$10 or \$20 a day; and when I ask them, “Berapa pendapatan, berapa gaji sebulan?”, they say, “Doktor, \$300;” when I ask, “Anda belanja \$600 sebulan?”, they say, “Kita ada jalan lain mendapat wang itu”. “Jalan lain” very often would be to go for small-time thievery and then gravitate towards big crimes. Therefore, I believe the Police cannot possibly cope with this vast increase of petty thievery and then going on to big crimes. The more important

thing would be for the Government to mount a massive campaign of prevention in the belief that “prevention is better than cure”.

4.11 ptg.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya yang dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan. Memandangkan kepada berita-berita dan lapuran-lapuran yang sering disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan berkenaan dengan perbuatan salahguna dadah yang dilakukan di negara kita ini, maka nyatalah perbuatan ini merupakan sebagai satu penyakit yang perlu dihapuskan sebelum ia merebak dan wabak lebih luas lagi sehingga mengakibatkan kemerosotan dan kemunduran moral, tenaga dan kekuatan rakyat di negara kita ini. Keadaan ini amatlah merbahaya kepada keselamatan negara kita terutama sekali pada masa ini apabila negara kita ini sedang diancam dan diganggu oleh anasir-anasir yang ingin melakukan kucar-kacir kepada ketenteraman tanah-air kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencegah dan menghapuskan perbuatan salahguna dadah ini, pada pendapat saya Kerajaan telah mengambil langkah yang wajar bagi maksud mencapai tujuan itu dengan membawa lagi pindaan-pindaan kepada Ordinan Dadah Berbahaya yang dikemukakan pada hari ini. Pada pendapat saya tidaklah dapat dinafikan kepala-kepala syndicate yang terlibat di dalam pengedaran dan penjualan dadah ini bukanlah sebarang orang dalam menguruskan sindikit mereka. Mereka telah menggunakan cara-cara dan gara-gara yang menyebabkan beberapa rintangan dan halangan hendak menyukarkan siasatan yang dilakukan oleh pihak yang berkuasa tertentu. Mereka sentiasa berada satu langkah di hadapan pihak berkuasa dan masa ialah satu fakta yang berkurangan bagi pihak yang berkuasa untuk memberikan masa kepada pihak yang berkuasa.

Pada pendapat saya tambahan seksyen-kecil (5) kepada seksyen 39B itu diperuntukkan saya menyokong tindakan ini, tetapi hanya satu teguran sahaja yang saya hendak buat di sini berkenaan dengan kesan seksyen-kecil (5) ini pada pandangan mata kasar

mungkin melanggar hak asasi seseorang apabila ianya boleh ditahan selama satu masa yang difikirkan perlu, kerana pada tafsiran saya mengikut seksyen-kecil (5) ini jaminan tidak mungkin dibenarkan sehinggalah ke satu masa yang difikirkan sesuai apabila tujuan ditahan itu telah dicapai. Oleh sebab yang demikian, saya ingin menggesa apabila perkara seperti ini berlaku pihak berkuasa yang tertentu hendaklah dengan sesungguhnya menjalankan siasatan mereka. Saya mendapat tahu kejadian-kejadian telah ada berlaku di dalam kes-kes yang lain di mana seseorang itu ditahan beberapa minggu tanpa siasatan yang wajar dilakukan ataupun oleh sebab kelengahan siasatan yang dijalankan oleh setengah pihak-pihak yang tertentu perkara seperti itu tidak diingini walaupun hal keadaan pada masa ini terutama sekali yang berhubungan dengan perbuatan salahguna dadah ini memerlukan tindakan. Pihak berkuasa yang menggunakan kuasa yang diberi di bawah seksyen-kecil (5) hendaklah menggunakannya dengan adil supaya lantas dibidas orang pihak yang berkuasa telah menggunakan sarung tangan berkuku besi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya ini, izinkan saya mengemukakan kepada Kementerian yang berkenaan dua soalan berhubungan dengan seksyen-kecil (5) dan seksyen 41. Saya ingin tahu apakah kedudukan seseorang yang dibawa ke hadapan mahkamah yang ingin mengaku salah. Mengikut seksyen-kecil (5) ini berbunyi:

“(5) seseorang yang dibawa di hadapan Mahkamah tidak dikehendaki membuat apa-apa jawapan terhadap tuduhan yang dibaca dan dihuraikan kepadanya”

Ini memanglah langkah yang tepat diperuntukkan di dalam keadaan-keadaan di mana seseorang itu akan menuntut bicara, tetapi jika orang itu memang benar hendak mengaku salah, adakah wajar ia dihalang daripada membuat jawapan terhadap tuduhan itu? Soal ini terhad sahaja kepada kesalahan-kesalahan yang tidak membawa kepada hukuman mati.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan seksyen 41, adakah anggapan saya ini benar iaitu kuasa untuk menjatuhkan hukuman lain daripada hukuman mati itu terletak hanya kepada Yang di-Pertua Khas sahaja. Sekiranya benar, apakah kedudukan seorang Yang di-Pertua Mahkamah Seksyen biasa,

bolehkah ia membicarakan kes-kes yang berhubungan dengan Ordinan Jenayah ini? Sekiranya boleh, apakah hukuman maksima yang boleh dijatuhkan? Bolehkah ia menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup? Jika boleh, bukannya ini satu tanggungjawab yang berat bagi setengah pegawai-pegawai mahkamah yang hanya dilantik memangku jawatan Yang di-Pertua apabila berpengalaman selama satu atau dua tahun sahaja. Dengan ini saya adalah memberikan sepenuh-penuh sokongan atas Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) yang dibentangkan di Dewan ini oleh Menteri yang berkenaan.

4.19 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Pindaan Rang Undang-undang bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya ini dengan tujuan supaya pengedar-pengedar, penyimpan dan penyeludup dadah ini dihukum dengan lebih berat seimbang dengan perbuatan aniaya kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum merdeka dahulu, kita pernah juga dengar perkataan candu dan ganja, tetapi sekarang pula nama baru telah diberi, seperti dikenali sebagai heroin, morphine dan L.S.D.

Tuan Yang di-Pertua, kita baharu sahaja telah meluluskan Rang Undang-undang Senjataapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) dan telah memberi kuasa kepada penjenayah-penjenayah tersebut. Jadi di sini saya rasa tidak ada apa sebab-sebab untuk menghalang hukuman yang lebih berat kepada pengedar-pengedar dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dengan mata kasar kita tidak nampak tetapi kita dapat membayangkan kemusnahan yang disebabkan oleh dadah ini sangat luas sehingga bukan sahaja kepada seseorang atau masyarakat bahkan melumpuhkan sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya tangkapan-tangkapan yang dilakukan terhadap warganegara Malaysia di luar negeri telah menjatuhkan imej negara kita. Kes-kes dadah ini perlu dijalankan dengan seberapa cepat supaya pengedar-pengedar dadah dapat dihukum dengan seberapa segera dan dengan secara tidak langsung melemahkan pengedar-pengedar lain yang sedang bergerak.

Tuan Yang di-Pertua, pengedar-pengedar dadah ini adalah pengkhianat yang sehabis besar, yang mengganggu ketenteraman negara. Dadah ini ialah anak-tangga kepada penagih-penagih dadah untuk melakukan berbagai-bagai rupa bentuk jenayah seperti merompak, membunuh dan sebagainya. Jadi pada pendapat saya untuk mengurangkan kes-kes jenayah dadah ini kita mestilah dahulu menghapuskan pengedar-pengedar dadah.

4.22 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2). Kita telah sama-sama sedar bahawa penggunaan dadah telah menjadi suatu perkara yang amat kecoh pada masa ini. Dadah adalah satu bahan pengeluaran abad yang kedua puluh dan telah terbukti keburukannya yang akan mengakibatkan kemusnahan manusia sejagat akhirnya. Adalah amat menyedihkan apabila kita mengetahui penggunaan dadah telah merebak dengan luasnya di dalam negeri kita, yang mana jenerasi muda kita telah menjadikannya sebagai satu tabiat dalam penggunaan dadah yang berbahaya itu. Oleh itu telah kenalah pada tempat dan masanya untuk mengadakan hukuman yang setimpal ke arah menghapuskan dadah berbahaya itu dari merebak. Dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini ianya bertujuan meminda Seksyen 39, Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membolehkan orang-orang yang ditangkap di bawah Seksyen-kecil 39 (b) bagi Ordinan tersebut, dibawa dan dihukum di dalam mahkamah dan kemudian ditahan dalam penjara sementara menunggu izin Pendakwa Raya. Perkara yang penting di dalam Akta ini ialah orang yang bersalah boleh ditahan dalam tempoh masa yang lebih lama untuk menjalankan penyiasatan yang betul dan bersungguh-sungguh. Saya yakin penyiasatan yang sedemikian rupa akan dapat dijalankan dengan baik ke arah menghapuskan dadah yang berbahaya itu di dalam negara kita.

Sebagai sebuah negara yang bertamadun orang-orang moden di dalam negara kita memilih cara-cara hidup barat dan banyak yang memikirkan bahawa perkara tersebut itu adalah satu style untuk membuat apa-apa yang dibuat oleh orang-orang barat.

Kadang-kadang hingga membahayakan nyawa mereka sendiri. Adalah satu perkara yang malang untuk mengetahui sebilangan besar orang-orang yang mengadakan dadah ialah mereka yang datang dari blok barat.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mencadangkan bahawa Akta ini janganlah hendaknya diberi kuasanya kepada pihak Polis sahaja tetapi hendaklah juga diberi kepada pihak Imigresen dan Kastam. Jarang kali kita menumpukan perhatian tentang bagaimana dadah berbahaya ini dibawa ke dalam negeri kita. Sebahagian dari kejadian ini adalah dengan menggunakan kedudukan peribadi berpura-pura seperti orang-orang kenamaan. Mereka menggunakan gerak-geri orang-orang kaya dan jarang sekali diperiksa dengan rapinya. Saya sendiri pernah menyaksikan di tempat-tempat pemeriksaan Polis dan Kastam. Biasanya apabila pegawai-pegawai yang menjalankan pemeriksaan itu melihat seseorang yang memakai suite dan tali leher, mereka merasa tidak begitu sopan untuk memeriksa orang itu dengan teliti. Tetapi apabila mereka melihat seorang yang hanya memakai baju leher yang terbuka mereka akan memeriksa dari atas hingga ke bawah. Satu cara yang lain tentang bagaimana dadah masuk ke dalam negeri kita ialah melalui hitch-hiking, yang mana beratus-ratus hitch-hiker yang datang dari dunia barat adalah penagih dadah belaka. Saya pernah membaca sebuah majalah tertentu yang mempunyai edaran yang terbesar di dunia ini. Ia telah mendedahkan bahawa hitch-hiker dari barat adalah rangkaian pengedar dadah yang utama. Oleh itu, Clause 3 dalam Rang Undang-undang ini menjatuhkan hukuman yang lebih berat iaitu selain dari hukuman mati bagi kesalahan-kesalahan yang serupa itu. Dan saya berasa sukacita bahawa bidangkuasa ini telah diberi kepada Mahkamah Sesyen.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa dengan bidangkuasa ini maka banyak kes-kes yang dapat dijalankan dengan cepatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyiar dan menyebarkan tentang betapa merbahayanya dadah kepada jenarasi muda iaitu melalui sebaran am, seminar-seminar dan dengan

cara berdailog. Jika kita gagal dalam usaha ini mungkin kita akan kehilangan jenarasi di masa hadapan.

4.28 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Dadah Berbahaya yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini. Sepertimana yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya, kami sependapat dadah ialah satu penyakit masyarakat yang paling bahaya sekali pada masa sekarang. Pada masa ini bukan sahaja Kerajaan bahkan ibubapa sentiasa rasa bimbang kalau-kalau anak-anak mereka akan terlibat sebagai penagih dadah dan jika anak-anak mereka telah terlibat sebagai penagih dadah kalau-kalau pula anak-anak mereka ini akan ditangkap oleh pihak-pihak yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dadah yang selalu disebut-sebut di negara kita ini yang saya biasa dengar candu, ganja, morphine, heroine dan MX. Candu ialah dadah yang telah beberapa lama ada di dalam negara kita ini sepertimana juga ganja. Saya biasa menemui seorang penagih dadah yang telah ditangkap oleh pihak yang berkuasa, dia menerangkan candu dan ganja tidak begitu merbahaya, yang merbahaya sekali morphine dan heroin. MX ialah satu tablet yang disebut dadah juga yang saya diberitahu digunakan kepada anjing-anjing gila. Tablet ini pada masa ini telahpun digunakan oleh manusia daripada penagih-penagih dadah.

Daripada lapuran Biro Narkotik Negara yang tercatat di dalam akhbar baharu-baharu ini, pada tahun 1970 seramai 711 orang yang ditangkap kerana kesalahan dadah. Pada tahun 1971—908, pada tahun 1972—1,155 pada tahun 1973 1,613, pada tahun 1974 hingga bulan September sahaja seramai 1,424 kes yang ditangkap. Jika kita kaji dengan tangkapan yang dibuat selama lima tahun, bererti daripada tahun 1970 yang seramai 711 itu sahaja, pada tahun 1974 telah meningkat 1,424 pada bulan September, bererti selama lima tahun dua kali ganda kes tangkapan berlaku yang ditangkap kepada kes-kes dadah. Ini kita rasa bimbang kalau Biro Narkotik Negara memberi lapuran akhirnya mungkin akan

bertambah lagi daripada bilangan tersebut. Oleh sebab itu, saya berharap Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ini bukan sahaja dapat mengurangkan kes-kes dadah yang ada di negara kita, bahkan akan dapat menghapuskan terus-menerus.

Dadah terbahagi kepada dua. Yang pertama pengedar-pengedar dadah. Yang kedua, penagih-penagih dadah. Apa yang merunsingkan sekali ialah pengedar-pengedar dadah. Mengikut dalam akhbar yang akhir pada hari semalam, ada satu kes pengedar dadah yang telah ditangkap berjumlah sebanyak \$3.45 juta dan pada hari ini pula penagih dadah disebut di dalam akhbar 60% pemuda di kawasan Butterworth terdiri daripada penagih dadah. Daripada dua kenyataan dalam akhbar yang kita baca pada hari ini menunjukkan di negara kita ini seolah-olah telah diserang oleh penyakit masyarakat paling merbahaya sekali. Dan kalau di dalam akhbar ini ada tercatat begini sudah tentulah sebelum daripada ini kita telah membaca, meneliti daripada berita-berita yang mengatakan berkenaan dengan pengedar dadah dan penagih-penagih dadah. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seberat beginilah yang sedang menjadi suatu soalan kepada masyarakat kita sendiri dan bagaimanakah cara-cara hendak mengatasi keseluruhannya. Bagi pengedar-pengedar dadah kita mempunyai alatan negara yang cukup untuk menangkap, untuk membawa mereka ke mahkamah untuk dihukum mereka seberat-beratnya. Tetapi yang merunsingkan saya ialah penagih-penagih dadah. Daripada kenyataan yang biasa kita dengar 80% penagih-penagih dadah di negara kita ini terdiri daripada belia-belia bumiputra, yang 20% terdiri daripada belia-belia bukan bumiputra. Ini menunjukkan pengedar-pengedar dadah telah membawa dan didapati dengan senang sahaja diterima ataupun dapat oleh penagih-penagih dadah daripada belia-belia bumiputra. Oleh sebab itu, perkara seperti ini ataupun perkara yang berat kepada negara kita selain daripada ancaman yang datang daripada pihak komunis perkara dadah ini yang patut sangat kita kaji dan kita menyelesaikan masalah ini dengan sesungguhnya. Bukan sahaja Kementerian yang berkenaan, bukan sahaja kita bahkan ibu bapa, selain daripada itu pihak Kementerian-kementerian lain yang ada kaitan boleh menyelesaikan masalah ini. Misalnya,

Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, bahkan beberapa Kementerian lain, masyarakat, ibu bapa, pihak-pihak ugama dan sebagainya menyatukan tenaga bagi membasmikan dadah ini berada di dalam negeri kita.

Satu daripada caranya, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat eloklah kesemua pihak bersama-sama dengan Kementerian yang berkenaan menyatukan tenaga supaya diadakan suatu masa yang tertentu seperti mana di satu masa dahulu Kerajaan telah mengadakan Bulan Bahasa, daripada Bulan Bahasa akhir-akhirnya Bahasa Malaysia terwujud sebagai bahasa negara kita. Dan oleh sebab itu, saya syorkan supaya diadakan bulan anti-dadah. Yakni pihak-pihak yang berkenaan menyatukan tenaga, menentukan suatu bulan ataupun berapa bulan ataupun mana-mana masa yang tertentu kita kempen kepada orang ramai, kepada rakyat supaya bagaimana kita menerangkan yakni pihak-pihak yang tertentu menerangkan bahaya dadah kepada rakyat.

Saya pernah berjumpa dengan seorang penagih dadah yang telah ditangkap oleh polis dan ditahan. Oleh sebab ingin sangat saya hendak mengetahui bagaimanakah seorang penagih dadah yang ada di dalam negeri ini, saya minta kebenaran supaya dapat bertemu dengan penagih dadah tersebut. Penagih dadah ini yang berumur 31 tahun yang mempunyai isteri dan seorang anak, baharu sahaja menjadi penagih selama setahun. Pendapatannya pada tiap-tiap hari sebanyak \$8 apabila dia menjadi penagih dadah dia belanja berkenaan dengan dadah ini sahaja pada tiap-tiap hari pada dirinya sendiri sebanyak \$6, \$2 selebihnya untuk isteri dan untuk anaknya. Apabila saya berjumpa dengan penagih dadah ini, saya bertanya, adakah dia bersetuju supaya dia dapat balik semula kepada masyarakat biasa. Jawabnya, dia bersetuju asalkan ada pihak-pihak yang tertentu dapat menyelesaikan masalah ini. Dan yang paling sedih sekali, Tuan Yang di-Pertua, penagih dadah ini berumur 31 tahun ada mempunyai isteri dan seorang anak dia telah lupa sekali terus-menerus isterinya dan selama setahun dia beri tahu kepada saya, dia tidak tidur dengan isterinya. Ini suatu keadaan yang paling kejam sekali dadah masuk ke dalam penagih-penagih dadah. Kalau hal ini terus-menerus berlaku bererti

bukan sahaja belia-belia yang belum beristeri melibatkan diri mereka tidak mahu kahwin, tetapi kepada mereka yang telah mempunyai isteri pula melupai isterinya tidak mengingatkan langsung hal-hal sex. Saya percaya keadaan negara kita ini apakah akan terjadi di suatu masa kelak tidak dapat kita tentukan. Oleh sebab itu, seperti mana saya syorkan tadi supaya satu bulan anti-dadah ataupun berapa masa yang tertentu dapat diadakan di negara kita kempenkan perkara ini daripada keadaan-keadaan sekolah sehingga ibu bapa yang bertanggungjawab. Kalau setakat kita memberi berita kepada akhbar, radio, TV, bercakap sahaja berkenaan dengan perkara ini padahal ibu bapa, rakyat tidak dapat melihat bagaimana rupa dadah yang sebenarnya. Misalnya, saya sendiri tidak pernah melihat bagaimana rupa tiap-tiap benda yang saya sebutkan tadi. Oleh sebab itu, sudah sampailah masanya kita bertindak bagi seluruh negara menjadikan satu tarikh yang tetap kita kempen kepada rakyat bagi menghapuskan dadah daripada negara kita, kita jauhkan ini kita gunakan alat-alatan yang begitu lengkap supaya dadah tidak masuk daripada negeri-negeri luar. Bagaimana yang biasa disebut, saya soal juga di dalam Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri, sudah sampai masanya atau tidak pihak pasukan keselamatan menggunakan helicopter mengawal perairan negara kita. Ini kerana saya memandang perkara dadah inilah satu daripada yang mudah dibawa masuk mengikut perairan. Oleh sebab itu, dengan adanya Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ini, mudah-mudahan kuasa-kuasa yang telah diberi ini pihak mahkamah dapat menahan mereka yang telah menjadi penagih dadah yang ditangkap dan di dalam tempat tahanan pula dapat menyiasat perkara ini supaya masalah-masalah ini dapat kita hapuskan secara beransur-ansur.

Satu perkara lagi ialah bagaimana cara penagih-penagih dadah ini dapat kita beransur-ansur menghapuskannya. Kalau mengikut keadaan sekarang penagih-penagih dadah akan menyerahkan diri mereka supaya dapat diubati dan mereka pulih semula seperti sedia kala di dalam pusat pemulihan dahulu. Pusat yang ada sekarang ini tidak mencukupi. Kalau hendak didirikan pusat lagi memakan belanja yang banyak. Pada hal kita tahu, belia-belia kita sudah terlalu ramai

yang menjadi penagih dadah. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak supaya Kementerian Kesihatan mengambil daya-utama, saya bersetuju dengan pendapatnya, penagih-penagih dadah boleh mendapat rawatan perubatan di rumah-rumah sakit. Kalau penagih-penagih dadah daripada luar bandar boleh diberi rawatan di pusat-pusat kesihatan yang ada di dalam negara kita. Jika penagih-penagih dadah yang sudah menjadi penagih yang terlalu lama barulah mereka ini dibawa ke pusat pemulihan dadah. Penagih-penagih yang baru, sebagaimana yang saya sebutkan tadi saya dapati mereka ini boleh diubati atau boleh dijauhkan dengan cara mereka ini diubati di hospital-hospital ataupun di pusat-pusat kesihatan kecil.

Apa yang merunsingkan lagi, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terlibat ialah kanak-kanak sekolah. Kalau sudah ada kanak-kanak sekolah yang terlibat berkenaan dengan dadah, inilah yang paling ditakuti sekali. Tetapi baru-baru ini ada seorang pegawai daripada pemulihan murid-murid sekolah di negeri Perak menyatakan di dalam akhbar, pihak Pejabat Pelajaran bersetuju supaya murid-murid sekolah yang didapati menjadi penagih dadah ini dibawa ke pusat pemulihan dadah dan mereka ini akan diterima masuk semula apabila mereka sudah sihat. Ini satu sikap yang baik yang patut kita buat kepada bukan sahaja murid-murid sekolah bahkan belia-belia yang terlibat dalam perkara ini. Sebagaimana yang disebutkan daripada dadah jugalah seperti mana saya katakan tadi, pendapatan \$8 untuk dirinya, \$6 berbaki \$2 dan kalau lama mungkin \$8 akan habis untuk dirinya seorang, sebagaimana yang disebutkan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi mereka ini boleh juga menjadi manusia yang jahat kerana perkara-perkara yang disebutkan tadi. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perkara yang paling berat sekali, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat menyokong syor saya ini, iaitu bulan anti-dadah dapat dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, oleh Kementerian-kementerian yang lain, oleh badan-badan tertentu, oleh ibu bapa dan masyarakat seluruhnya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

4.56 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong dengan sepenuhnya Akta Dadah Berbahaya yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini kita berharap supaya negara kita dapat kita elakkan daripada kehancuran dan daripada mala petaka yang sangat dahsyat itu. Kita tahu daripada bukti sejarah bahawa dadah ini adalah menjadi senjata yang paling berkesan yang digunakan oleh penjajah British di zaman silam untuk menakluki sebuah negeri. Mereka telah mencuba beberapa jalan, beberapa cara untuk menakluk negeri China, tetapi tidak berkesan. Akhirnya mereka mendapat satu cara yang paling baik iaitu dengan mengedarkan dadah kepada ketua-ketua negara China dan akhirnya mereka telah berjaya menakluk Benua China (pada orang Melayu dikenali Benua China), kerana mereka berkehendakan tempat-tempat atau tapak-tapak perniagaan.

Saya suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa ada kemungkinan dadah ini juga akan digunakan oleh musuh-musuh negara kita untuk menghancurkan negara kita seperti yang saya sebutkan tadi. Pada saya ada dua musuh sekarang yang sangat ingin melihat kehancuran negara Malaysia.

Yang pertama, ialah komunis. Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri dalam ucapannya telah membayangkan bahawa ejen-ejen komunis adalah salah satu puak yang menggunakan dadah untuk melemahkan penyokong-penyokong Kerajaan. Kita tahu hari ini negara kita sangat stabil dalam politik dan ekonomi. Stabilitinya negara kita dalam politik kerana teras politik atau penyokong kuat politik dalam negara kita ini adalah terdiri daripada orang-orang Melayu; dan orang-orang Melayu kita ini pula kebanyakannya anti-komunis dan pihak komunis sudah menggunakan beberapa cara dan helah untuk menarik orang Melayu menyokong perjuangan mereka, tetapi setakat ini tidak berjaya.

Sekarang mereka beralih pula kepada satu cara yang lain, yang baru, iaitu dengan cara menggunakan dadah. Jadi, seperti yang ternyata daripada lapuran maklumat-maklumat

pihak yang berkuasa yang telah menangkap penagih-penagih dadah, 80% dari penagih-penagih dadah ini adalah terdiri daripada orang Melayu. Sekiranya lebih banyak lagi orang Melayu yang menjadi penagih dadah, maka matlamat perjuangan pihak kominis ini akan tercapai.

Kita tahu kebanyakan orang Melayu ini pendapatannya kecil dan tidak mampu untuk membeli dadah-dadah yang kita tahu harganya begitu mahal sekali. Dari manakah orang-orang Melayu ini mendapat dadah? Itulah yang saya katakan tadi, daripada ucapan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri, ada kemungkinan besar pihak kominis mengambil daya-utama dalam bahagian ini mengedarkan dadah kepada orang-orang Melayu; kepada pemuda-pemuda Melayu dan matlamat akhirnya kepada askar-askar yang berjuang menentang mereka. Sekiranya askar-askar kita itu sudah menjadi penagih dadah ini, maka pada masa itu tercapailah maksud mereka.

Musuh kita yang kedua, ialah pemodal-pemodal luar negeri yang masih mempunyai modal yang besar dalam negara ini, yang menguasai ekonomi negara kita. Mereka tahu dalam Rancangan Malaysia Kedua matlamat perjuangan kita ialah untuk menempatkan bumiputra atau orang Melayu bagi membolehkan orang-orang Melayu ini mempunyai 30% bahagian dalam ekonomi. Jadi, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, bahagian yang hendak kita berikan untuk orang Melayu sebanyak 30% itu bukanlah hendak dirampas daripada rakyat Malaysia yang bukan terdiri daripada bumiputra, tetapi tentulah bahagian itu akan diambil daripada punca-punca luar negeri, modal-modal yang hari ini menguasai negara kita. Inilah yang ditakutkan oleh pemodal-pemodal luar negeri itu. Dan seperti saudara saya tadi bercakap menyatakan hippies ialah rangkaian pengedar-pengedar dadah di dunia ini, dan kita tahu yang menguasai ekonomi negara kita hari ini ialah pemodal-pemodal British yang mempunyai syarikat-syarikat besar, yang menguasai 60% ekonomi negara. Kita sangat bimbang sekiranya matlamat kita untuk memberikan hak bumiputra dalam ekonomi sebanyak 30% ini dijalankan, maka mereka akan keciwa dan akan hilangnya hak ekonomi mereka di negara ini. Ada kemungkinan besar mereka ini juga menjadi pengedar-pengedar dadah dalam negara kita ini dengan tujuan mengalihkan pandangan

orang Melayu, pandangan bumiputra kepada perkara-perkara yang lain supaya orang Melayu ini jadi khayal dan tidak boleh mengambil tahu hal ekonomi dan hal politik negara, dengan itu maka akan terpeliharalah hak-hak mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, cara-cara mencegah pengedaran dadah ini daripada berleluasa, seperti yang kita tahu pengedar ataupun orang-orang yang bertanggungjawab menjadi pengedar dadah ini bukanlah orang yang biasa, tetapi orang yang mempunyai modal yang besar dan mempunyai kontek di luar negeri, mesti ada kontek kalau tidak dadah ini susah hendak diedarkan dan susah hendak didapati penagih-penagihnya. Saya suka menyarankan di sini bahawa selain daripada mengenakan hukuman mati ataupun hukuman penjara seumur hidup sekiranya pengedar-pengedar dadah ini tidak sampai kepada hukuman yang seberat itu, maka saya cadangkan supaya ditimbangkan kemungkinan melucutkan taraf kerakyatan mereka ini, sebab mereka ini terdiri dari orang kaya-kaya dan tentulah mereka takut apabila dilucutkan kerakyatan mereka, maka segala hak dan harta pesaka mereka di negara ini akan berada dalam keadaan yang tidak stabil dan harus akan terlepas daripada tangan mereka.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat, iaitu perkara kewarganegaraan atau syarat-syarat melucutkan kewarganegaraan itu ada dalam Bab 3 Perlembagaan, yang mana kita telah luluskan Undang-undang Hasutan, tidak ada siapa pun boleh mengungkit, berucap, menegur peruntukan berkenaan dengan kerakyatan dan ini adalah menjadi satu kesalahan di bawah Undang-undang Hasutan, iaitu kalau hendak melucutkan kerakyatan seseorang mengikut apa yang disebutkan dalam Bab 3, Perlembagaan. Kalau dihukum dengan sebab dadah, itu bukanlah salah satu daripada sebab boleh ditarik balik kerakyatan seseorang itu. Saya menerangkan, jangan buat lagi dan tarik balik perkara itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ambillah ingatan dari penerangan Yang Berhormat Menteri. Saya tadi telah benarkan kerana ini pada pendapat saya tidak menyentuh tentang Akta Hasutan, dengan sebab itu saya benarkan, hanya yang hendak ditarik itu ialah

orang yang ada kerakyatan mengikut operation of Law tentu tidak boleh ditarik kerakyatannya. Dengan sebab itu, saya benarkan Ahli Yang Berhormat berucap, sila teruskan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Terima kasih. Kepada mereka yang menjadi alat atau kakitangan pengedaran dadah ini, saya sarankan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya jangan dikeluarkan paspot kepada mereka ini lagi.

Yang kedua, mengenakan sekatan perjalanan. Apabila mereka sudah didapati bersalah dan dihukum selepas mereka menjalani hukuman itu kita kenakan pula sekatan perjalanan atau hadkan sekatan perjalanan mereka supaya mereka tidak dapat kontek lagi dengan pihak-pihak yang berkenaan. Dan mereka yang dihukum di luar negeri setelah menjalani hukuman itu apabila mereka balik kita kenakan pula hukuman di bawah Akta yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari pengedar-pengedar dadah ini ada satu pihak lagi iaitu pihak-pihak yang menjadi penagih dadah. Saya tumpukan perhatian saya kepada pelajar-pelajar ataupun kanak-kanak yang masih bersekolah lagi yang sudah menjadi penagih dadah dan dalam perkara ini kita sangat mengharapkan supaya ibu-bapa memberi kerjasama yang erat atau kerjasama yang sepenuhnya kepada pihak-pihak yang berkuasa. Dalam soal ini ramai daripada ibu-bapa yang tidak tahu yang mana dinamakan dadah, L.S.D., morphine dan sebagainya. Jadi, saya sangat bersetuju supaya cadangan saudara saya tadi diadakan satu kempen besar-besaran yang dinamakan "Bulan Anti-Dadah", ini patut dijalankan segera dan ini ialah sikap Kerajaan. Kalau betul-betul kita fikirkan dadah itu adalah menjadi musuh negara kita maka kita mesti tunjukkan satu sikap bahawa kita ber-sungguh-sungguh untuk menghapuskan perkara ini dan saya menyokong sekali lagi dengan sepenuhnya supaya diadakan satu kempen besar-besaran yang dinamakan "Kempen Anti-Dadah." Dan selain daripada itu, kita juga berharap kerjasama daripada alat-alat sebaran am, terutama alat-alat sebaran am Kerajaan iaitu radio dan TV, kalau boleh tiap-tiap hari hendaklah diadakan satu cogankata, misalnya "Hindarkan dadah, dadah ini merbahaya kepada jenerasi akan datang" dan lain-lain cogankata yang

boleh menarik minat atau menarik perhatian para penonton TV, atau para pendengar radio. Apabila satu perkataan itu kita ulang-ulangkan maka ia akan terlekat di dalam fikiran kita dan dengan itu adalah satu cara saikoloji untuk memerangi dadah yang merbahaya ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu ada 2-3 kes di kawasan saya iaitu ibu-bapa yang mana anak-anaknya terlibat dalam penagih dadah ini merasa malu untuk memberitahu pihak yang berkuasa bahawa anaknya ini sudah menjadi penagih dadah.

Jadi cara yang sangat baik pada pendapat saya supaya ibu-bapa ini dapat memberitahu pihak yang berkuasa iaitu dengan menubuhkan satu Biro Pengaduan Dadah. Ibu-bapa yang anaknya terlibat ini bolehlah menghantar surat kepada Biro yang berkenaan dengan tidak payah melalui Guru Besar, guru darjah dan sebagainya. Ini barangkali dia malu. Dengan cara kita menubuhkan satu Biro ini terus sahaja ibu-bapa itu menulis surat kepada Biro mengatakan bahawa anaknya ini sudah terkena penyakit dadah dan meminta dipulihkan oleh pihak yang berkuasa. Saya fikir dengan cara ini ibu-bapa akan memberi kerjasama yang lebih erat kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Satu perkara lagi gunanya Biro yang saya katakan tadi bahawa ada juga penduduk-penduduk kita, rakyat kita yang betul-betul patuh pada undang-undang negara yang tahu siapa pengedar dan penagih dadah tetapi mereka tidak berani melapurkan perkara ini kepada pihak yang berkuasa, kerana mereka takut pembalasan ataupun tindak balas daripada orang-orang yang menjadi pengedar dadah, sebab selama ini kita tahu yang menjadi kakitangan pengedar dadah itu kebanyakannya samsing-samsing. Jadi kalaulah perkara ini mereka dapat tahu tentulah tindak balas yang sangat kejam mereka akan ambil terhadap pengadu-pengadu tersebut. Jadi dengan adanya Biro yang saya cadangkan tadi maka sesiapa juga akan berani menulis surat mengatakan si polan-polan ini ialah yang menjadi pengedar dadah.

Di dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka sarankan juga kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, iaitu surat-surat layang pun hendaklah kita layan juga. Setengah-setengahnya mereka tidak berani menandatangani surat itu sebab

mereka takut tindak balas—kita terima juga. Kita layan juga surat layang yang mengadu hal mengenai pengedaran dadah ini. Ada kemungkinan juga orang-orang yang tidak berani sebab dia takut tindak balas. Jadi patut juga kita layan surat layang ini dengan cara kita menyiasat kebenaran surat-surat tersebut.

Kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang didapati menagih dadah, saya cadangkan supaya Kerajaan mengenakan tindakan tata-tertib yang keras kepada mereka kerana dengan jadinya mereka penagih dadah maka mereka akan mengabaikan tanggungjawab terhadap tugas mereka masing-masing.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan kuatkuasanya Undang-undang ini, saya berharap supaya segala malapetaka yang akan menimpa negara kita ini dapat kita elakkan dan saya harap supaya Akta ini dikuatkuasakan dengan secepat mungkin Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) ini.

5.03 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa setiap Undang-undang yang digubal dan diluluskan adalah dengan tujuan untuk menolakan mafsadah dan menarikkan masalah ertinya menolakan kerosakan dan menarik kebaikan. Ini suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini pada pendapat saya walau apapun yang kita telah, sedang dan akan bertindak melalui Undang-undang yang kita gubal dan kita luluskan untuk menghasilkan object yang tersebut tetap tidak berjaya. Kalau sekiranya kita tidak bertindak mengikut prosesnya yang tabie iaitu dengan menganalisa kenapa sesuatu perkara jenayah itu berlaku, apakah hujjah-hujjahnya. Kemudian sesudah kita analisa dan kita dapat tahu sebab-sebab dan punca-puncanya lalu kita bertindak untuk menghapuskan sebab-sebab itu dari akar umbinya di samping mengenakan kuatkuasa Undang-undang yang kita telah luluskan.

Pada pendapat saya dengan cara itu sahajalah baru berjaya, atau dengan lain perkataan, semata-mata dengan kuatkuasa Undang-undang tidaklah berjaya untuk menghapuskan sesuatu jenayah atau hendak mendapat sesuatu yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, amatlah tidak wajar kalau kita hanya sekadar membuat undang-undang dan melaksanakannya sedangkan kita tidak bersungguh-sungguh untuk menghapuskan sebab-sebab dan punca-punca yang membawa pada berlakunya sesuatu perkara jenayah itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya faktor yang membawa berlakunya jenayah termasuklah jenayah penyalah-gunaan dadah dan sebagaimana di mana sahaja di dalam dunia ini sekurang-kurangnya ada dua faktor:

- (i) kerana kurang didikan ugama lantaran kesalahan kita tidak mengisi kekosongan jiwa anak-anak muda kita dengan akidah Islamiah yang boleh mententeramkan jiwa mereka;
- (ii) kerana didorong oleh kemiskinan dan kepapaan.

Sekiranya kedua-dua faktor itu dapat diatasi maka saya percaya kejadian jenayah itu walaupun tidak dapat dihapuskan semua sekali sekurang-kurangnya akan berkurangan. Sebab mengikut pendapat saya dan begitu juga ahli-ahli falsafah yang bijak mengatakan, apa yang dikatakan manusia itu ialah jisem dan roh, physics and spirit. Manakala keperluan kedua-dua itu dapat dihasilkan nescaya tidaklah ia mengacau dan membuas.

Katakanlah kalau seseorang itu sudah mempunyai keperluan jisem dan rohnya di samping itu juga ia mempunyai didikan ugama, bukan pelajaran ugama, sebab pada pendapat saya pelajaran ugama dengan didikan ugama adalah berlainan; pada pendapat saya orang yang seperti itu tidak rela dirinya melakukan perkara yang bertentangan dengan zahir hati nuraninya, tetapi kalau kedua-duanya tidak wujud pada seseorang manusia itu maka sudah tentulah perkara-perkara jenayah itu amat mudah baginya untuk melakukan ataupun wujud satu sahaja. Umpamanya, kalau seseorang itu mempunyai didikan ugama tetapi tidak ada mempunyai keperluan hidup yang cukup—kemungkinan besar orang seperti itu

boleh melakukan perkara jenayah termasuklah penyalah-gunaan dadah dan sebagainya dan begitulah sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah membuktikan dengan jelasnya. Izinkanlah saya menyatakan sedikit dari sudut sejarah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sejarah apa Yang Berhormat?

Tuan Haji Zakaria bin Ismail: Sejarah Islam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payahlah, kalau sejarah dadah tidak meng-apa.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail: Tidak boleh?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan tidak boleh, tidak payah. Kerana Undang-undang ini berkenaan dengan dadah berbahaya.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail: Tuan Yang Di-Pertua, kembali kepada Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) yang kita sedang membincangkan pada hari ini, kita harus mengkaji kenapa seseorang itu menghisap heroin dan sebagainya. Jawabnya kerana jiwa mereka tidak tenteram lantaran kosong dengan fahaman-fahaman dan akidah-akidah yang betul lalu mereka mencari sesuatu benda yang boleh mententeramkan jiwanya dengan menghisap dadah, heroin dan sebagainya.

Kalaulah sekiranya jiwa mereka itu dipenuhi oleh akidah-akidah yang betul melalui didikan ugama masakan mereka sanggup melakukan perkara yang begitu buruk padahnya. Umpamanya, kalau seseorang itu mengetahui benar-benar bahawa akal fikiran adalah satu-satunya pemberian Allah subhanahu wataala yang paling bernilai sekali, tidak ada tolok bandingnya, sebabnya dengan akallah manusia dapat mengguna untuk faedahnya segala apa yang ada di dunia ini; dengan akallah manusia dapat menyelamatkan diri dari sebarang ancaman binatang buas dan sebagainya. Sebaliknya, kalau tidak ada akal pada manusia ini nescaya manusia menjadi mangsa kepada binatang-binatang yang lain, sebab mengikut kajian manusialah makhluk yang paling lemah sekali kalau hendak dibanding-

kan dengan makhluk-makhluk yang lain dalam segenap seginya, hatta di dalam hubungan sex sekalipun mengikut pendapat Al-Imam Ghazali.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya seseorang itu mengetahui benar-benar seperti apa yang saya utarakan itu masakan mereka ketagih menghisap dadah, heroin dan sebagainya kerana itu boleh merosakkan akal yang sebegitu mahal, tetapi malangnya mereka tidak mengetahui benar-benar, dengan sebab itulah mereka berani melakukan perkara yang merugikan diri mereka sendiri, masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji dengan halus dan mendalam, maka di sinilah terletaknya keadilan undang-undang iaitu manakala seseorang itu melakukan sesuatu jenayah dengan penuh kesedaran serta pula tidak didorongkan oleh kelaparan dan sebagainya, maka orang seperti itu amatlah wajar dijatuhkan hukuman yang seberat-beratnya.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

5.13 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) yang dikemukakan oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya perkara dadah telah menjadi-jadi di segenap tempat, samada di dalam Dewan, juga di luar daripada Dewan. Boleh dikatakan di mana-mana sahaja ada majlis penerangan atau perjumpaan di antara pegawai-pegawai Kerajaan khususnya Pejabat-pejabat Penerangan, juga Menteri-menteri maka perkara dadah juga tidak ketinggalan dibincangkan. Apa yang saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak dalam akhbar hari ini bagaimana yang dikatakan oleh kawan saya dari Matang tadi; dalam akhbar *Utusan Melayu* yang saya beli pagi tadi yang saya percaya kawan-kawan saya juga banyak yang membeli, di sini banyak perkara dadah dibincangkan. Ada yang kena tangkap berkenaan dadah dan yang kena tangkap pula malangnya daripada Perlis iaitu tempat negeri saya sendiri, dekat Padang Besar. Ada pula yang kena bicara iaitu di Butterworth. Kemudian

ada pula Menteri yang memberi penerangan berkenaan jangan menggunakan dadah. Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Menteri Besar Trengganu mengatakan pihak guru-guru dan murid-murid jangan menggunakan dadah. Pendek kata dalam akhbar ini ada empat macam berkenaan dengan dadah. Jangan menggunakan dadah, bicara dadah, tangkap dadah dan sebagainya. Sampai dalam Dewan pun kita bincangkan fasal dadah. Tepat sungguh seperti kata kawan saya tadi masa sekarang masa peperangan berkenaan dadah. Kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini seboleholehnya akan menghapuskan penyakit dadah, kalau tidak serta-merta sekalipun akan beransur-ansur seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong kawan-kawan saya Ahli Yang Berhormat dari Matang dan sebagainya berkenaan dengan mengadakan "Bulan Dadah" dan sebagainya. Pada pendapat saya bukan sahaja mengadakan "Bulan Dadah" untuk mempamirkan dadah dengan serta-merta itu, sebab saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, kita ini kadang-kadang meraba dalam gelap kata orang, tidak tahulah bagaimana pula orang lain. Saya juga berasa sedih di atas penyakit dadah yang kita sama-sama tahu, sebagaimana Kerajaan, juga Menteri-menteri kita telah memberi penerangan di merata-rata tempat, begitu juga pegawai-pegawai kita, saya yakin Wakil-wakil Rakyat pun sama. Bukanlah saya hendak mengangkat diri di sini, tetapi apa yang saya katakan itu adalah kenyataan. Di dalam masjid-masjid selalunya, yang mana dalam kawasan saya ada 46 buah masjid, tiap-tiap kali hari Jumaat saya hadir ke masjid, salah satu daripada ceramah yang saya beri berkenaan dengan bahayanya dadah, Undang-undang Kerajaan menghukum siapa menghisap dadah dan membawa masuk dadah. Tetapi pendek kata kalau ditanya oleh seorang anak jemaah, bagaimanakah Yang Berhormat yang dikatakan dadah itu? Adakah dia itu biji, serbuk atau air? Saya pun tidak tahu bagaimana kawan saya nyatakan tadi. Bukan sahaja ibu bapa yang tidak tahu bahkan saya sendiri pun tidak tahu. Tidak tahulah kalau orang lain yang ramai pandai, tetapi inilah kali pertama saya menengok contoh dadah yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi. Itu rupanya dadah, kalau tidak, saya sendiri pun tidak tahu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau ingin hendak tengok boleh berunding dengan Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara.

Tuan Shaari bin Jusoh: Bukan untuk wakil Kangar sahaja, patut semua dapat tahu kerana benda itu bahaya, patutlah kita tahu bagaimanakah benda yang dikatakan merbahaya itu. Ini pendapat saya. Saya percaya kebanyakan daripada rakyat negara kita Malaysia, samada orang awam atau pegawai Kerajaan yang taat setia dan berfikiran waras sebagaimana kata Wakil dari Rantau Panjang tadi tentulah tidak mahu menggunakan benda yang tidak baik.

Tetapi akan menggunakan benda yang baik, tetapi malang mereka tidak tahu yang mana dadah, yang mana bukan dadah, termasuk saya sendiri. Saya contohkan, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang budak-budak yang menghisap dadah inipun pandai. Saya tidak kata orang lain. Kalau saya sendiri, katakanlah kalau keluarga saya datang ke rumah, dia menghisap satu benda. Saya tanya, "Apa yang kamu hisap?" "Ubat", katanya. Tengok-tengok rokok. Berbagai-bagai rokok ada dibawa dalam raga ataupun kalau dia telan biji, "Apa kamu telan"? "Ubat", katanya. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua. Boleh jadi saya pun terkena dengan budak-budak kerana kita tidak tahu. Dengan sebab itu, saya menyokong sangat supaya diadakan "Bulan Dadah" atau "Pamiran Dadah" supaya semua orang dapat tahu dengan seberapa cepat yang boleh.

Yang kedua, saya berasa takut, undang-undang kita ini ialah untuk kebaikan dan keadilan. Tiap-tiap yang bersalah mesti dihukum, yang buat baik mesti dibalas dengan baik, seperti kita bekerja dapat saraan dan sebagainya, begitulah orang yang bersalah mesti dihukum. Tetapi saya takut Tuan Yang di-Pertua, jangan-jangan biasa dikata orang yang tidak bersalah akan dihukum sama. Apa yang saya kata ini biasa berlaku di dalam negeri saya sendiri, Perlis sepuluh tahun yang silam berkenaan dengan kes senjatapi. Walhal kita sama-sama tahu senjatapi itu ialah pistol, senapang dan sebagainya. Tetapi secara tidak langsung dia diperdayakan oleh kawannya. Apatlah lagi dadah yang tidak dikenali oleh setengah orang. Dalam golongan masyarakat kita ada berbagai-bagai ragam manusia untuk mencari wang. Ada setengahnya mencari wang

dengan cara halal dan ada setengahnya mencari dengan jalan merompak dan ada pula setengahnya mencari wang dengan jalan menipu, menjadi hantu dan sebagainya. Jadi apa yang saya kata tadi biasa berlaku kepada satu hamba Allah yang tidak berdosa. Dia dikenakan oleh kawannya yang membawa ke satu tempat yang mana ada senjata. Tujuan kawan yang membawa tadi tidak lain dan tidak bukan untuk mendapat wang sebagai hantu ataupun kata orang "Hantu Polis". Maka yang tidak berdosa tadi kerana dia pergi ke situ, boleh jadi dia tahu, dia biasa dengar ataupun biasa pergi ke tempat yang berkenaan. Akhirnya manusia yang saya sebutkan tadi terpaksa masuk ke dalam jail selama sepuluh tahun lebih; perolehan yang dibawa oleh kawan lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu tiap-tiap yang bersalah itu akan dihukum dan kadang-kadang siapa yang menganiaya kawan dia akan dihukum kalau tidak di dunia tentu di akhirat, tetapi orang yang menganiaya kawan tadi, saya sendiri pandang dengan mata kepala saya sendiri, mendapat satu penyakit yang tumbuh di dalam badannya. Akhirnya perutnya buncit, terbit air sehingga dia mati diseksa oleh Tuhan. Sebelum mengadap Tuhan di Rabul Jalil, di dunia Tuhan tunjukkan balasan kerana membuat aniaya ke atas kawannya. Maka dengan sebab itu, saya berharap biar semua kawan, biar semua masyarakat kita tahu yang mana ganja, morphine dan sebagainya. Saya amat takut, bukan kita kata semua orang akan buat aniaya, tetapi ada juga macam saya kata tadi orang yang hidup semata-mata untuk mencari wang dengan berbagai jalan. Salah satu jalan menjadi hantu tetapi kalau hantu kerana mencari kebaikan, benda itu benar, kita sama-sama berdoa untuk menghapuskan dadah, tetapi ada setengah manusia macam saya kata tadi berbagai cara dia sanggup buat asalkan dia dapat wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat patutlah untuk menghapuskan dadah ini selain daripada kita mengadakan Rang Undang-undang dan sebagainya, kita mengadakan filem-filem, bagaimanakah akibat orang menghisap dadah itu, bila dia hisap, dia jadi kurus, sebagaimana kata kawan saya dari Matang, sexnya kurang, tetapi saya tak tahu samada perkara itu betul atau tidak, kerana saya tak pernah

dengar begitu. Tetapi yang saya tahu kalau hisap candu keadannya tidak begitu. Jadi saya tak tahu akibat yang sebenarnya berkenaan dengan hisap dadah ini. Yang saya tahu, biasa saya sendiri beri penerangan, siapa hisap dadah badannya menjadi teruk, tetapi sampai lemah sex itu saya tak biasa dengar. Jadi, dengan sebab itu, pada pendapat saya patutlah kita mengadakan satu filem, terangkan kepada orang ramai siapa yang menjadi penagih dadah. Sebab saya berkata begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya biasa perhatikan walaupun sesuatu ceramah itu baik, penerangan itu bagus, isinya padat, tetapi kalau bersyarah secara direct, secara kutbah jarang orang mahu dengar. Sebagai satu bukti, saya percaya, Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan pendapat saya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong jangan kaitkan nama saya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tetapi saya yakin Tuan Yang di-Pertua bersetuju. Sebagai bukti baru-baru ini kita sama-sama tengok satu filem berkenaan dengan haji. Di masa-masa yang silam bila saya pergi ke panggung wayang, yang saya tengok orang menengok wayang ataupun pertunjukan di panggung wayang tak lain terdiri daripada orang yang rambut macam mana rambut kita semua, ada setengahnya lebih panjang lagi, seluarnya belbottom dan sebagainya. Tetapi yang peliknya di masa wayang penerangan Tabung Haji ditunjukkan, kalau dahulu saya tak pernah menengok orang memakai kupiah putih atau ketayap menonton, tetapi masa penerangan Tabung Haji, penuh dengan yang pakai kupiah putih mendengar syarahan Tabung Haji. Jadi, orang itu sudah tahu berkenaan dengan bab haji, tetapi kalau kita hendak beri penerangan secara dipanggil beramai-ramai dalam dewan orang tak tertarik, walhal kaedahnya sama, tetapi dengan cara pertunjukan wayang manusia datang berduyun-duyun. Maka dengan sebab itu, pada pendapat saya kita carikan satu filem yang mengisahkan akibat siapa yang menjadi penagih ganja, akhirnya masyarakat dan ibubapanya akan susah, dia sendiri akan susah, isterinya akan susah dan akan jadi begini, begini, begini. Jadi apabila benda ini orang tak buat perkara itu ataupun boleh orang tertarik, semua orang tetap ikut dan mendapat kerjasama daripada masyarakat.

Tetapi kalau hari ini kita seru untuk mendapatkan kerjasama, untuk perangai ganja, kata orang tua, apa dia ganja? Dia tak tahu, macam kata saya tadi, saya sendiri pun tak tahu, Tuan Yang di-Pertua. Barangkali bolehlah kita beri tahu kaedah kerjasama itu, tetapi saya sendiri pun tak tahu rupa ganja itu. Kalau orang tumpang dengan motokar saya sambil hendak datang ke Kuala Lumpur atau balik ke Kangar, barangkali wakil Kangar tak tahu benda itu ganja atau tidak, sebab saya tak kenal. Dengan sebab itu, kepada Menteri yang berkenaan tolonglah pamirkan dengan serta-merta untuk kita sama-sama hapuskan ganja itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah panjang bercakap baru nombor dua (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Yang ketiga, saya berpendapat supaya filem dadah ini, sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam TV dan sebagainya, kalau tak silap saya dalam 4 bulan yang lepas ada komentar TV berkenaan dengan penghisap dadah, tetapi malangnya dia tak tunjuk muka penghisap itu, cuma ditunjukkan tentang rupanya kelabu-kelabu asap. Jadi tak terang, sepatutnya ditunjukkan muka mereka.

Dengan itu juga saya berpendapat bahawa sebagaimana saya kata tadi dalam lawak jenaka di TV, patut disulamkan dengan penerangan benda-benda ini untuk kebaikan. Sebagaimana dua malam yang lepas kita tengok "Ahmad Daud Show", kerap kali komentar dalam radio atau TV itu kalau fasal bab pelajaran orang-orang perempuan jarang tertarik, tetapi malam kelmarin "Ahmad Daud Show" orang tertarik kerana yang menjadi partner dalam komentar itu, caranya saya sendiri pun hendak tersenyum, sebab itu menjadi pengajaran yang baik. Walaupun dia sambil lawak jenaka, secara sindiran, tetapi dengan berlawak jenaka itu berkesan untuk kebaikan negara. Jadi, perkara inilah pada pendapat saya patut kita sulamkan dalam TV.

Saya mencadangkan sebagaimana kawan-kawan saya tadi berkenaan dengan akhbar-akhbar patut juga mengadakan cerpen. Apa

yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri biasa membaca satu ketika dahulu yang mana saya sendiri lupa nama pengarangnya cerpen yang tersiar dalam *Utusan Zaman*, saya tak teringat hendak bercakap dalam Dewan ini mengenai tajuknya, tetapi saya masih ingat apa yang saya baca. Tujuan ceritanya dia menceritakan berkenaan dengan seorang hamba Allah duduk di tepi jalanraya, terangan-angan seorang diri, badannya kurus kering, kemudian berjumpa dengan seorang kawan yang lain. Kemudian hamba Allah yang berhati ikhlas ini memberikan nasihat kepada kawan tadi. Aku akan tolong saudara dengan seribu satu jalan. Maka akhirnya si kawan itu membawa dia kepada Polis. Penagih dadah tadi akan mengambil tindakan. Tetapi akhirnya pihak yang bertimbangrasa tadi telah membawanya ke satu tempat yang disebutkan oleh kawan saya daripada Matang tadi iaitu Pemulihan Dadah. Jadi kawan yang berkenaan tadi mula-mula dia berasa marah ataupun akan bertindak balas kepada kawan yang membawa dia ke sana, tetapi bila kawan yang berkenaan tadi orang yang insaf, orang yang memulakan pertolongan tadi menceritakan. Aku sendiri telah terkena penyakit yang engkau kena ini, tetapi bila engkau sudah baik, sudah hilang penyakit ini, engkau akan insaf atas apa yang telah berlaku. Ditunjukkan pula bagaimana dia telah meninggalkan kampung halaman kerana kena penyakit dadah, dia meninggalkan ibu bapa dan sebagainya.

Jadi kalau cerita-cerita seumpama ini disiarkan, yang saya sendiri tak pandai hendak mengarangnya, sebagaimana karangan dalam *Utusan Zaman* itu akan berkesan. Cerita-cerita macam ini patut kita galakkan dalam akhbar-akhbar, dan sepatutnya, cerita-cerita yang membawa kebaikan kepada negara ini perlu diberi hadiah sebagaimana kita beri sekarang, yang saya tengok tiap-tiap tahun ada diberi hadiah sebagaimana yang dianjurkan oleh pihak TV berkenaan dengan Pertandingan Kugiran dan sebagainya. Tetapi benda itu saya tidaklah membangkang, kerana saya sendiri tengok kalau ada masa yang lapang. Pertandingan itu Kerajaan telah mengeluarkan hadiah sampai \$5,000 bagi kejohannya, barangkali negeri Perlis biasa dapat memenangi johan. Sememangnya baik kalau cerita-cerita macam ini digalakkan, di-

samping cerita kita menunjukkan cara bagaimana akibat menghisap dadah, bagaimana bahaya orang menghisap dadah, merosakkan masyarakat, ibu bapa dan sebagainya. Ini akan membawa kebaikan dan ini salah satu jalan yang pada pendapat saya, menjadi kebaikan ataupun diminati oleh orang dan bila dibaca, orang akan insaf dan masalah dadah ini akan hilang satu demi satu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat sesudah kita buat penerangan ataupun iklan kepada orang-orang yang terkena penyakit dadah, patut orang itu diminta membuat pengakuan sebagaimana kita biasa buat kepada kominis. Orang-orang kominis bila sudah ditawan oleh Kerajaan, kadang-kadang digunakan kominis yang berkenaan untuk menghebahkan kepada kawan-kawannya yang menjadi kominis juga, mengatakan perjuangan kominis itu adalah satu perbuatan kejam. Maka patutlah kita kominis beramai-ramai keluar dari dalam hutan dan dia telahpun membuat propaganda bahawa Kerajaan hari ini amatlah adil dan baik. Dengan sebab itu dia menyeru kepada kawan-kawannya di dalam hutan patutlah menyerah diri kepada Kerajaan, Kerajaan berjanji tidak akan mengambil tindakan untuk menghukum mereka. Perkara ini biasa kita buat yang mana kita minta pengganasan kominis sendiri, bekas tawanan kominis sendiri menyeru kepada kawan-kawannya supaya keluar. Pada pendapat saya, orang inilah yang paling berkesan sekali untuk memberi penerangan ataupun merayu kepada penghisap dadah, kepada orang-orang yang telah menjadi penagih dadah, tetapi telah insaf akan lebih baik dan berkesan. Ada setengahnya berasa malu dan berasa takut. Bahkan saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, dari segi kominis tadi, dia lebih takut, mungkin dia kena peluru dibunuh oleh rakan-rakannya dan sebagainya, tetapi bagi penghisap dadah agak saya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada sekali dalam TV sudah dikeluarkan, kisah tiga orang penghisap dadah sudah ada disiarkan dalam TV. Sila teruskan!

Tuan Shaari bin Jusoh: Pada pendapat saya, kalau kita jalankan keadaan demikian, akan bertambah berkesan dan bertambah baik lagi. Dan akhirnya sekali, sebagaimana yang dikatakan oleh kawan-kawan saya tadi

sangat menarik yang mana siberan-siberan am yang diberi pada tiap-tiap Jabatan juga kita sama-sama sedih, kita tahu penghisap dadah ini ialah terdiri daripada belia-belia bumiputra, 80% daripadanya adalah datang daripada golongan belia bumiputra. Ini menunjukkan bumiputra telah terkena satu penyakit yang besar dan yang datang ini pula kepada belia-belia lain daripada menghisap candu. Setahu saya penghisap candu ini adalah terdiri dari orang tua-tua ke atas tetapi penghisap dadah atau penagih dadah terdiri daripada belia-belia. Perkara ini kita amatlah sedih dan kita berharap juga sebagai satu kesannya kerana ini terkena kepada belia-belia bumiputra, khasnya bolehlah kita anggap ini adalah sebagai orang Islam. Dengan sebab itu, saya berharap walaupun ada saya tengok dalam khutbah Jumaat dikaitkan berkenaan dengan dadah tetapi dikaitkan lagi dengan lebih berkesan supaya benda ini dapat disebar kepada semua rakyat, khasnya kaum bumiputra yang mana penyakit ini telah terkena banyak kepada bumiputra.

Sekali lagi saya merayu dan berharap kepada Kementerian yang berkenaan agar syor-syor saya ini dapat dijalankan dan sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini di samping berharap dan berdoa muga-muga penyakit dadah ini akan ditamatkan dengan segera.

5.31 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama menyokong Rang Undang-undang ini dan saya ingin bercakap dengan ringkas sahaja di mana segala pandangan telah dihuraikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap terdahulu daripada saya.

Seperti yang kita ketahui akhir-akhir ini penagih dadah berbahaya semakin bertambah daripada masa-masa yang lepas, begitu juga rampasan oleh pihak yang berkenaan seperti heroin amat bertambah jumlahnya. Ini sudah mesti menunjukkan kerja yang baik dibuat oleh Pusat Biro Narkotik dengan kerjasama pihak Kastam dan Polis bagi mencegah penyeludupan dadah berbahaya dalam negara ini. Saya rasa dadah berbahaya ini mahupun penagih dadah ini tidaklah boleh dianggap sebagai satu perkara yang kecil sahaja yang boleh dihapuskan dengan menggunakan masa yang

singkat. Perkara ini sudah merebak ke seluruh negeri dalam negara kita pada masa ini.

Baru-baru ini di Kuching, Sarawak telah terbukti salah seorang yang menyimpan ganja atau mengedarnya serta ianya telah dihukum setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh orang yang berkenaan itu. Oleh yang demikian, mungkin ada yang lain lagi membuat kerja yang sama seperti itu menedar dadah berbahaya ini di Sarawak demi mendapat keuntungan yang berlipatganda bagi kepentingan diri sendiri dengan tidak mengira kerosakan masyarakat akibat daripada dadah berbahaya itu serta orang seperti itu, saya sifatkan sebagai tidak bertanggungjawab kepada keamanan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mendukacitakan kita apabila mengetahui muda-mudi atau pemuda yang masih duduk di bangku sekolah yang belum lagi dapat bertanggungjawab kepada diri sendiri terlibat juga sebagai penagih dadah berbahaya ini. Dengan kebijaksanaan pihak Kerajaan dan pemimpin-pemimpin negara ini, maka perkara dadah yang boleh merosakkan akhlak di kalangan rakyat telah mendapat perhatian segera sebelum merebak menjadi satu masalah besar dan rumit kepada Kerajaan. Perkara seperti ini jika dibiarkan berlanjutan sudah barang tentu boleh menggoyangkan kestabilan politik negara ini. Kita telah nampak keadaan sebahagian daripada muda-mudi pada hari ini mereka telah sanggup berdemonstrasi menentang pihak Kerajaan walaupun perkara yang dikehendaki atau dituntut oleh mereka yang berbuat demikian adalah salah satu perkara yang boleh dibuat dengan cara berunding kepada pihak Kerajaan yang berkenaan. Di samping itu saya berasa syak-wasangka kepada perbuatan pemuda-pemudi seperti itu boleh jadi mereka ini telah diresapi oleh keseronokan dadah berbahaya ini yang sengaja digunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab dan subversive jahat bagi meracunkan fikiran di kalangan muda-mudi untuk menentang Kerajaan yang telah berbelanja beribu juta ringgit memberi pelajaran kepada muda-mudi negara ini supaya mereka itu boleh menjadi warganegara yang berguna di masa hadapan. Malangnya muda-mudi yang sanggup menjadi alat perkakas seperti itu tidak menyedari tanggungjawab mereka sebagai pemuda harapan bangsa dan negara

dan sanggup pula berkorban untuk orang lain dengan membuat berbagai tipu helah, kadangkala sehingga ugama dan kebudayaan diri sendiri menjadi ejekan pula.

Saya berharap pihak Kerajaan yang berkenaan harus mengambil perhatian kepada pemuda-pemudi seperti ini supaya boleh diberi panduan dan kursus, sama juga seperti memberi rawatan kepada penagih dadah di pusat-pusat rawatan untuk mengelakkan warganegara kita terutamanya pemuda yang terceburlah ke dalam jurang pemuda yang tidak berdisiplin dan tidak menjunjung Rukunegara sebagai pedoman hidup rakyat yang taat setia di negara ini. Walaupun Kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja yang berjuta ringgit, ini saya anggap tidaklah membazirkan wang rakyat, namun adalah satu jalan untuk menghapuskan dadah berbahaya yang boleh merosakkan rakyat dan juga mengakibatkan ekonomi negara secara tidak langsung terjejas di samping mewujudkan rakyat yang berbudi bahasa dan berakhlak mulia sebagai salah sebuah negara ugama Islam menjadi ugama rasmi yang bertujuan untuk dunia dan akhirat.

Saya berharap juga pihak guru-guru, ibubapa atau pihak yang bertanggungjawab kepada anak-anak sekolah di seluruh Malaysia sentiasa mengambil perhatian berat atas mereka itu supaya tidak menjadi mangsa dadah berbahaya dan berharap pula Pusat Biro Narkotik bekerja lebih rapat lagi dengan pihak yang berkenaan supaya tugas menghapuskan penyeludupan dadah dapat diatasi dengan seberapa segera, sama juga seperti tujuan kita menghapuskan anasir jahat yang tidak bertanggungjawab yang kita sifatkan sebagai musuh rakyat dan negara. Saya berharap juga supaya pihak yang bertanggungjawab anti-dadah berbahaya ini menyebarkan kempen anti-dadah di seluruh negeri di Malaysia menerusi wayang gambar yang ditayangkan oleh Jabatan Penerangan, terutamanya di kawasan luar-luar bandar untuk menyedarkan rakyat atas bahayanya dadah yang menjadi masalah yang dihadapi oleh Kerajaan pada hari ini supaya rakyat dapat melihat akibat yang telah menimpa penagih dadah yang boleh merosakkan kehidupan manusia.

5.39 ptg.

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan untuk Rang Undang-undang Me-

minda Ordinan Dadah Berbahaya dan di sini saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, it was not very long ago, in fact it was only during the last session, that Parliament had amended the same Act to give the courts the power to punish, on conviction, those who were engaged in drug trafficking with death sentence or life imprisonment. This shows that the Government is very serious and concerned in trying to stamp out this drug problem which was at first thought to be a fad or a fashion but has most unfortunately now turned out to be an evil that has come to stay.

Tuan Yang di-Pertua, this present amendment will further strengthen the hands of the law by giving Magistrates the power to remand the accused persons in custody for a longer period so as to enable the Police to have longer time to carry out their investigations. Although armed with all these powers, it is unfortunate that we do not have enough officers of the court, i.e. Judges and Magistrates, to try the accused, to convict them or otherwise dispose of their cases speedily. Although quite a few persons have been charged on crimes connected with drugs, not many have been tried, and none has been convicted under Section 39 (b), Sub-section (2) yet. It is also generally known that there is a long backlog of cases in our courts. Only the other day we read in the newspapers that the Judges will be meeting somewhere very soon to look into this problem.

In order to deter and to discourage our people from committing crimes, especially crime of drug trafficking, those who are arrested and charged should be brought to court quickly so that, if convicted, proper sentences can be passed on them. A severe punishment including the death sentence will, no doubt, to a very large extent, deter anyone from committing such crimes. Therefore, I am taking this opportunity to call upon the Government to appoint more Magistrates or Judges as the case may be, so that justice can be done more speedily.

Tuan Yang di-Pertua, although additional power is being added from time to time, and severe as the punishment may be, it is also a fact that this evil of drug trafficking cannot

be completely eradicated. It is, therefore, necessary to educate or to re-educate our people on the correct sense of value in life, that the accumulation of wealth, to be very wealthy, especially through illegal means, is not the ultimate objective in life because all those who are engaged in drug trafficking are profit-motivated. To them, money is more important than human life. These are the sick people, people with distorted minds, people with a wrong sense of value. So, apart from what the Police or the courts can do our schools, our religious institutions and other organisations such as service clubs should play a more active role in instilling in the minds of our people the correct sense of value, i.e. to be rich, to come into great wealth quickly is not the only aim in life. Only with this concerted and coordinated effort by one and all can the problem of drugs be reduced to the minimum.

Tuan Yang di-Pertua, before I sit down, I would like to touch on only one more point, that is, rehabilitation. I am given to understand that for the time being the drug addicts are being rehabilitated either at the leprosarium or the mental hospital. I think, Tuan Yang di-Pertua, a person who is addicted to drugs does not mind being identified as a drug addict. But surely he would not like to be considered also mad by having to be rehabilitated in a mental hospital. So, I take this opportunity to call upon the Government to set up proper centres to rehabilitate these drug addicts. Thank you very much.

5.45 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, daripada mula-mula perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan ini dibuat di dalam Dewan yang mulia ini, kita telah dengar berbagai-bagai hujah-hujah berkenaan dengan merbahayanya dadah, ini kalau diamalkan. Bahkan kita telah mendengar bahawa dadah ini bukanlah satu macam atau satu bentuk tetapi bermacam-macam dan bermacam gaya pula boleh digunakan dengan cara diinjection, dengan cara dimakan secara pil, dihisap dan sebagainya. Begitu juga tidak sunyi kita dengar betapa seseorang itu kalau telah menjadi mangsa dadah ataupun ketagih-kerana dadah, dia akan lupa serba-serbinya.

Kita juga barangkali telah diberitahu bahawa ada syndicate yang besar yang memang mengintroducekan dadah ini di dalam masyarakat kita sebab satu-satu tujuan yang hendak menghalang negara kita ini ataupun menyekat pembangunan-pembangunan negara kita ini. Saya berpendapat perkara dadah ini tidak boleh lagi kita memperkecil-kecilkan dengan sebab-sebab yang telah kita dengar tadi.

Pada masa sekarang usaha-usaha anti dadah ini hanya dibuat, pada pandangan saya, secara sambil-sambilan sahaja, tidak ditekankan dengan begitu serious. Dadah ini bukan hanya sekarang sahaja kita telah dengar tetapi barangkali 40-50 tahun dahulu memang sudah ada dadah. Candu adalah dadah, misalnya, dan kita telah dengar juga betapa kaum penjajah masa mereka hendak menguasai Negeri China diintroducekan candu kepada orang-orang Negeri China sana hingga orang-orang China menghisap candu, khayal tidak pedulikan pentadbiran negerinya hingga senang sahaja negeri itu dibuat apa suka oleh kaum-kaum penjajah itu hingga datang kesedaran kepada orang-orang China dan kita tahu apa telah jadi dengan "Opium War". Jadi, negara kita juga patut segera mobilise semua tenaga kita iaitu kerahkan semua tenaga di negara kita ini; kita buat kan "Drugs War". Kalau di Negeri China dikenal dengan "Opium War", kita berkempen besar-besaran dan dalam "Drugs War" tersebut. Kita kerahkan doktor-doktor, badan-badan kebajikan, sukarela, belia, Palang Merah, misalnya, kadet Polis dan kesemuanya sebagaimana juga kita dari satu masa ke satu masa membuat kempen secara besar-besaran menentang kominis, berarak dan sebagainya. Menentang dadah juga hendaklah kita buat secara besar-besaran, dan janganlah hanya kita diamkan satu jabatan sahaja Narkotik, misalnya, untuk membuat kerja-kerja ini. Kalau betul-betul kita sedar akan seriousnessnya dadah ini hendaklah seorang Menteri yang bertanggungjawab benar-benar berkuasa di dalam kerja-kerja ini, beri segala apa juga kemudahan dan peruntukan supaya dengan cara besar-besaran itu dapat kita membuat kerja-kerja anti dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan di sini bahawa golongan-golongan yang saya katakan tadi yang mengintroducekan dadah ini bermaksud hendak mengkecil-

kecilkan usaha Kerajaan kita di dalam rancangan-rancangan pembangunan dan sebagainya untuk kebaikan rakyat. Mereka melihat bahawa jika rancangan-rancangan pembangunan untuk faedah rakyat itu berjaya, maka kumpulan-kumpulan anti nasional tidak akan berjaya.

Jadi targetnya yang pertama—sasarannya yang pertama untuk jangka pendek ialah pegawai-pegawai kita yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan dasar-dasar Kerajaan untuk kebaikan rakyat.

Saya perhatikan betapa dua tiga orang daripada pegawai-pegawai kita, terutama sekali pegawai-pegawai muda telah menjadi mangsa dadah. Cara-cara mereka ini dipengaruhi oleh dadah, misalannya, mula-mula golongan anti-nasional memanggil, menjemput, mempelawa pegawai-pegawai ini di parti-parti iaitu makan malam misalnya; diadakan jamuan itu dan ini, dan tidak pula ketinggalan dengan wanita-wanita yang cantik-cantik bersama-sama di dalam parti itu dan diintroduceny dadah-dadah yang saya katakan tadi. Pada mula-mulanya diberi secara percuma—cuba tengok. Bila dicuba oleh pegawai-pegawai kita ini, dirasanya, sesudah dia menjadi ketagih, itu dapat ditanya macam mana rasanya iaitu dalam beberapa ketika dia memang lupa kepada daratan, lupa kepada kesulitan-kesulitan, lupa kepada kerumitan-kerumitan, dialah masa itu raja, dialah masa itu Perdana Menteri, dan serba-serbi tetapi hanya dalam tempoh dua tiga jam, selepas itu semua kerumitan-kerumitan itu datang balik kepadanya. Pada kali kedua dan ketiga pun begitu juga, diberi percuma tetapi sesudah orang ini ketagih baharulah dia katakan, "Maaf, kalau tuan hendak maka hendaklah dibayar." Maka inilah juga puncanya timbul perkara-perkara korupsi dan sebagainya. Kerana sesudah pegawai ini tidak dapat dan tidak mampu membeli dadah-dadah ini, maka terpaksa pegawai-pegawai tersebut membuat claim-claim yang palsu, mengatakan dia sudah pergi melawat ke suatu tempat sekian-sekian batu, balik sekian-sekian batu; satu bulan 300 batu misalnya, kalau 40 sen tiap-tiap satu batu, \$120 dia claim dan \$120 ini untuk membeli dadah. Dan kalaulah itupun kurang maka dia berterusan pulalah menerima rasuah-rasuah daripada rakyat dengan berjanji boleh diberi tanah, boleh diberi itu, boleh diberi ini.

Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, dadah ini adalah punca korupsi, punca pembunuhan dan punca menjual anak-isteri kerana sudah ada lapuran-laporan daripada Tuan-tuan Kadi bahawa banyak penceraian-penceraian terjadi kerana dadah ini. Seorang lelaki yang berusia 23 tahun, mempunyai isteri berumur 18 tahun menjadi mangsa dadah. Sesudah menjadi mangsa dadah maka dia tidak hendak bekerja, tidak ada lagi semangat membuat apa-apa kerja, maka dikerah isterinya itu bekerja. Isteri itu bekerja di fektri dan sebagainya, dapatlah barangkali \$3 atau \$4 sehari, dia nanti minta duit isterinya, jadi manalah isterinya hendak tahan siang dan malam bekerja, mahu tak mahu pergi ke Kadi minta cerai, banyak perkara-perkara penceraian terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah target jangka panjang ditunjukannya kepada murid-murid, kepada penuntut-penuntut universiti dan sebagainya, kerana golongan-golongan anti-nasional ini sedar bahawa murid-murid ataupun penuntut-penuntut inilah akan menjadi bakal pemimpin kita, pegawai-pegawai kita yang akan menjalankan tugasnya untuk membangunkan negara. Maka dengan diajarnya penuntut-penuntut ini menghisap dadah, mengamalkan L.S.D. dan sebagainya, maka murid-murid kita gagal di dalam pelajaran, tertinggal, tidak lulus L.C.E., tidak lulus H.S.C., kalau pergi ke Universiti menjadi frust, tunjuk perasaan dan seterusnya, itulah merbahayanya dadah-dadah, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sehingga hari ini dukacita saya mengatakan di dalam Dewan yang mulia ini, sungguhpun telah terdedah begitu terangnya merbahaya dadah, apakah sebenar dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan, selain daripada di dalam TV dan sebagainya cara sambil-sambilan, selain daripada di dalam akhbar-akhbar; maka secara besar-besaran belum dibuat oleh pihak yang berkenaan. Saya bukan sahaja mengatakan pihak yang berkenaan, kita sendiri tidak ada membuat apa-apa.

Baharu tadi sahaja Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada mengatakan bahawa ada orang datang berjumpa dengannya, mengatakan bahawa dia itu telah menjadi penagih dadah dan bukti-buktinya beliau sendiri tahu yang orang ini menjadi mangsa dadah, tetapi apa dibuatnya sebagai seorang warganegara yang bertanggungjawab; adalah men-

jadi kewajipan kita untuk melapurkan perkara ini kepada pihak-pihak yang berkuasa supaya pihak berkuasa boleh mengambil orang ini, menangkap orang ini dan menyoal orang ini; bertanya mana dia dapat dadah, mana dia sarangnya dan seterusnya, boleh barangkali kita sedikit-sebanyak mencegah perkara-perkara ini.

Selain daripada mengesyorkan supaya kita kerahkan semua tenaga seperti saya katakan tadi, pihak yang berkenaan juga hendaklah mengambil langkah yang betul-betul berkesan iaitu kalaulah ada rumah-rumah, biarpun rumah-rumah tumpangan ataupun hotel-hotel ataupun rumah sendiri yang dengan sengaja digunakan sebagai tempat menjual dadah atau tempat menggunakan dadah, maka hendaklah rumah-rumah ini diconfiscate, maka dengan itu barangkali takutlah orang-orang membenarkan tempat-tempatnya digunakan sebagai tempat menjual dadah. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

5.58 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan). Tetapi ada satu dua perkara yang saya suka sentuh.

Pertamanya, ialah soal prevention, soal mengelakkan belia-belie, orang-orang muda daripada terdedah kepada pengaruh (influence) dadah berbahaya ini. Satu daripada perkara yang boleh mengelakkan orang muda kita terdedah (expose) kepada pengaruh-pengaruh dadah berbahaya ini ialah supaya mereka diberi masa yang penuh, masa mereka itu digunakan dengan penuh hinggalah mereka tidak ada masa-masa lapang. Maksud saya sebagai contoh ialah masa recreation—masa lapang mereka.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, keperluan-keperluan permainan bagi orang-orang muda amat berkurangan, lebih-lebih lagi di bandar-bandar seumpamanya di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan ini yang mana bilangan penduduknya saya rasa beratus ribu terdiri daripada orang-orang muda.

Tetapi dari segi pusat pelbagai guna yang mana belia-belia dan beliawanis-beliawanis dapat bermain hanyalah satu—satu sahaja pusat pelbagai guna—di mana belia-belia dapat bermain badminton, berlari dan sebagainya. Sudah tentu satu pusat pelbagai guna tidak akan dapat menampung keperluan mengisi masa lapang belia-belia yang berjumlah beratus-ratus ribu itu di Wilayah Persekutuan. Keadaan itu adalah sama juga di pekan-pekan lain seperti Ipoh, George Town di Pulau Pinang dan sebagainya. Bukan sahaja dari segi pusat pelbagai guna, malah padang permainan pun tidak mencukupi. Padang permainan yang ada katakanlah di Wilayah Persekutuan ini penuh tiap-tiap padang digunakan oleh pertandingan-pertandingan league, league bola, hoki dan bermacam-macam pertandingan rasmi yang dijalankan oleh persatuan-persatuan di dalam rancangan-rancangan mereka. Sehingga padang-padang ini tidak ada lagi boleh digunakan untuk belia-belia ataupun belia-beliawanis itu untuk hendak berlari atau bermain supaya masa lapang mereka itu dapat digunakan. Dan inilah satu pandangan saya, satu cara yang boleh mengurangkan berlakunya belia-belia terpengaruh dengan dadah berbahaya ini supaya padang-padang banyak lagi dibina oleh pihak yang tertentu, pusat-pusat pelbagai guna ditambah, banyak lagi sejajar dan selaras dengan bilangan pemuda-pemudi di sesuatu tempat itu. Jadi, saya suka juga membuat satu cadangan supaya peruntukan yang secukupnya diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, supaya Kementerian ini menerusi sukannya, menerusi kebudayaannya dan menerusi belianya dapat menjalankan rancangan-rancangan untuk mengisi masa lapang belia-belia dan beliawanis-beliawanis yang begitu ramai.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum bilangan pemuda-pemudi di negara kita ini lebih daripada 60%. Tetapi wang peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak sampai 1% daripada Budget negara. Daripada Budget yang dibelanjakan tiap-tiap tahun tidak sampai 1% diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dan Kementerian ini adalah ditugaskan untuk menjaga sukan dan juga untuk menjaga kebudayaan, dan inilah dua perkara iaitu sukan dan kebudayaan yang boleh digunakan untuk mengelakkan belia-belia ini

daripada mereka pergi ke jalan yang tidak tentu arah. Kalau Kementerian ini diberi peruntukan yang cukup, mereka akan dapat mengadakan sukan-sukan yang tertentu, kebudayaan-kebudayaan, derama-derama pentas dan sebagainya, saya percaya banyak belia-belia yang akan tertarik kepada kegiatan-kegiatan ini dan seterusnya mereka akan dielakkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini.

Satu perkara lagi yang saya hendak sentuh yang hari ini sangat berkurangan ialah perpustakaan. Perpustakaan pun adalah satu cara, satu ikhtiar yang boleh menolong belia-belia ini, kerana di perpustakaan mereka boleh meminjam buku dan mereka akan membaca buku-buku. Kalau ada buku-buku yang seronok mereka boleh membaca buku-buku ini sekurang-kurangnya 3-4 jam sehari dan masa yang digunakan untuk membaca buku-buku itu akan mengelakkan mereka daripada membuat perkara yang angka seperti menghisap dadah dan sebagainya ataupun mereka boleh pergi ke perpustakaan merojok buku-buku untuk mengetahui itu dan ini. Membaca majallah-majallah yang boleh mendatangkan banyak ilmu pengetahuan kepada mereka. Membaca akhbar-akhbar dan sebagainya dan berbagai-bagai lagi perkara yang boleh mereka lakukan di dalam perpustakaan demi untuk mengisi masa lapang belia-belia dan beliawanis-beliawanis.

Tetapi dukacita, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini perpustakaan amat berkurangan, yang adapun di pekan-pekan sahaja dan di pekan-pekan inipun tidak cukup. Kalau kita pergi keluar bandar langsung tidak ada kemudahan perpustakaan. Kalau adapun sedikit-sedikit sahaja. Ada setengah-setengah negeri seperti Selangor ini bernasib baik adalah perpustakaan bergerak (mobile library) dan perpustakaan daerah dan sebagainya. Tetapi di negeri-negeri yang kurang bernasib baik langsung tidak ada kemudahan library ataupun khutub-khanah, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar yang saya percaya amat perlu di dalam memerangi masalah madat dan dadah ini. Jadi, inilah yang saya katakan soal prevention ini pada pendapat saya adalah lebih penting, daripada bila sudah kena pengaruh dadah. Semasa dia belum kena masa itulah kita hendak jaga. Di samping itu juga saya sangat bersetuju dengan kata Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang menyatakan bahawa soal ugama juga adalah

penting, kerana mereka ini kalau sudah kuat iman mereka, saya juga percaya masaalah dadah dan madat akan dapat mereka elakkan.

Satu perkara lagi ialah masaalah pusat-pusat pemulihan penagih-penagih dadah. Ini juga amat perlu, kerana sekarang tempat-tempat untuk memulihkan penagih-penagih dadah ini amat berkurangan. Sungguhpun ada saya dengar di akhbar-akhbar dan melalui jawapan-jawapan di Dewan yang mulia ini, ada ikhtiar untuk mendirikan satu dua pusat pemulihan, tetapi saya berpendapat satu dan dua itu tidak mencukupi. Banyak lagi pusat-pusat pemulihan penagih-penagih dadah ini perlu diadakan untuk memulihkan mereka yang kurang bernasib baik. Satu lagi perkara yang suka saya sentuh ialah mengenai masaalah kelab-kelab belia yang banyak bersekitar tanah air dan saya suka hendak mencadangkan supaya kelab-kelab belia yang ada di sekitar tanahair kita ini dilibatkan dengan lebih baik lagi di dalam masaalah memerangi madat dan dadah ini. Sungguhpun pada hari ini kelab-kelab belia memang terlibat di dalam masaalah dan kempen anti-madat dan dadah ini, tetapi pada pendapat saya penglibatan kelab-kelab belia ini boleh ditambahkan lagi dengan kerjasama ejensi-ejensi Kerajaan seperti Biro Narkotik Negara dan badan-badan yang lain. Kerana saya fikir belia yang terdedah kepada exposé madat dan dadah ini lebih dapat dipengaruhi oleh belia juga. Kalau orang-orang dewasa yang mencuba hendak mempengaruhi belia-belia ini mereka menaruh sedikit curiga kepada pihak-pihak dewasa. Saya berpendapat belia-belia dan orang muda lebih berpengaruh untuk menasihati dan mengajar belia-belia yang telah-pun terpesong daripada jalan yang benar.

Akhir sekali, saya suka menyentuh Clause 2 di dalam Rang Undang-undang ini yang memberi kuasa kepada mahkamah selepas seseorang yang didakwa itu dapat ditahan lebih daripada had yang diberi di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah. Clause 2 menyatakan:

“When a person is brought before a Court under this section before the Public Prosecutor has consented to the prosecution the charge shall be explained to him but he shall not be called to plead, and the provisions of the law for the time being in force relating to criminal procedure shall be modified accordingly.”

Dan Huraian menyatakan:

“Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 39B Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 untuk membolehkan orang yang ditangkap kerana sesuatu kesalahan di bawah seksyen-kecil (2) seksyen 39B Ordinan itu dibawa dan dipertuduhkan dalam mahkamah dan kemudiannya ditahan dalam jagaan sementara menanti keizinan Pendakwa Raya. Pindaan ini akan juga membolehkan majistret menahan orang yang dituduh itu dalam jagaan selama tempoh yang lebih lama lagi daripada yang diberi pada masa sekarang di bawah seksyen 17 Kanun Acara Jenayah.”

Apa yang saya khuatir ialah kebimbangan bahawa kemungkinan berlaku seseorang itu dibawa di bawah pindaan ini, kemudian dia tersimpan berbulan-bulan, kemudian barulah dibawa ke mahkamah dan diturunkan pendakwaan. Sungguhpun saya percaya perkara ini akan dapat diatasi, tetapi ini adalah satu perkara yang mungkin berlaku dan saya percaya Yang Berhormat Menteri Undang-undang akan memberi assurance bahawa perkara yang semacam itu tidak akan berlaku yang mana seseorang yang bersalah itu akan ditahan tidak lebih daripada masa yang diperlukan. Saya sedar dan saya akui bahawa tentulah agaknya siasatan memakan masa tetapi adalah diharapkan janganlah berlaku apa-apa tidak keadilan kerana ini adalah masaalah personal liberty seseorang itu, dan personal liberty adalah satu perkara yang penting, dan sebaiknya selekas sahaja seseorang itu dibawa ke mahkamah, selekas itu juga pendakwaannya hendaklah diperturunkan kepadanya. Kalau tidak dia ditahan dia tidak tahu apakah kesalahannya, bilakah hendak dibawa ke mahkamah, dan itu adalah satu kesiksaan yang lebih berat lagi daripada sekiranya seorang itu telah didapati salah dan dijatuhkan hukuman, kerana dia adalah dalam keadaan yang uncertain, tidak tahu samada dia akan dituduh ataupun tidak dan kalau dituduh apakah tuduhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

6.11 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I support in principle the introduction of this amendment to the

Dangerous Drugs Act whereby the Police are given extra powers to go into further investigations on an accused person suspected in connection with drugs. This Bill also empowers the Court to impose full penalty which was not provided elsewhere.

Mr Speaker, Sir, I support this Bill not because of the legal matter but more because it is a social problem. I am of the opinion that the problem of drugs is more of a social problem than a legal one. I agree with Members who have spoken earlier that drug-taking is a very serious problem prevailing in our country, but I do not agree with the Member who said that drug-taking is linked with communism. This is entirely different. Drug-taking, the problem of drugs and so on are entirely different from communism. Communism is a way of life and is different from drugs. So we should not link the problems of drugs with the problems of communism in this country. But in any case, I think the introduction of this Bill is timely because the problem is serious today in our country. A number of youths have been led into taking drugs. But, Sir, I think it is better to take prevention than cure in a matter like this. The Government has a duty to find out why so many people especially the youths indulge in drug-taking—what are the causes.

I submit that it is due to frustration, sense of insecurity, Western influences and bad associates. These are the problems facing the youth today—low pay, unemployment, Western influence as I have just mentioned, violent films, free sex, long hair, pop music—all these things from Western countries. The Government must look into all these so that the future generation of youths in this country will not be misled because of all these bad influences from Western capitalist countries.

Sir, I support the amendment that the Court should be given extra powers to impose full penalty. But then I think that the efforts of one Ministry alone will not be enough or the efforts of the Police alone will not be enough. We must have the joint efforts of the Ministry of Culture, Youth and Sports, the Ministry of Education, the Ministry of Information and Broadcasting, the Ministry of Health and even the Ministry of Social Welfare—joint efforts to tackle this problem.

Lastly, Sir, I wish to call on the Government to set up more rehabilitation centres for the drug addicts so that they may be given rehabilitation and training in order to enable them to lead a new life again.

6.16 *ptg.*

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana kalau kita baca Bill ini tidak sampai 10 baris, tetapi Ahli-ahli Berhormat yang telah berucap di Dewan ini hampir 20 orang. Ini menunjukkan kesedaran Ahli-ahli Yang Berhormat atas bahayanya menyalahgunakan dadah. Terang dan nyata kepada negara kita dan rakyat jelata yang mana wakil-wakilnya dalam Dewan yang berbahagia ini telah mengeluarkan fikiran-fikiran yang bernas dan teguran yang berguna dan juga menerangkan segala bahaya menyalahgunakan dadah pada masyarakat dan pada negara amnya. Sebagaimana yang kita semua telah maklum, suka saya menerangkan di sini, sebab ramai terdapat orang yang keliru mengatakan yang bertanggungjawab hal ini ialah Pusat Biro Narkotik. Sebenarnya semenjak ditubuhkan lima tahun dahulu Kementerian saya telah diberi tanggungjawab atas penubuhan Biro Narkotik untuk mencegah menyalahgunakan dadah berbahaya khasnya berkenaan prevention dan enforcement dan semenjak daripada itu telah dicampur pula tanggungjawab kepada dua Kementerian lain khasnya rehabilitation and treatment atau berkenaan dengan rawatan dan pemulihan telah diserahkan kepada Kementerian yang betul-betul bertanggungjawab iaitu Kementerian Kebajikan Am.

Berkenaan dengan rawatan dan pemulihan ialah tanggungan Kementerian Kebajikan Am dengan disokong oleh Kementerian Kesihatan. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah bertanya iaitu tidak patutlah satu Kementerian yang kecil seperti Kementerian saya ini menjaga bahaya yang begini besar. Suka saya menyatakan iaitu semenjak Kerajaan menubuhkan Pusat Biro Narkotik ini, kita telah mengadakan satu Jawatankuasa Penasihat Nasional atau Kebangsaan yang bermesyuarat tiga bulan sekali di Kementerian saya untuk menasihatkan Kementerian saya dan juga Pusat Biro Narkotik atas cara-cara untuk mencegah, menangkap untuk memperbaiki penagih-penagih dadah. Jawatankuasa Penasihat

Nasional ini ada mengandungi dua atau tiga orang wakil daripada tiap-tiap Kementerian, khasnya Kementerian Kebajikan Am, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan lain-lain Kementerian, termasuk juga badan-badan sukarela seperti perwakilan daripada National Council of Women dan lain-lain lagi. Perkara ini berjalan dari semasa ke semasa.

Tentang penerangan berkenaan bahaya dadah yang telah berjalan selama tiga empat tahun melalui semua sebaran am dan semenjak setahun dua ini boleh dikatakan penerangan ini telah diterangkan daripada semua golongan rakyat sehingga daripada Yang Berhormat, Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan, Raja-raja, Perdana Menteri sendiri dan semua Menteri apakala bercakap sesuatu perkara akan mengambil peluang menyatakan kepada rakyat jelata tentang bahayanya menyalahgunakan dadah ini termasuk juga sekalian rakyat jelata dan Wakil-wakil Rakyat. Kalau ada sampai 3 tahun ini bagaimana saya terbaca dalam surat akhbar ada ibu bapa menyatakan mereka tidak tahu berkenaan bahaya dadah ini bermaknalah sememangnya mereka tidak mahu tahu atas perkara itu—sudah cukup rasanya. Tetapi walau bagaimanapun dengan kehendak ibu bapa menyatakan kepada saya hendaklah kita, kalau boleh mencadangkan, adakan satu kempen secara besar-besaran seperti Bulan Bahasa dahulu, ini pula anti-dadah dan lain-lain. Perkara ini saya akan bawa kepada Jawatankuasa Penasihat Nasional dan juga kepada Kerajaan samada kita jalankan bagaimana cadangan yang saya fikir berguna tetapi daripada pendapat saya tentang penerangan ini sudah cukup terang.

Perkara yang kedua yang saya hendak terangkan di sini ialah bahawa dadah ini ada dua macam: satu digelar madat dan satu lagi dadah (drugs), madat itu seperti candu dan lain-lain. Menyalah gunakan dadah berbahaya sememang berguna sebagai ubat dengan kerana apabila seseorang itu menggunakan sesuatu dadah atau drugs yang berbahaya dengan tidak ada nasihat dari doktor, itu dikatakan menyalah gunakan dadah. Bahaya menyalah gunakan dadah akan menjadi ketagih seperti kita menghisap rokok juga, minum arak yang menjadi

addict tetapi bahaya yang kedua itu tidak sama dengan bahaya menghisap dadah ataupun candu, morphine, heroin dan lain-lain.

Pada segi ugama juga saya telah menerangkan perkara ini pada perjumpaan Kadhi-kadhi dan juga memberitahu pada Imam-imam dan Jabatan Ugama yang mana dalam khutbah-khutbah telahpun disebutkan tentang bahaya ini. Saya bersetuju, memang betul, kalau kita tahu benda makan atau menghisap benda yang mabuk itu adalah haram. Perkara ini kalau orang yang kuat dengan ugama tahu yang perkara ini haram, berdosa dan salah. Kalau ada didikan ugama, sememang betul orang itu tidak hendak membuat perkara yang dilarang oleh syarak atau Tuhan iaitu haram kerana membahayakan dirinya dan berdosa. Tetapi didikan ugama ini bukan sahaja bahaya dadah dan madat, kalau sudah kuat dengan iman, ugama itu tidak payah lagi dengan Penal Code—semuanya baik. Dadah cuma satu, sedikit sahaja bahagian yang jahat. Ini memang bagus. Ugama itu, tidaklah mencegah sebahagian sahaja dadah dan madat, tetapi segala-galanya termasuklah berzina dan lain-lain minuman arak, itu memang bagus, saya bersetuju kalau boleh dijalankan. Tetapi benda yang baik semacam itu memang susah dijalankan.

Berkenaan dengan teguran yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang mengenai belia-belie, sememang saya bersetuju sangat dan saya tahu bagaimana pergerakan belia-belie yang besar sekarang ini seperti Belia 4B dan lain-lain sememangnya kuat dan cergas bekerjasama bagi membantu Kerajaan untuk memberi penerangan dan menolong Kerajaan dalam perkara ini.

Dari segi undang-undang, saya hendak menerangkan di sini supaya jangan salah sangka atau kekeliruan atas bab ini bahawa sebetulnya segala kesalahan di bawah Dangerous Drugs Ordinance itu semuanya boleh dibawa di Mahkamah dan dicharge atau dituduh dan kalau mengaku salah, boleh dihukum terus, jadi tidak ada kelengahan. Cuma satu sahaja kesalahan dalam seksyen ini tentang trafficking in dangerous drugs yang mana hukumannya adalah digantung atau dijail seumur hidupnya yang mana apakala ditangkap seseorang itu dibawa di hadapan Mahkamah President Sessions Court atau Majistret, mengikut Undang-undang ini tidak boleh dituduh di bawah

seksyen itu melainkan ada consent in writing, kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya iaitu Peguam Negara—saya sendiri yang duduk di Kuala Lumpur ini. Ini yang susahnyanya. Jikalau dituduh pula bukan kerana trafficking misalnya seseorang itu dapat ditangkap dengan 3 pound heroin tetapi belum dapat consent daripada saya lagi terpaksa yang dituduh di Seberang Prai atau di Alor Star sana dihukum di bawah Undang-undang yang ringan penjara 3 tahun sahaja terus dengan serta-merta dia mengaku salah, maka terlepaslah dia dari hukuman mati, kena hukum 3 tahun. Tetapi apabila hendak dituduh atau dihukum pengedar yang membawa hukuman mati tidak boleh dituduh kerana tak dapat consent daripada saya sendiri, kerana baru 3 hari yang lepas seorang terpaksa naik kapal terbang daripada Alor Star berjumpa saya pada malam-malam hari menandatangani consent itu, balik ke sana pagi, kerana sudah cukup tempoh seminggu, sempat menuduh seseorang yang baru-baru ini ditangkap, seorang perempuan yang menyimpan heroin berharga \$3.5 juta.

Dengan sebab hendak mengelakkan itulah maka diadakan satu proviso yang diadakan ini supaya boleh mereka itu ditahan lebih daripada 7 hari untuk sempat mereka itu mendapat consent, kebenaran daripada Pendakwa Raya. Maka banyak orang bertanya pada saya dan Pendakwa Raya dalam negeri lain yang di bawah jagaan saya, mengapa tidak diberi kuasa itu kepada Timbalan Pendakwa Raya yang ada di merata negeri di Malaysia ini. Saya mengatakan, bagaimana arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga saya sudah berjanji dalam Parlimen ini bahawa kuasa itu saya akan pegang sendiri selagi saya ada di sini kerana adalah sangat besar tanggungjawabnya. Saya dapati dalam 100 orang yang dituduh kadang-kadang dua tiga orang sahaja yang saya beri consent (kebenaran) untuk dituduh sebagai pengedar dadah. Kerana ada seseorang itu boleh dikatakan ditangkap misalnya membawa setengah pound heroin, boleh jadi kali yang pertama dia cuma menjadi tukang bawa sahaja. Adalah tidak adil kalau saya beri consent yang dia dihukum gantung

atau jail selama-lamanya, kerana saya hendak tengok rekod latar belakangnya, adakah orang ini betul-betul pengedar dadah atau dikatakan king pin dan lain-lain barulah kita tuduh di bawah seksyen yang membawa penalty hukuman mati dan berat. Dengan adanya keterangan ini, saya memberi jaminan, kalau ada pun kelewatan oleh kerana saya sibuk dengan kerja-kerja saya dua tiga hari yang lepas, seminggu itu sehabis lewat. Saya beri jaminan di sini bahawa tidak seorang pun saya benarkan lebih daripada 2 minggu misalnya ataupun saya tidak benarkan Polis mengambil peluang untuk melengah-lengahkan menyiasat supaya orang itu ditahan dengan lama.

Yang kedua, kelambatan itu timbul apabila sudah ditangkap pembawa heroin itu, siapa tahu powder yang putih itu melainkan ia dihantar ke chemist dan hendak menunggu jawapan daripada chemist itu sahaja kadang-kadang mengambil masa tiga empat hari. Selagi belum dapat tahu benda itu betul-betul dikatakan heroin atau morphine mengikut pengesahan chemistry, maka tidak boleh dituduh orang itu. Inilah sebab-sebabnya yang saya huraikan dengan panjang sedikit undang-undang ini.

Saya fikir segala ucapan Ahli Yang Berhormat itu tidak payah saya jawab, kerana masing-masing menerangkan hasrat dan teguran yang saya fikir ada dalam hati saya juga dan cadangan-cadangan itu pula boleh dikatakan tiga suku daripadanya yang telah dijalankan atau separuh daripadanya yang telah kita jalankan selama ini, tetapi mana yang belum saya jalankan lagi atau Kementerian belum menjalankan lagi, saya akan mengambil ingatan dan bawa kepada jawatankuasa saya dan pada Kementerian-kementerian lain. Saya memberi jaminan bahawa ianya akan dijalankan iaitu segala cadangan-cadangan yang saya fikir sangat membina. Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih pada tiap-tiap pandangan Ahli Yang Berhormat yang menunjukkan minat dan besar tanggungjawab atas satu masalah yang dihadapi oleh negara pada masa ini. Saya ucapkan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 dan 3—

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan pindaan-pindaan sebagaimana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Fasal

Pindaan

2 ... Dengan memasukkan perkataan-perkataan “dengan memotong seksyen-kecil (3) dan” menukar seksyen-kecil (4) sebagai seksyen-kecil (3) selepas sahaja perkataan-perkataan “adalah dengan ini dipinda”.

3 ... Gantikannya dengan yang berikut—

“Seksyen
baru 41A.

3. Ordinan itu adalah dengan ini dipinda dengan menambah seksyen baru 41A yang berikut—

“Special
jurisdiction
of Sessions
Court.

41A. Any President for Sessions Court conferred with special jurisdiction under section 63 (3) of the Subordinate Courts Act, 1948 shall have power to impose the full penalty or punishment other than the death penalty provided by this Ordinance or by any regulation made thereunder”.

Clause

Amendment

2 ... By inserting immediately after the words “is hereby amended” in line 2 the words “by deleting subsection (3) thereof and”.

3 ... Substitute the following—

“New section
41A.

3. The Ordinance is hereby amended by adding the following new section 41A—

“Special
jurisdiction
of Sessions
Court.

41A. Any President of Sessions Court conferred with special jurisdiction under section 63 (3) of the Subordinate Courts Act, 1948 shall have power to impose the full penalty or punishment other than the death penalty provided by this Ordinance or by any regulation made thereunder”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 2 dan 3 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

PENANGGUHAN

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN TANGGUHAN

PERKHIDMATAN TALIPON DI KUALA LUMPUR

6.34 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, di samping saya berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, as the Member for Kuala Lumpur Bandar, I wish to draw the attention of the Ministry of Communications to the numerous complaints from business premises, offices, shopkeepers, as well as the public in many parts of Wilayah Persekutuan over the long delay and other difficulties in getting telephone services for commercial as well as residential purposes.

There is today a huge backlog of telephone applications in the Telecommunications Department. Till June 1st this year, there had been 13,114 applicants on the waiting list for telephones in Wilayah Persekutuan. This number must have increased by now.

Most of the above applicants have applied for telephones at least two years ago but have to-date yet to obtain telephone services.

Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat perniagaan, adalah tidak perlu bagi saya menegaskan betapa mustahak perkhidmatan talipon dikehendaki untuk kegunaan perniagaan.

6.37 p.m.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, permohonan-permohonan talipon dalam kawasan Kuala Lumpur di antara tahun 1960-1965 telah bertambah dan kadar pukul rata, 14% setahun, akan tetapi antara tahun 1966-1970 penambahan ini telah berkurangan sehingga 7% setahun. Walau bagaimanapun antara tahun 1971 dan 1974 keperluan ini telah meningkat kepada 24% setahun, menjadi lebih daripada 3 kali ganda perkembangan tambahan tahunan antara tahun 1966-1970 (masa Rancangan Pembangunan Malaysia Pertama). Dalam tahun 1972 Jabatan ini sedar dengan kadar perkembangan yang telah naik itu dan mengambil langkah yang segera untuk mengadakan tambahan alat-alat ibusawat talipon dan juga kebel-kebel pelanggan untuk memenuhi kadar kenaikan perkembangan ini. Malangnya oleh kerana krisis minyak dalam tahun 1973, banyak rancangan-rancangannya untuk bangunan-bangunan ibusawat, pembekalan-pembekalan kebel-kebel pelanggan telah tergendala dan oleh yang demikian "backlog" untuk mengadakan pembekalan talipon telah bertambah dan ini menyebabkan timbulnya lebih kurang 20,000 penunggu di kawasan Kuala Lumpur pada masa sekarang.

Pada biasanya, merancang dan memasang ibusawat talipon 10,000 talian ialah antara 3-4 tahun. Dalam tahun 1973 apabila diketahui bahawa "backlog" permohonan-permohonan talipon itu akan bertambah lagi, Jabatan Talikom telah mengambil tindakan untuk menyiasat, dan akhirnya membeli ibusawat talipon jenis electronic yang tempoh pembekalan dan pemasangannya boleh dikurangkan sehingga setahun. Oleh yang demikian, ia akan membolehkan dibina dan dapat dipakai untuk pemberian perkhidmatan tambahan dalam pertengahan tahun 1976. Senarai berikut memberi butir-butir atas ibusawat-ibusawat electronic ini dan kadar muatannya:

Kawasan	Muatannya	Jenis	Masa siapnya
Bintang (Jalan Bukit Bintang)	20,000 talian ...	Electronic ...	Pertengahan tahun 1976
Jalan Tuanku Abdul Rahman	20,000 talian ...	Electronic ...	Penghujung tahun 1976
Ampang	10,000 talian ...	Electronic ...	Bulan September 1976

Di sini saya ingin menyeru Menteri yang berkenaan menerangkan kepada Dewan ini apa-apa langkah atau apa-apa sebab Jabatan Talikom tidak dapat melayani permohonan talipon dan juga menyatakan apa-apa rancangan yang dirancang untuk mengatasi masalah ini.

Yang akhirnya, atas perkara perkhidmatan talipon, saya juga ingin mendapat tahu daripada Menteri apa-apa langkah yang telah diambil oleh Kementerianya untuk mendirikan lebih banyak pondok-pondok talipon awam dalam bandar Kuala Lumpur, untuk kemudahan atau kegunaan orang ramai. Saya percaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengatakan salah satu sebab yang tidak menggalak Kerajaan mendirikan lebih banyak pondok talipon awam ialah memandangkan wujudnya orang yang tidak bertanggungjawab yang mempunyai sikap untuk merosak atau vandalism tetapi apa yang saya hendak tegaskan di sini ialah sebilangan besar rakyat patut tidak dinafikan perkhidmatan yang perlu ini oleh kerana apa yang dibuat oleh segolongan orang yang tidak bertanggungjawab.

<i>Kawasan</i>	<i>Muatannya</i>	<i>Jenis</i>	<i>Masa siapnya</i>
Kampung Pauh (Jalan Kuchai Lama)	10,000 talian ...	Angka Silang (Crossbar)	Penghujung tahun 1976
Setapak	4,000 talian ...	Angka Silang (Crossbar)	Penghujung tahun 1976
Midah (Taman Midah) ...	7,000 talian ...	Angka Silang (Crossbar)	Penghujung tahun 1976
Sungai Way	10,000 talian ...	Electronic	Bulan September 1976
Damansara (Damansara Heights)	5,000 talian ...	Angka Silang (Crossbar)	Bulan September 1976
Jumlah ...	86,000 talian		

Dengan pembinaan tersebut akan didapati 86,000 talian (exchange lines) dalam penghujung tahun 1976. Sebanyak 120,000 talian lagi akan dapat disiapkan pada tahun 1978 apabila ibusawat-ibusawat talipon electronic baru, siap dibina di tempat-tempat seperti berikut:

<i>Ibusawat</i>	<i>Muatannya</i>	<i>Jenis</i>	<i>Masa siapnya</i>
Kawasan Tun Dr Ismail (Taman Tun Dr Ismail) ...	20,000 talian ...	Electronic	Penghujung tahun 1977
Taman Petaling (PJ) ...	20,000 talian ...	Electronic	Penghujung tahun 1977
Shah Alam	10,000 talian ...	Electronic	Penghujung tahun 1976
Subang Jaya	10,000 talian ...	Electronic	1978
Port Kelang	10,000 talian ...	Electronic	Penghujung tahun 1977
San Peng (Jalan San Peng) ...	20,000 talian ...	Electronic	1978
Ladang Edinburgh (Batu/Kepong/Jinjang)	10,000 talian ...	Electronic	1978
Bungsar (Taman Bungsar) ...	20,000 talian ...	Electronic	1978
Jumlah ...	120,000 talian		

Jumlah talian-talian yang akan diadakan itu ialah 206,000 talian dan ini ialah tambahan sebanyak 257%.

Masaalah-masaalah untuk pembinaan kebel-kebel pelanggan kepada tempat-tempat kediaman pelanggan-pelanggan daripada ibusawat-ibusawat adalah lebih rumit lagi, kerana kerja ini meliputi pembinaan paip-paip bawah tanah, "manholes" dan "joint boxes" di jalan-jalanraya untuk menyalurkan kebel-kebel ke rumah-rumah pelanggan. Adanya kelambatan dalam kerja ini oleh sebab kesesakan jalanraya dikebanyakan jalan-jalan di Kuala Lumpur, terutamanya di pusat bandar, dan juga atas kesesakan ruangan-ruangan bawah tanah untuk menyalurkan paip-paip, oleh keadaan kebel-kebel letrik, paip-paip air, paip-paip najis (sewer) dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, kerja di kawasan-kawasan Jalan Bukit Bintang/Birch/Shaw, Jalan San Peng, Kawasan Jalan Imbi, Taman Midah, Jalan Kelang Lama/Jalan Kuchai Lama, Petaling Jaya/Sungai Way, Batu/Jalan Ipoh, hampir siap untuk memberi perkhidmatan kepada penunggu-penunggu talipon. Untuk kawasan-kawasan yang lain, Jabatan Talikom telahpun ada rancangan-rancangan dan dijangka siap pada penghujung tahun 1976 dan kebanyakan penunggu-penunggu talipon akan diberikan perkhidmatan.

Jabatan Talikom sedang merancangkan 632,000 talian tambahan pada jangkamasa lima tahun dari sekarang. Ini membayangkan kira-kira 385% berlebihan, dan setengah daripada ini ialah untuk kawasan Kuala Lumpur dan sekitarnya.

Jabatan Talikom juga menghadapi kesusahan untuk mendapat jurutera-jurutera yang berpengalaman untuk menjalankan projek-projek pembinaan yang sangat besar ini. Dalam masa 1971 sampai 1973 kira-kira 40 jurutera yang berpengalaman telah meletakkan jawatan di atas sebab-sebab persendirian. Sungguhpun Jabatan Talikom mendapat kakitangan yang baru pada tahun 1974 dan 1975, tetapi mereka perlu berkhidmat beberapa tahun untuk mendapatkan pengalaman dan kemahiran yang dikehendaki itu.

Saya sedar dengan masalah-masalah mengenai perkhidmatan talipon awam di kawasan Kuala Lumpur. Untuk memperbaiki lagi perkhidmatan talipon awam, Jabatan Talikom telah mengikat perjanjian dengan sebuah syarikat tempatan di mana syarikat tersebut akan mengadakan perkhidmatan talipon awam yang baru di kawasan-kawasan yang difikirkan perlu oleh Jabatan Talikom dan menjaga perkhidmatan talipon awam itu. Perjanjian ini telah dikuatkuasakan mulai pada 1hb Januari, 1975 dan pada peringkat permulaan ia hanya meliputi kawasan-kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Sekiranya sekim ini membuktikan kejayaan, ianya mungkin akan diperluaskan untuk meliputi kawasan-kawasan lain.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.